

[Dokumen ini belum disemak]

PARLIMEN KESEBELAS**PENGGAL PERTAMA****MESYUARAT KETIGA**

Bil. 35**Isnin****13 September 2004**

K A N D U N G A N**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN** (Halaman 1)**UCAPAN TAKZIAH:**Ucapan Takziah Atas Pulangnya Ke Rahmatullah Isteri Kepada
Yang Di-Pertua Dewan Rakyat, Allahyarhamah Toh Puan
Datin Seri Halimatun Saadiah binti Chik

(Halaman 19)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2004) 2004

Jawatankuasa:-**Jadual:-**

Maksud B.42	(Halaman 20)
Maksud B.43	(Halaman 34)
Maksud B.50	(Halaman 35)
Maksud B.52	(Halaman 52)
Maksud B.70	(Halaman 64)
Maksud B.71	(Halaman 74)

Rang Undang-undang Perbekalan 2005 (Halaman 77)

USUL:

Anggaran Pembangunan Tambahan (Bil.1) 2004

Jawatankuasa:-

Maksud P.44	(Halaman 34)
Maksud P.47	(Halaman 35)
Maksud P.50	(Halaman 35)
Maksud P.52	(Halaman 52)
Maksud P.70	(Halaman 64)
Maksud P.71	(Halaman 74)

Anggaran Pembangunan 2005	(Halaman 77)
---------------------------	--------------

MALAYSIA**DEWAN RAKYAT****Isnin, 13 September 2004****Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi****DOA**

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob)]

mempengerusikan Mesyuarat

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Dr. Rozaidah binti Talib [Ampang]** minta Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi menyatakan sebab-sebab mengapa syarikat-syarikat televisyen swasta tidak perlu mematuhi syarat-syarat penapisan, penayangan dan pengiklanan yang ketat seperti yang dibuat oleh Kementerian Penerangan.

Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi [Dato' Shaziman bin Abu Mansor]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, adalah tidak benar syarikat-syarikat televisyen swasta tidak perlu mematuhi syarat-syarat penapisan, penayangan dan pengiklanan seperti yang dikenakan oleh Kementerian Penerangan. Syarikat televisyen swasta adalah terikat dengan Garis Panduan Penyiaran 1998 dan kod pengiklanan yang sama diguna pakai oleh stesen awam di samping perlu mematuhi peruntukan-peruntukan di bawah Akta Komunikasi Multimedia 1998.

Kesemua kandungan dan bahan yang disiarkan oleh pihak badan penyiar sama ada awam atau swasta perlu ditapis oleh Lembaga Penapisan Filem (LPF) dan memperolehi Sijil A sebelum ianya boleh disiarkan mengikut Akta Penapisan Filem 1952, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Akta FINAS 1981, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan melainkan ASTRO yang telah diberi pengecualian dan dibenarkan menjalankan pengawalseliaan sendiri tertakluk kepada garis panduan penapisan yang ditentukan oleh Kementerian Hal-Ehwal Dalam Negeri.

Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia sentiasa memantau kandungan yang disiarkan oleh badan penyiar swasta.

Tindakan undang-undang akan diambil terhadap badan penyiar yang melanggar undang-undang yang berkaitan dengan penyiaran yang dikuatkuasakan.

Untuk memastikan pemantauan dan kawal selia yang bersepadu di antara stesen awam dan swasta, kementerian telah menubuhkan satu Jawatankuasa Penyelarasan Pemantauan Siaran Televisyen, Radio Awam dan Swasta pada pertengahan tahun ini. Jawatankuasa ini dianggotai oleh 10 agensi kerajaan yang terlibat secara langsung dengan penyiaran kandungan. Jawatankuasa ini diberi tanggungjawab untuk memastikan kandungan yang disiarkan adalah selari dengan aspirasi negara dan mempunyai nilai-nilai murni budaya Malaysia. Terima kasih.

Dr. Rozaidah binti Talib [Ampang]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Diharap peraturan tidak tinggal peraturan. Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini sebuah televisyen swasta iaitu TV8 melalui Euro 2004, dengan izin, ada menyelitkan sebuah iklan minuman keras iaitu *Carlsberg*. Soalan tambahan saya kepada kementerian ialah, bagaimanakah benda ini boleh terlepas dan keduanya, jika benda ini dalam makluman kementerian, apakah tindakan yang telah diambil dan adakah tindakan itu setimpal dengan ganjaran ataupun bayaran yang diterima oleh syarikat televisyen swasta tersebut yang diperolehi daripada iklan tersebut. Terima kasih.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih Yang Berhormat bagi Ampang. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, kementerian memandang amat serius akan kejadian penyiaran iklan *Carlsberg* dalam TV8 pada ketika Euro 2004 disiarkan. Kementerian menunjukkan sikap yang tegas telah mengenakan denda kompaun berjumlah RM50,000 iaitu kompaun maksimum yang dikenakan kepada syarikat stesen TV8 dan ini menunjukkan bagaimana kementerian ini melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia memandang begitu serius akan kesalahan yang dilakukan oleh stesen TV8 ini dan sekiranya stesen TV ini masih melakukan kesilapan yang sama di masa akan datang, kementerian tidak teragak-agak akan membawa stesen TV8 ini ke muka pengadilan dan jika disabit kesalahan mengikut Akta Suruhanjaya Komunikasi Multimedia 1998 Seksyen 4 (2), maksimum penalti yang boleh dikenakan kepada stesen TV ini adalah RM100,000 dan di masa yang sama, ia juga boleh dikenakan hukuman penjara dua tahun atau kedua-duanya sekali. Terima kasih.

Datuk Bung Moktar bin Raden [Kinabatangan]: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri, kita wakil rakyat

pun, setelah letih bekerja, kita duduk hadapan TV, sama ada tengok informasi, berita dan sebagainya.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Akademi Fantasia.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Lebih-lebih lagi kalau tayangan filem yang begitu menariklah. Saya, dalam soal penapisan ini, kita memang bersetuju. Tetapi, janganlah penapisan tersebut merosakkan inti pati cerita yang hendak kita tonton sebab, *movie* atau filem ini macam juga makanan, apabila *ingredient* dia dikurangkan, Ajinomoto tidak ada, maka mutu filem itu sudah tidak ada. Jadi, apakah justifikasi pihak kementerian untuk mengukur penapisan ini tetapi dalam masa yang sama memastikan bahawa jalan cerita itu tidak tergendala ataupun tidak dapat kita fahami disebabkan pemotongan penapisan-penapisan tersebut. Terima kasih.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kinabatangan. Sebagaimana yang sering dibangkitkan oleh rakan-rakan Yang Berhormat, dari segi filem yang disiarkan, kadang-kadang kalau filem itu tidak dipotong, ada wakil Yang Berhormat yang jadi marah. Umpamanya, Yang Berhormat bagi Jerai, Yang Berhormat bagi Sri Gading sampai sanggup hendak jadi sebahagian dan duduk sebagai Lembaga Penapis Filem. Oleh itu, kita kena tapis separuh-separuh filem.

Walau bagaimanapun, untuk menunjukkan kementerian ini begitu prihatin dari segi mutu filem yang disiarkan, sebagaimana yang saya nyatakan tadi, kementerian ini telah melantik, telah memutuskan supaya diadakan satu Jawatankuasa Penyelarasan Pemantauan Siaran Radio dan Televisyen Awam yang mana sebagaimana yang saya katakan tadi, akan diisi oleh 10 agensi.

Di antara agensi-agensi yang terlibat, sukalah saya terangkan adalah daripada Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi, Kementerian Penerangan, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Kementerian Keselamatan Dalam Negeri, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Kementerian Kesihatan, Kementerian Pertanian, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia termasuk Kementerian Pelajaran. Dengan adanya pemantauan ini, diharapkan kita ada satu hala tuju bagaimana bentuk siaran, hiburan yang hendak kita keluarkan di negara ini supaya ada aspirasi, sensitiviti

kepada agama, budaya di samping cerita itu tidak tergantung-gantung. Itulah yang dapat saya maklumkan. Terima kasih.

2. **Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim [Kota Bharu]** minta Perdana Menteri menyatakan apakah kayu ukur atau '*benchmark*' yang diletakkan oleh kerajaan di dalam menilai kejayaan Pelan Integriti Nasional (PIN) sama ada dari aspek sasaran jangka pendek ataupun sasaran jangka panjang.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk M. Kayveas]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kota Bharu dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, Pelan Integriti Nasional (PIN) merupakan dasar dan strategi pelan tindakan jangka panjang ke arah pembudayaan integriti masyarakat Malaysia. Namun begitu, kerajaan menggariskan lima sasaran bagi tempoh lima tahun dari tahun 2004 hingga tahun 2008 yang dikenali sebagai dekad 2008 iaitu:

- (i) mengurangkan gejala rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa secara berkesan;
- (ii) meningkatkan kecekapan dalam sistem penyampaian perkhidmatan awam dan mengatasi kerenah birokrasi;
- (iii) meningkatkan tadbir urus korporat dan etika perniagaan;
- (iv) memantapkan institusi keluarga; dan
- (v) meningkatkan kualiti hidup dan kesejahteraan masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana dijelaskan dalam buku PIN, telah juga dirangka penilaian keberkesanan pelaksanaan atau kayu pengukur pelbagai strategi dan program bagi memantapkan integriti seluruh masyarakat dan negara. Antaranya melalui laporan *stakeholders*, dengan izin, maklum balas melalui soal selidik dan kajian mengenai etika dan integriti yang akan dijalankan dari semasa ke semasa. Ukuran kedua ialah melalui pendekatan *quantitative* yang membuat penilaian berdasarkan pencapaian yang diukur secara saintifik mengikut acuan negara dan juga perbandingan dengan negara-negara lain di peringkat antarabangsa. Sekian, terima kasih.

Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim [Kota Bharu]: Tuan Yang di-Pertua, tadi jawapan Yang Berhormat Menteri, kita akan mendapat sekurang-kurangnya dalam masa lima tahun terdekat ini, satu ukuran yang jelas bagaimana pelan ini akan tercapai. Saya ingin bertanya sama ada kerajaan bercadang, bukan sahaja mengukur

daripada prestasi dan integriti Kerajaan Pusat, tetapi juga prestasi kerajaan negeri di Persekutuan.

Saya rasa adalah baik bagi rakyat untuk dapat mengetahui sejauh manakah integriti sebuah kerajaan negeri itu berbanding dengan kerajaan negeri yang lain kerana ini juga dapat memperbaiki keadaan keseluruhan negara kita. Terima kasih.

Datuk M. Kayveas: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kota Bharu. Setakat ini, pelaksanaan ini adalah ke seluruh negara tetapi dalam peringkat selepas kita mengkaji dan dari peringkat ke peringkat, kita akan membawa ini kepada negeri-negeri lain. Kita perlu sedikit masa. Sekarang ini, selepas PIN, kita telah mencadangkan IIM menerajui pelaksanaan dan kajian untuk *periodic study*, dengan izin, persepsi umum terhadap semua perkara dalam dua tahun. Selepas itu, mungkin kita akan bawa perkara atau kajian ini kepada peringkat satu negeri ke satu negeri. Terima kasih.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Tuan Yang di-Pertua, kenapa dalam sasaran jangka pendek atau jangka mid term, PIN tidak ada *target* mengenai beberapa orang ikan yu atau high profile ahli-ahli politik yang ditangkap, khasnya apabila baru-baru ini nampaknya 18 high profile *corrupt* yang sudah dilepaskan, yang mustahak mahu melihat usaha-usaha dan konkrit result dan bukannya apa yang mustahak bukan IIM untuk memantau pelaksanaan PIN supaya ada satu budaya yang baru mengenai integriti dan dengan izin, *zero tolerance* untuk *corruption*, bahawa adalah satu high powered jawatankuasa khasnya mungkin satu jawatankuasa pilihan Parlimen untuk memantau sama ada PIN dilaksanakan, bukan IAM satu institusi untuk kajian persepsi umum, masalah bukan kajian persepsi umum, masalah ialah bagaimana kita boleh membasmi korapsi berakar umbi di tanah air kita.

Datuk M. Kayveas: Terima kasih Ahli Yang Berhormat bagi Ipoh Timor. Ini lagi sekali Ketua Pembangkang, ini dia kata 18 orang lepas, tidak tahu mana dia dapat maklumat, selalunya dia punya maklumat, dia dapat daripada luar, ini saya telah nyatakan gerakan ini

Tuan Lim Kit Siang: [Bangun][Menyampuk]

Datuk M. Kayveas: Duduklah, duduklah sekejap, orang hendak beri jawapan ini, berdiri pula. Pagi-pagi lagi mahu tunjuk, hendak masuk *paper*lah besok pagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Teruskan jawapan Yang Berhormat.

Datuk M. Kayveas: Gerakan ini, pemantapan integriti yang dipacu oleh PIN dan dipantau oleh IIM. Sekarang ini kita ada tubuhkan IIM, saya fahamlah cadangan Ahli Yang Berhormat hendak bawa ke Parlimen, kerana kalau dapat bawa ke Parlimen, Ahli Yang Berhormat pun bolehlah masuk dalam *committee*, apakah dapat peluang, itu sahajalah, ini adalah satu permintaan untuk *self motive* sahaja, ini bukan satu cadangan untuk

Puan Chong Eng: [*Bercakap tanpa pembesar suara*]

Datuk M. Kayveas: Diamlah!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat!

Datuk M. Kayveas: Bukan satu cadangan untuk seluruh negara dan seluruh rakyat.

Puan Chong Eng: [*Terus berucap tanpa pembesar suara*]

Datuk M. Kayveas: Kenapa macam *market* ini? Dengar sekejaplah. Kalau you hendak bercakap, saya tidak perlu jawab. Bukit Mertajam okey?

Jadi, cadangan yang diberikan oleh pembangkang ini, oleh Ahli Yang Berhormat bagi Ipoh Timor ini, itu hanya untuk pembangkang, DAP sahajalah, dia hendak terlibat dalam semua yang kita buatlah, oleh sebab itu, cadangan itu tidak diterimalah.

Seorang Ahli Pembangkang: Mana ada standard macam itu?

[Soalan Nombor 3 – Y.B. Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail [Arau] tidak hadir]

4. Tuan Tan Kok Wai [Cheras] minta Menteri Kesihatan menyatakan perangkaan bagi Kempen Tak Nak Merokok dari segi kos kempen dan iklan serta kos setiap jenis iklan yang digunakan, tempoh kempen dan pencapaian kempen dan berapa anggaran jumlah perokok pada tempoh sebelum dan selepas kempen.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Tuan Lee Kah Choon]: Tuan Yang di-Pertua, kos keseluruhan kempen Tak Nak bagi tahun 2004 adalah sebanyak RM17 juta iaitu bagi membiayai:

Waktu Siaran TV	-	RM3 juta
Waktu Siaran Radio	-	RM 700,000
Iklan Akhbar	-	RM2.5 juta
Majalah	-	RM 250,000

Iklan di Panggung Wayang -	RM 200,000
Pengiklanan Luar iaitu <i>Bill board and community board</i>	
[Kawasan Luar Bandar] -	RM5,670,000
Pengiklanan Luar [Kawasan Bandar] -	RM3 juta

Selebihnya adalah untuk penerbitan bahan pendidikan dan pengurusan kempen. Kempen ini akan dilaksanakan untuk tempoh lima tahun. Oleh kerana kempen ini baru dimulakan enam bulan lalu, adalah terlalu awal bagi kita untuk melihat pengurangan dalam bilangan perokok setakat ini.

Untuk mengubah tingkah laku perokok untuk berhenti merokok memerlukan tempoh masa yang agak lama dan tidak boleh berlaku dalam sekelip mata. Oleh yang demikian, kempen ini harus dijalankan secara berterusan menggunakan pelbagai pendekatan.

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, dari segi sejarah dan perangkaan Kementerian Kesihatan sendiri, apakah kenaikan cukai rokok telah menambah hasil kerajaan, ataupun berkurangan kerana permintaan atas rokok turut berkurang dan apakah bentuk-bentuk kempen Tak Nak Merokok ini akan berubah dari corak yang nampaknya *passive*, lebih progresif ataupun lebih bertenaga untuk mempesonakan rakyat supaya buang jauh tabiat merokok ini.

Tuan Lee Kah Choon: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Kenaikan cukai merokok ini adalah di antara beberapa program, langkah yang kita ambil, yang komprehensif yang kerajaan ambil untuk mengurangkan kalangan perokok-perokok di Malaysia ini dan mengikut statistik yang kita ada, kenaikan cukai ini ataupun kenaikan harga rokok ini selalunya ia ada *inverse* kaitannya dengan nombor orang perokok ini. Ini bermakna kalau harga rokok ini ia naik, kalau berterusan ia akan dapat mengurangkan bilangan perokok. Statistik itu boleh tulis kepada saya, saya akan dapatkan, saya tidak ada pada masa sekarang, tetapi statistik yang kita ada itu, kita mengikut statistik Singapura yang menunjukkan bahawa harga rokok kalau kita naikkan berterusan, ia akan mengurangkan bilangan perokok. Sekian.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Kita menyokong di atas kenaikan cukai rokok, semacam sahabat saya dari Kinabatangan, Johor Bahru, Putrajaya, Batu Pahat

[Ketawa] masalahnya dalam pendekatan kerajaan menaikkan cukai rokok, termasuklah pembangkang pun hisap rokok juga, yang jadi masalah ialah tentang penyeludupan, sudah tentu akan berlaku mengikut pintu belakang berleluasa apatah lagi kalau dikipas oleh pembangkang tentang isu ini, oleh itu apakah pendekatan kerajaan sebagaimana yang telah dikatakan oleh Setiausaha Parlimen tadi tentang wang berjuta-juta ringgit yang telah digunakan oleh kerajaan, dalam kempen-kempen untuk melarang atau mengurangkan bilangan perokok-perokok termasuk penyokong pembangkang, oleh itu, apakah tindakan kerajaan ibarat kata pepatah, 'alang-alang menyeluk pekasam' diharamkan terus penjualan rokok ini supaya masalah ini tidak timbul lagi di masa hadapan. Minta jawapan daripada pihak kerajaan. Terima kasih.

Tuan Lee Kah Choon: Terima kasih Yang Berhormat. Berkaitan dengan penyeludupan rokok ini kerana kenaikan cukai, saya rasa ini adalah satu pendekatan yang kita kena ambil, yang itu Kastam dan Eksais kena mempertingkatkan cara bagaimana menjalankan penguatkuasaan mereka dan ini adalah satu *argument* yang selalunya diketengahkan oleh pihak syarikat rokok yang mengatakan, kalau kita tinggikan cukai, penyeludupan akan berleluasa, tetapi ini saya rasa tidaklah logik kerana kalau pihak Kastam dan Eksais kita mempertingkatkan usaha mereka untuk menangkap orang-orang yang membuat penyeludupan ini, saya rasa penyeludupan ini tidak akan jadinya.

Berkaitan dengan haramkan rokok ini, satu arahan telah diberi oleh The National Islamic Council yang mengatakan merokok itu adalah haram, cuma pada masa sekarang ini ada banyak negeri, kerana agama ini adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri, ada banyak lagi negeri yang tidak lagi

Beberapa Ahli: Makruh!

Tuan Lee Kah Choon: Ohh, makruh. Okey, tetapi yang setahu saya, banyak negeri yang masih belum mewajibkan atau mengharamkan rokok inilah, tetapi bagi kerajaan untuk mengharamkan sesuatu seperti rokok ini, pada masa ini tidaklah sesuai kerana tidak ada satu negara di dunia ini yang dapat mengharamkan rokok lagi, tetapi tindakan yang boleh kita ambil ialah supaya kita akan mengurangkan perokok di kalangan rakyat kita. Sekian.

5. Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa] minta Menteri Luar Negeri menyatakan justifikasi cadangan Malaysia menghantar pasukan pengaman ke Iraq:

- (a) kenapa cadangan ini tidak dibentang di mesyuarat OIC yang lepas di Putrajaya; dan
- (b) tidakkah cadangan ini hanya untuk menyelamatkan maruah Amerika Syarikat di samping menimbulkan kebencian rakyat Iraq terhadap Malaysia.

Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri [Dato' Zainal Abidin bin Osman]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat bagi Pengkalan Chepa pada 13 September 2004, seiring bersama tiga soalan di hari-hari lain yang akan dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kubang Kerian pada 28 September 2004, Yang Berhormat bagi Temerloh pada 2 Disember 2004 dan Yang Berhormat bagi Tumpat juga pada 2 Disember 2004. Ini adalah kerana keempat-empat soalan tersebut menyentuh isu yang sama dan mempunyai jawapan yang serupa.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sila.

Dato' Zainal Abidin bin Osman: Tuan Yang di-Pertua, cadangan penghantaran pasukan tentera daripada negara-negara OIC atau 'Muslim Force', dengan izin, telah dibuat oleh Kerajaan Arab Saudi dan bukannya cadangan daripada Kerajaan Malaysia.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, cadangan tersebut telah disampaikan sendiri oleh Putra Saud Al-Faisal, Menteri Luar Arab Saudi, dalam perbincangan dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 31 Julai 2004. Kerajaan telah meneliti cadangan berkenaan dan mengambil pendirian bahawa penyertaan tentera Malaysia ke Iraq hendaklah memenuhi syarat-syarat berikut:

- (i) penghantaran pasukan tersebut perlulah atas jemputan Kerajaan Iraq dan negara Iraq;
- (ii) pasukan tersebut hendaklah menggantikan Tentera Pelbagai Negara (*Multinational Force*) yang diketuai oleh Amerika Syarikat dan bukan sebagai pasukan tambahan; dan
- (iii) pasukan tersebut perlulah beroperasi di bawah naungan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah memantau perkembangan tentang perkara ini dan keputusan akan dibuat dalam waktu yang bersesuaian, ianya bergantung kepada sama ada kesepakatan dapat dicapai di antara anggota-anggota OIC. Buat masa sekarang, belum ada kata sepakat dalam isu ini di kalangan negara-negara OIC. Banyak negara tersebut berpendapat bahawa tidak sesuai buat masa ini untuk menghantar pasukan tentera pengaman dari negara OIC kerana Iraq masih berada di bawah tentera penceroboh. Ini adalah pendapat mereka yang tidak mahu dianggap bersekongkol dengan tentera penceroboh yang diketuai oleh Amerika Syarikat.

Di samping itu, Tuan Yang di-Pertua, keadaan keselamatan di Iraq masih meruncing dan pertumpahan darah berlaku saban hari, ianya tentu menyukarkan penghantaran pasukan tentera pengaman ke sana. Keadaan keselamatan yang tidak terjamin ini boleh mendatangkan risiko kehilangan nyawa yang tinggi kepada pasukan tentera pengaman Malaysia.

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapan Setiausaha Parlimen tadi, ada menyebut sekiranya Kerajaan Iraq sendiri memohon, kerajaan sementarakah, kerajaan selepas ini saya tidak tahu, tetapi Kerajaan Iraq sendiri memohon tentera dari Malaysia dan kalau dipersetujui oleh OIC, Malaysia akan menghantar ataupun menimbang untuk menghantarnya.

Adakah syarat ini akan dipenuhi sekiranya tidak memenuhi kriteria yang lain.

Soalan (b), sebagai Pengerusi OIC, apakah Kerajaan Malaysia tidak mahu mengambil langkah-langkah yang lain seperti cadangan sesetengah negara Islam, supaya memboikot setengah dari barangan Amerika untuk menekankan, untuk memberi satu tekanan negara Islam kepada Amerika Syarikat. Terima kasih.

Dato' Zainal Abidin bin Osman: Terima kasih kepada soalan tambahan Yang Berhormat bagi Pengkalan Chepa. Seperti yang saya terangkan tadi Yang Berhormat, ketiga-tiga syarat ini perlu dipenuhi sebelum kita menghantar pasukan tentera pengaman di bawah OIC. Sekiranya cuma satu syarat sahaja iaitu jemputan daripada kerajaan sementara Iraq dibuat, itu belum memenuhi semua syarat-syarat dan kalau ketiga-tiga syarat ini mengizinkan pun, kalau keadaan keselamatan tidak mengizinkan, kita tidak akan menghantar ke sana seperti Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri iaitu Menteri Pertahanan pun ada di sini, kita tidak mahu menghantar pasukan kita untuk dipenggal oleh tentera Iraq.

Sebagai jawapan untuk soalan yang kedua, langkah untuk memboikot barangan Amerika ini, negara-negara OIC ini ramai masing-masing ada pendirian sendiri dan untuk mendapatkan kata sepakat untuk memboikot barangan mereka adalah sesuatu yang agak sukar. Sekian Yang Berhormat.

Dr. Junaidy bin Abdul Wahab [Batu Pahat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Setiausaha Parlimen. Berkenaan dengan penghantaran rakyat Malaysia ke Iraq yang lepas, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada mengumumkan berkenaan dengan penghantaran pasukan perubatan ke Iraq. Soalan saya, apakah perkembangan terkini berkenaan program penghantaran pasukan perubatan tersebut? Sekian, terima kasih.

Dato' Zainal Abidin bin Osman: Terima kasih Yang Berhormat Doktor daripada Batu Pahat. Bagi menjawab soalan Yang Berhormat tersebut, dalam usaha membantu Iraq yang memerlukan bantuan sepanjang masa, Jemaah Menteri dalam mesyuaratnya pada 7 Julai 2004 telah bersetuju supaya Malaysia memberi sumbangan dalam bentuk pasukan perubatan ke Iraq.

Namun begitu, penghantaran pasukan perubatan ini juga cuma dapat dilakukan apabila keadaan keselamatan di Iraq mengizinkan. Susulan kepada keputusan Jemaah Menteri pada 7 Julai dan 28 Julai tersebut, Kementerian Luar Negeri bersama dengan Kementerian Pertahanan dan Bahagian Penyelidikan, Jabatan Perdana Menteri telah membuat mesyuarat susulan pada 28 Julai dan 9 Ogos, di mana perbincangan tersebut telah menyentuh berbagai-bagai aspek yang berkaitan dengan aspek keselamatan, kewangan, mekanisme dan skop operasi pasukan perubatan tersebut.

Mesyuarat terakhir telah dibuat pada 18 Ogos 2004 baru-baru ini dan telah memutuskan bahawa satu pasukan peninjau iaitu *recce team* akan dihantar ke Amman, Jordan pada 25 hingga 30 September 2004, dua minggu lagi. Pasukan Peninjau ini akan memasuki Iraq jika keadaan keselamatan mengizinkan.

Tujuan penghantaran Pasukan Peninjau ini adalah untuk meninjau keadaan keselamatan serta mengadakan perbincangan dengan pegawai-pegawai keselamatan dan agensi berkaitan dari Iraq dan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan di Iraq mengenai cadangan Malaysia untuk menghantar pasukan perubatan ke Iraq. Pasukan Peninjau ini akan terdiri daripada wakil-wakil Kementerian Luar, Kementerian Pertahanan dan Bahagian Penyelidikan, Jabatan Perdana Menteri serta *MERCY*.

Sekembalinya daripada misi itu nanti, satu laporan penilaian mengenai situasi di Iraq, jenis bantuan perubatan yang diperlukan oleh rakyat Iraq, *modus operandi* yang akan diguna pakai oleh pasukan perubatan Malaysia serta maklumat-maklumat akan disediakan untuk makluman dan keputusan selanjutnya oleh Jemaah menteri. Sekian, terima kasih.

6. Datuk Haji Astaman bin Abdul Aziz [Titiwangsa] minta Menteri Pertahanan menyatakan kekurangan yang kini dihadapi oleh Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dari segi peralatan dan persenjataan asas, terutamanya unit-unit barisan hadapan, memandangkan pengagihan peruntukan untuk Program Latihan Khidmat Negara diserap sepenuhnya oleh Kementerian Pertahanan, serta langkah-langkah untuk menampung kekurangan tersebut.

Menteri Pertahanan [Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak]:

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan bagi Program Latihan Khidmat Negara yang diluluskan oleh kerajaan adalah sebanyak RM300 juta dan ianya adalah berasingan daripada peruntukan ATM. Oleh yang demikian, pelaksanaan PLKN tidak menyebabkan kekurangan peralatan dan persenjataan asas ATM.

Datuk Haji Astaman bin Abdul Aziz [Titiwangsa]: Tuan Yang di-Pertua, anak-anak kita dalam menjalankan pendidikan dan pelajaran mereka, kita dapat cuti di antara Darjah 6 dan Tingkatan 1 pendek, di antara Tingkatan 3 dan Tingkatan 4 pun pendek. Tetapi cuti di antara selepas Peperiksaan SPM sebelum mereka masuk ke Tingkatan 6 ataupun ke IPTA atau IPTS, agak panjang di antara 6 hingga 8 bulan.

Memandangkan ini adalah suatu masa yang agak panjang, kemungkinan besar masuk anginlah orang katakan anak-anak remaja ini. Soalannya adakah kakitangan angkatan tentera yang terlibat dalam Program PLKN ini diberi latihan tambahan mengenai *psychology* golongan anak-anak remaja kita sini supaya Program PLKN ini dapat dijalankan dengan lebih berkesan.

Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, kita telah memperolehi banyak pengalaman daripada pelaksanaan Program PLKN yang mana jurulatih-jurulatih yang telah melalui proses untuk melatih peserta-peserta PLKN telah diteliti kemampuan dan kewibawaan mereka dan kita dalam proses untuk meningkatkan lagi kemampuan dan keupayaan mereka supaya program ini dapat dijalankan dengan lebih berkesan lagi.

7. **Datuk Goh Siow Huat [Rasah]** minta Perdana Menteri menyatakan adakah pihak polis menyiasat latar belakang dan rekod seseorang calon yang dicalonkan dari pihak kerajaan bagi pencalonan Darjah Kebesaran Peringkat Negeri dan Peringkat Persekutuan.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Mohd. Johari bin Baharum]: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan siasatan terhadap latar belakang dan rekod seseorang yang dicalonkan dari pihak kerajaan bagi pencalonan Darjah Kebesaran Peringkat Negeri dan Peringkat Persekutuan adalah dimaklumkan bahawa Urusetia Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Persekutuan akan menghantar pencalonan nama-nama mereka yang telah diperakukan oleh Jawatankuasa Tetap Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Persekutuan dan diperkenankan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong akan dihantar untuk tapisan keselamatan kepada pihak Polis Diraja Malaysia.

Bagi Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Negeri pula, perkara ini adalah tertakluk kepada peraturan dan prosedur yang telah ditetapkan oleh pihak negeri-negeri yang berkenaan.

Datuk Goh Siow Huat [Rasah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya difahamkan pencalonan penganugerahan darjah, bintang dan pingat kebesaran memang ada satu garis panduan oleh kerajaan. Soalan tambahan saya, adakah Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri mengikut garis panduan yang sedia ada dan juga meneliti, menyiasat akhlak dan jasa baik seseorang calon itu kepada bangsa dan negara supaya dapat penghormatan yang tertinggi khususnya rakyat jelata kita.

Setakat ini ada berapa ramai rakyat kita telah dikurniakan pingat kebesaran ini? Sekian, terima kasih.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Untuk perhatian Yang Berhormat, soalan ini saya telah jawab kali yang kedua pada hari ini. Sebenarnya memanglah kita mempunyai jawatankuasa tetap yang meneliti rekod latar belakang setiap calon yang dicalonkan untuk mendapat mana-mana pingat atau darjah kebesaran.

Kadang-kadang juga nama-nama ini dicalonkan oleh kebanyakan daripada Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri daripada Ahli-ahli Parlimen, persatuan-persatuan dan sebagainya. Kita memohon kerjasama daripada pihak-pihak yang mencalonkan orang-orang yang dianggap boleh menerima bintang-bintang ini supaya meneliti betul-betul tentang latar belakang mereka ini.

Setakat hari ini, memanglah kita meneliti dengan teliti berkenaan calon-calon yang telah dicadangkan. Setakat hari ini, kerajaan peringkat persekutuan, kita biasa tarik balik beberapa pingat termasuklah pingat yang kita bagi kepada bekas Suruhanjaya Tinggi ke Australia yang diberikan pada tahun 1958. Darjah Kebesaran itu ialah gelaran TUN, biasa kita tarik balik pada 13 November 1968. Seorang ahli perniagaan yang menerima pingat PSM bergelar Tan Sri pada tahun 1970, pada tahun 1982 kita tarik balik kerana terlibat dengan rasuah dan seorang bekas pegawai tinggi tentera menerima Pingat JMN biasa kita tarik balik pada tahun 1983, ini di peringkat Persekutuan. Kalau di peringkat negeri, kita tidak ada rekod. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kadang-kadang saya nampak orang yang tidak begitu layak mendapat pingat, yang kita baca dari surat khabar dan sumber-sumber lain, kadang-kadang orang yang layak kita nampak tidak dapat. Apakah proses yang digunakan supaya pencalonan ini lebih *transparent*, lebih diketahui oleh orang ramai supaya yang layak ini patut diberi dan yang tidak layak patut tidak dipertimbangkan.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya jawatankuasa ini telah meneliti, maknanya setelah melalui proses yang saya sebutkan tadi dicadangkan oleh pihak-pihak tertentu dan ditapis oleh Urusetia Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Persekutuan yang dipengerusikan sendiri oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Ahli-ahli Jawatankuasanya, di antaranya ialah Ketua Setiausaha Negara, Panglima Angkatan Tentera, IGP dan beberapa orang lain yang biasanya yang kita beri itu ialah mereka yang layak. Itulah untuk makluman Ahli Yang Berhormat. Kalau yang tidak layak itu saya tidak tahulah, mungkin setakat ini hari kalau dia tidak layak dan didapati ada masalah rasuah dan sebagainya sebagaimana yang kita beritahu tadi, kita telah menarik balik pingat-pingat yang diberi. Terima kasih.

[Soalan No. 8 - Y.B. Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai] tidak hadir.

[Soalan No. 9 – [Y.B. Tuan Ismail Sabri bin Yaakob [Bera] tidak hadir.

10. Dato' Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin [Sik] minta Menteri Kerja Raya menyatakan sama ada pihak kementerian ini bercadang mengambil alih penyenggaraan jalan-jalan negeri.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya [Dato' Yong Khoo Seng]:

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya bersedia memberikan pertimbangan bagi mengambil alih penyenggaraan jalan-jalan negeri jika permohonan dibuat oleh kerajaan negeri.

Kerajaan Persekutuan hanya boleh mengambil alih jalan-jalan negeri setelah memenuhi beberapa kriteria iaitu di antara lain ialah kekuatan struktur *pavement* yang mencukupi dan juga keadaan permukaan yang baik. Setelah itu jalan-jalan negeri berkenaan hendaklah diwartakan menjadi jalan Persekutuan terlebih dahulu sebelum Kerajaan Persekutuan mengambil alih jalan-jalan berkenaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Kerajaan Persekutuan ada menyediakan grant jalan atau dengan izin, *road grant* yang diagihkan terus oleh Kementerian Kewangan kepada semua negeri bagi menyenggara jalan-jalan berkenaan seperti yang disyaratkan dalam Fasal 109(1)(b) Perlembagaan Malaysia. Amaun grant yang diberi dikira mengikut jumlah perbatuan atau *mileage*.

Jalan-jalan negeri yang didarabkan dengan kos purata dengan izin *average cost* untuk menyenggara jalan di negeri-negeri berkenaan pada tahap minimum yang ditetapkan. Pada lazimnya grant yang disediakan dikira pada kadar RM8,000 hingga RM24,000 sekilometer panjang jalan.

Pada tahun ini jumlah keseluruhan grant yang disediakan kepada semua kerajaan negeri ialah RM934.9 juta. Sekian, terima kasih.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya berpendapat bahawa dengan penuh yakin saya katakan bahawa semua kerajaan negeri bersetuju jalan-jalan negeri diambil alih oleh Kementerian Kerja Raya (JKR). Tetapi syarat yang dikenakan oleh Kementerian Kerja Raya pada pandangan saya terlalu ketat dan *rigid*, di mana Kementerian Kerja Raya mensyaratkan supaya jalan-jalan negeri tersebut dalam keadaan yang amat baik, ketebalan *pavement* cukup dan jalan rata barulah boleh diambil alih.

Saya ingin mencadangkan sekiranya Kementerian Kerja Raya bersetuju ataupun bolehkah saya mengemukakan soalan, adakah Kementerian Kerja Raya bercadang untuk mengambil alih jalan tersebut dan dinaikkan taraf ke tahap yang lebih

dikehendaki oleh Kementerian Kerja Raya tanpa menunggu jalan tersebut dalam keadaan baik seperti yang disuarakan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sebentar tadi. Sekian, terima kasih.

Dato' Yong Khoon Seng: Yang Berhormat bagi Ledang, sebenarnya kalau kerajaan negeri membuat permohonan terlebih dahulu kita akan menimbangkannya melalui perbincangan. Tetapi syarat yang pertama kerajaan negeri perlu membuat permohonan terlebih dahulu dan diwartakan dalam kerajaan negeri dan memohon kepada pihak Persekutuan untuk menyenggarakan jalan-jalan. Syarat-syarat yang lain boleh dibincangkan.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sudah banyak kali bangun. Tidak mengapalah. *[Ketawa]* Terima kasih, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Saya ingin bertanya kerana saya baru menang. Apakah Kelantan juga termasuk dalam kenaikan taraf jalan-jalan yang teruk untuk diselenggarakan oleh JKR dan apakah garis panduan dan apakah *spec* yang disediakan oleh kerana saya merasakan, apabila saya mengambil alih empat belas tahun lebih, cukup teruk jalan-jalan yang ada. Jambatan pun bergoyang. Jadi, saya minta apakah ada cadangan di Kelantan sendiri khususnya Parlimen*[Disampuk]* - minta senyap dahulu. Saya baru. Saya tidak berani hendak melawan... tetapi adakah bercadang untuk negeri Kelantan, khususnya Parlimen Pasir Putih. Terima kasih.

Seorang Ahli: Diskriminasi.

Datuk Yong Khoon Seng: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya di Kelantan ada juga diagihkan *grant* jalan sebanyak RM26 juta setahun. Selain daripada itu kalau ada permohonan baru kita boleh bincang, ya.

11. **Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]** minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah kedudukan penentuan sempadan antara Malaysia-Thai di sepanjang Sungai Golok selesai dan nyatakan juga penyelesaian yang telah dicapai mengenai Sempadan Laut Malaysia-Singapura.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertahanan [Dato' Zainal Abidin bin Osman]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Ketereh yang membawa soalan ini ke Dewan Rakyat. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini, kerja-kerja penandaan sempadan antara Malaysia dan Thailand di sepanjang Sungai Golok sedang berjalan dengan lancar dan mengikut jadual seperti yang ditetapkan oleh

Jawatankuasa Penandaan dan Pengurusan Bersama Sempadan Malaysia-Thailand. Sehingga kini telah 47% daripada kerja-kerja tersebut telah diselesaikan.

Mengenai sempadan perairan antara Malaysia dan Singapura pula, pada tahun 1995, Malaysia dan Singapura telah pun meratifikasikan satu perjanjian pembatasan sempadan perairan wilayah iaitu perjanjian membataskan sempadan perairan wilayah berdasarkan perjanjian mengenai perairan wilayah antara negeri-negeri selat dan Johor yang dimateraikan dalam tahun 1927.

Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Dewan, dengan Singapura ini masih terdapat isu pembatasan sempadan yang belum diselesaikan di bahagian barat selat Singapura serta bahagian timur selat Singapura.

Menyentuh kes Batu Putih pula, ia masih belum selesai dan jika ada sebarang kaitan dengannya mengenai sempadan maritim Malaysia–Singapura ianya, hanya dapat dibincang dan diputuskan setelah kes ini selesai dibicara dan didapatkan keputusan oleh Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ). Sekian, terima kasih.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi ada menyebut mengenai sempadan di sebelah barat dan timur selat Singapura yang masih belum selesai. Saya tahu kita pada tahun 1979 telah mengeluarkan satu peta dan di dalam peta itu juga termasuk Titik Dua Puluh. Bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menjelaskan apakah kedudukan Titik Dua Puluh ini dan apakah peta yang kita buat – *The Maritime Law*, mengikut *charting* yang kita buat? Apakah peta tahun 1979 itu diiktiraf oleh Kerajaan Singapura? Dan apakah tindakan yang akan diambil oleh kerajaan mengenai peta ini. Terima kasih.

Dato' Zainal Abidin bin Osman: Terima kasih Yang Berhormat bagi Ketereh. Soalan ini adalah soalan yang cukup khusus kerana saya faham Yang Berhormat bagi Ketereh ini adalah Juruukur berlesen dan mempunyai kelulusan *Maritim Law* di Canada, tetapi saya akan jawab jugalah soalan ini.

Tuan Yang di-Pertua, bahagian barat Selat Singapura melibatkan Titik Dua Puluh seperti mana peta baru yang diterbitkan dalam tahun 1979. Peta tersebut menunjukkan sempadan perairan wilayah dan pelantar benua Malaysia. Walau bagaimanapun, Kerajaan Singapura menolak tuntutan Malaysia dan menganggap Titik Dua Puluh ini dan kawasan sekitarnya berada dalam Wilayah Singapura. Singapura mendakwa bahawa titik akhir Persempadanan Wilayah Perjanjian 1995 antara kedua

negara menunjukkan bahawa ia melebihi atau dengan izin, *extend beyond* Titik Dua Puluh.

Kerajaan Malaysia telah secara konsisten dan kita tetap berpegang kepada pendirian kita menolak dakwaan Singapura bahawa peta baru yang kita buat dalam tahun 1979 itu telah menceroboh ke dalam Perairan Wilayah Singapura di bahagian timur dan barat Singapura. Kita tetap dengan pendirian kita. Ini adalah kawasan kita, peta kita dan tanah kita adalah milik kedaulatan kita.

Bahagian timur selat Singapura di mana persempadanan wilayah antara Malaysia dan Singapura 1995 bertemu di suatu *trial point* berdasarkan peta baru 1979 melibatkan Malaysia, Singapura dan Indonesia. Singapura sehingga kini tidak mengiktiraf peta baru Malaysia 1979.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya ialah apakah kaedah yang diguna pakai untuk menentukan kehendak dan permintaan sempadan ini dan apakah *benchmark* yang digunakan di peringkat antara bangsa masih boleh digunakan pakai sewaktu pemetaan di sempadan Malaysia-Thailand?

Dato' Zainal Abidin bin Osman: Terima kasih Yang Berhormat kerana mengemukakan soalan. Bagi persempadanan antara Malaysia dengan Thailand terdapat sedikit perbalahan antara sempadan wilayah Malaysia dan Thailand terutama di kawasan Jeli. Ini adalah disebabkan pada zaman dahulu hingga sekarang tidak ada satu tanda di tanah (*physical marking on the ground*) yang menyatakan ini Malaysia dan ini Thailand dan seperti apa yang saya jawab tadi, kerja-kerja pengukuran penandaan ini telah dibuat dalam tahun 2002 dan akan selesai sepenuhnya dalam masa tiga tahun akan datang kerana kita sudah mencapai 47% dan selepas ini segala masalah persempadanan yang melibatkan kawasan Jeli dan kawasan Sungai Golok akan dapat diselesaikan dan kita menggunakan kaedah pengukuran biasa oleh juruukur untuk menyelesaikan sempadan kedua-dua wilayah. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk Pertanyaan Jawab Lisan telah selesai. Kita ada ucapan takziah.

[Masa untuk pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup]

UCAPAN TAKZIAH**UCAPAN TAKZIAH ATAS KEMBALINYA KE RAHMATULLAH
ISTERI KEPADA YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT,
ALLAHYARHAMAH TOH PUAN DATIN SERI HALIMATUN SAADIAH BINTI CHIK**

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan perasaan yang amat sedih ingin saya memaklumkan bahawa isteri Yang Amat Berbahagia Tun Yang di-Pertua iaitu Allahyarhamah Toh Puan Datin Seri Halimatun Saadiah binti Chik telah kembali ke rahmatullah pada hari Sabtu, 11 September 2004 yang lalu bersamaan dengan 26 Rejab 1425 Hijrah.

Saya bagi pihak Ahli-ahli Dewan yang mulia ini serta bagi pihak Parlimen seluruhnya merakamkan ucapan setinggi-tinggi takziah kepada Yang Amat Berbahagia Tun Dato' Seri Dr. Mohamed Zahir dan seluruh kaum keluarga di atas pemergian Allahyarhamah. Kita mendoakan semoga Allah S.W.T mencucuri rahmat ke atas rohnya dan menempatkan di antara roh-roh orang yang soleh dan solehah.

Oleh itu, saya memohon kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dan kesemua yang hadir di Dewan ini termasuk adik-adik untuk bangun. Bagi yang beragama Islam, saya mohon supaya menghadihkan surah Al-Fatihah kepada Allahyarhamah dan bagi yang bukan beragama Islam diminta bangun bertafakur dan doa masing-masing.

Diminta Ahli-ahli Yang Berhormat dan hadirin bangun.

[Ahli-ahli Dewan yang beragama Islam bangun membaca Al-Fatihah dan yang bukan Islam bertafakur]

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (2004) 2004****DAN****USUL****ANGGARAN PEMBANGUNAN (TAMB.)(BIL.1) 2004****Jawatankuasa**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas “Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 2004 dan Usul Anggaran Perbelanjaan Pembangunan (Tambahan)(Bil,1) 2004.” **[Hari Ketiga]**

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, kita ada enam kementerian lagi. Seperti yang dipersetujui pada hari Khamis yang lalu kita menyambung perbahasan Perbekalan Tambahan dan kita mesti habiskan urusan ini pada hari ini. Saya minta kerjasama daripada Yang Berhormat untuk tidak bercakap begitu panjang dan saya menghadkan seorang untuk berucap lima minit.

Maksud B. 42 [Jadual] –

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kepala Bekalan B.42 di bawah Kementerian Kesihatan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat bagi Rantau Panjang.

10.58 pagi

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Menarik kepada B.42 berkaitan dengan sebanyak RM25 juta dana untuk membiayai dana khas penyakit kronik. Kita telah mendengar dan melihat sendiri banyak rakyat di Malaysia ini yang menghadapi penyakit kronik dan kita baca di akhbar-akhbar yang telah menyiarkan mereka ini telah cuba meminta ataupun memohon bantuan daripada masyarakat untuk membantu bagi penyakit kronik ini. Barangkali

sebahagian besarnya digunakan juga duit daripada dana ini dan sebahagian besarnya tidak mendapat sumbangan yang secukupnya sehingga kita melihat ramai di kalangan masyarakat merungut tentang pembiayaan kepada mereka yang menghidapi penyakit kronik ini.

Saya telah mendapat maklumat secara *detail* berkenaan dengan nasib seorang yang bernama Nor Atikah Shamimi binti Ruma daripada Kampung Repek, Kelantan yang berumur empat tahun – perempuan. Pada Mac 2003 beliau telah dimasukkan di USM dan sebelum masuk ke USM ini sudah beberapa bulan, beliau ini telah pergi ke klinik-klinik swasta dan pergi ke Hospital Daerah Pasir Mas tetapi tidak berjaya mengesan penyakitnya. Sewaktu di USM, mereka telah mengambil sum-sum tulang dengan menggunakan kaedah '*bone marrow*' – kalau tidak silap saya tetapi tidak juga dapat dikesan penyakit sebenarnya.

Setahun kemudian, iaitu bulan Ogos pada tahun ini – 2004 telah membuat '*biopsy*' iaitu pengambilan tisu untuk mengesan penyakit sebenarnya tetapi masih lagi tidak mendapat jawapan resmi daripada USM. Pada 11 hari bulan – 3 hari yang lepas, pihak ibu bapa kepada pesakit ini telah pergi ke klinik di Kota Bharu iaitu Klinik Dr. Foo, dan pihak Dr. Foo telah menyatakan perasaan sedih kerana penyakit ini tidak dapat dikesan sehingga berlarutan daripada tahun 2003 sehingga sekarang oleh doktor-doktor pakar yang berada di USM.

Kemudian doktor swasta ini telah mencadangkan supaya dibawa ke Hospital Universiti untuk berjumpa seorang Profesor bernama Doktor Wan Arifin bin Wan Mat, tetapi kosnya masih tidak menentu berapa ringgit. Apa yang hendak saya sebutkan di sini ialah dan hari ini saya dimaklumkan pagi ini mereka telah dibawa sekali lagi ke USM kerana budak ini telah mengalami sakit yang agak teruk, demam tidak boleh tidur sampai tak boleh tidur malam dan saya hendak bangkit ini ialah apakah peranan doktor-doktor pakar yang berada di USM ini sehingga bermula daripada Mac 2003 sehingga ke hari ini masih lagi tidak dapat mengesan penyakit budak yang berumur empat tahun ini dan telah pun dibuat *biopsy* dan telah membuat terhadap mereka ini, tetapi masih lagi tidak dapat dikesan.

Jadi saya memohon pada pihak kementerian supaya mengambil tindakan segera untuk mengatasi perkara ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Bukit Mertajam.

11.03 pagi

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya ingin bertanya sama ada ini Dana khas penyakit kronik ini termasuk juga penyakit AIDS. Kerana HIV atau penyakit AIDS ini pun merupakan satu penyakit yang kronik dan ramai di antara mereka ataupun keluarga mereka tidak mampu membiayai kos rawatan kepada mereka dan ada ramai di antara mereka tidak mempunyai tempat untuk kediaman untuk pergi kerana keluarga mereka enggan menjaga mereka.

Jadi, saya ingin tahu adakah ini dana khas juga termasuk pesakit atau penyakit AIDS yang pertama. Yang kedua ialah mengenai RM350 juta untuk membiayai pertambahan perjawatan berikutan penstrukturan semula. Saya ingin tahu sama ada tindakan ini telah mengurangkan masalah kekurangan kakitangan di setengah-setengah hospital kerajaan dan apakah keadaannya pada waktu sekarang, kerana menurut Menteri Kesihatan bahawa setelah *distribution* atau taburan Menteri mengatakan bahawa bukan kekurangan doktor sebenarnya adalah kerana taburan yang tidak seimbang, ada hospital yang doktor-doktornya kurang diguna dan ada setengah-setengah hospital bahawa doktornya terlalu banyak beban bekerja. Jadi, apakah keadaan sekarang sama ada kita masih kekurangan doktor, pakar dan juga kakitangan perubatan di hospital kerajaan. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kubang Kerian, lepas ini Menteri menjawab.

11.05 pagi

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya mengambil kesempatan untuk membahaskan Perkara B.42 berhubung kait dengan seorang adik yang bernama Salmiah bt Mohd. Amin, yang beralamat di Kampung Serkat Pontian, Johor yang disahkan oleh doktor yang merawat beliau, lebih kurang enam bulan yang lalu menghidapi penyakit kanser tulang.

Apa yang saya hendak bangkitkan dalam Dewan yang mulia Tuan Pengerusi adalah setelah adik ini mendapat rawatan di Hospital Daerah Pontian kemudian mendapat rawatan juga di Hospital Johor Baharu. Maka doktor yang merawat penyakit beliau telah memberikan suatu pandangan, kes ini perlulah dirujuk kepada hospital USM di Kubang Kerian.

Masalah yang hendak saya kemukakan dalam Dewan ini adalah, adakah sebenarnya negara kita ini kekurangan doktor dalam bidang kanser tulang

sehinggakan adik ini yang tinggal di selatan tanah air ini terpaksa membawa anaknya ke Hospital Kubang Kerian dan terpaksa pula tidur di hospital tersebut dan sekarang telah mengambil masa hampir tiga bulan. Dan sudah tentu keluarga ini tidak dapat membawa anak mereka ke hospital pakar disebabkan mereka atau bapa budak ini yang bernama Mohd. Amin ini hanya bekerja sebagai buruh biasa yang berpendapatan lebih kurang RM500 hingga RM700 sebulan.

Jadi, saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak kementerian adakah sama ada tidak cukup peruntukkan ataupun kita tidak cukup kepakaran atau apakah masalah-masalah yang menyebabkan hospital-hospital besar kerajaan ini seperti Johor Baharu, seperti bandar-bandar besar yang lain tidak ada kepakaran dalam bidang kanser tulang ini. Saya berharap dengan peruntukkan yang besar ini yang diperuntukkan kepada kementerian ini, saya mengharapkan bahawa nikmat untuk mendapat rawatan yang terbaik ini akan dapat dinikmati oleh seluruh rakyat dalam negara kita. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kementerian, sila jawab.

11.07 pagi

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Tuan Lee Kah Choon]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Terima kasih kepada Yang Berhormat dari Rantau Panjang, Bukit Mertajam dan Yang Berhormat dari Kubang Kerian. Berkaitan dengan kes, dua-dua kes yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Rantau Panjang dan Kubang Kerian kerana mereka adalah kes-kes yang khusus kalau memerlukan pertolongan saya, saya harap boleh bagi makluman yang terperinci itu kepada saya supaya saya boleh membuat siasatan.

Tetapi bagi keseluruhannya kementerian memang menjalankan banyak program yang program-program ini adalah komprehensif, di mana kita memang jaga pesakit-pesakit yang tidak mampu yang kurang keupayaan untuk mendapatkan rawatan yang seberapa baik yang kita boleh dalam keadaan yang kita ada. Bagi peruntukan yang kita pohon ini untuk

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, Rantau Panjang bangun.

Tuan Lee Kah Choon: Bagi saya habiskan ini dahulu boleh. Berkaitan dengan tambahan yang kita minta ini untuk dana khas penyakit kronik dan juga daya khas penyakit kronik untuk golongan orang kurang upaya ini adalah supaya kita dapat

mewujudkan satu saringan keselamatan atau *safety net* untuk orang-orang yang kurang upaya supaya apabila mereka memerlukan wang atau duit untuk mendapatkan pertolongan kesihatan ini kita ada mewujudkan dana ini supaya mereka boleh buat permohonan untuk mengadakan duit bagi menjalankan kerja-kerja atau program untuk memulihkan mereka.

Tetapi yang pentingnya adalah Kementerian Kesihatan juga menjalankan banyak program untuk mempromosikan gaya hidup sihat ini kerana memang tidak logik jikalau kita sentiasa hanya memulihkan seseorang itu selepas dia sudah sakit, dari segi itu kita harap rakyat Malaysia ini mereka akan menekankan lebih daripada pencegahan daripada rawatan dan bagi Bukit Mertajam, berkaitan dengan AIDS.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Bukit Mertajam bangun Yang Berhormat.

Tuan Lee Kah Choon: Ya, sila.

Puan Chong Eng: Terima kasih, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Pada pendapat Yang Berhormat adakah dana khas ini, penyakit kronik ini pada waktu sekarang adakah ia cukup. Kerana kita lihat begitu ramai pesakit meminta bantuan dan juga terdapat pesakit-pesakit buah pinggang yang dikatakan setiap tahun ada beratusan orang pesakit buah pinggang ini kerana tidak mampu mendapat rawatan dan mereka meninggal dunia apakah kerajaan akan buat supaya *safety net* ini adalah cukup untuk mereka semua yang mereka yang perlunya, adakah sekarang dana ini adalah mencukupi dan kalau tidak apakah kerajaan akan buat. Terima kasih.

Tuan Lee Kah Choon: Terima kasih Yang Berhormat. Berkaitan dengan permintaan kewangan ini memang tidak cukup, itu yang mengapa kita datang ke Parlimen ini untuk meminta memohon lagi RM25 juta ini. Setakat ini TKKK atau Tabung Kebajikan Kesihatan Kebangsaan kita hanya ada RM6 juta lebih dan lebih kurang RM5 juta telah digunakan dan tinggal lebih kurang RM1 juta lebih sahaja. Itulah mengapa kita datang ke sini untuk memohon RM25 juta yang lebih ini dan berkaitan dengan....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Seputeh bangun, Yang Berhormat.

Tuan Lee Kah Choon: Bagi saya habiskan yang ini dahulu. Berkaitan dengan kos rawatan, kos rawatan memang meningkat kerana peningkatan kos ubat-ubatan,

peningkatan kos mesin-mesin atau alat-alat yang kita hendak beli semua itu meningkat dan permintaan itu memang meningkat juga dan inilah mengapa saya katakan kita mesti mengkaji semula apakah kos dan apakah cara serta *cost effective* yang kita boleh laksanakan supaya kita sebagai rakyat tidak dialami oleh penyakit-penyakit yang dikatakan tadi seperti kanser dan buah pinggang dan sebagainya. Itu adalah tujuan kita.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: [Bangun]

Puan Teresa Kok Suh Sim: [Bangun]

Tuan Lee Kah Choon: Ya, Rantau Panjang.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Rantau Panjang.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Ya, terima kasih. Saya hendak bangkitkan lagi berkaitan dengan pesakit yang saya sebutkan tadi iaitu Nur Aqiqah Shamimi binti Omar ini. Persoalan yang di timbul sekarang ini ialah jarak begitu lama di antara bulan Mac 2003 sewaktu buat *bone marrow* untuk ambil sumsum tulang belakang itu sehingga kepada Ogos 2004, satu tahun lebih jarak masa itu tidak boleh lagi menentukan apakah penyakit yang dihadapi oleh budak ini, itu persoalan yang ditimbulkan. Kemudian pada Ogos 2004 pula buat pula *biopsy* iaitu ambil tisu pula untuk mencari apa sebenarnya penyakit ini. Sehingga ke hari ini, hari ini saya bercakap ini pun masih tidak diketahui lagi.

Jadi inilah yang menyebabkan rakyat dan orang kampung, seolah-olah kalau orang atasan mungkin dia sudah bawa kepada pihak atasan ini tetapi orang kampung, dia merungut sekarang ini apakah doktor yang berada di USM ini yang begitu ramai tidak boleh menentukan dan ke manakah dihantar untuk buat penyiasatan bahan-bahan ini diambil yang melalui *bone marrow*, melalui *biopsy* ini diambil dan hantar ke mana.

Kalaulah USM sendiri tidak mampu untuk mencari penyakit hasil daripada pengambilan bahan-bahan ini, ia boleh dihantar ke tempat yang lain tetapi oleh sebab terlalu lama menunggu dan orang kampung berada di hospital kemudian balik masuk lagi hari ini dan pada saya cakap hari ini dua hari lepas masuk balik pula. Apabila anak dia sudah tidak tahan sakitnya yang amat sangat sehingga tidak boleh tidur tetapi pihak USM masih lagi tidak boleh menentukan. Jadi saya minta pihak kementerian ambil tindakan susulan. Apakah kelemahan-kelemahan yang terdapat di USM

sehingga hilang kepercayaan rakyat khususnya kepada keluarga masing-masing ini terhadap USM ini? Jadi itulah persoalan yang saya timbulkan sekarang ini.

Tuan Lee Kah Choon: Terima kasih Yang Berhormat. Seperti yang saya katakan itu barangkali ini kes adalah satu kes yang khusus, saya tidak ada maklumat langsung dan saya pun tidak tahu mengapa kelewatan ini telah terjadi tetapi yang saya boleh katakan adalah berkaitan dengan kepakaran ini selalunya *specialist treatment* ini yang memakan masa yang panjang. Ia mesti dapat menentukan apakah masalahnya dan untuk mendapatkan dan untuk men*pinpoint*kan masalah itu kadang-kadang itu bukan senang, dia mesti ambil satu masa yang panjang supaya kajian demi kajian dijalankan supaya dia boleh *pinpoint* apa masalahnya dan barulah kita boleh memberi ubat atau rawatan yang berpatutan.

Puan Teresa Kok Suh Sim: [Bangun]

Tuan Lee Kah Choon: Ini adalah berkaitan dengan perkara itu tetapi kalau ada apa-apa yang memerlukan maklumat yang selanjutnya, harap beri kepada saya maklumat yang terperinci ini.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Terima kasih Tuan Pengerusi dan juga Yang Berhormat. Saya ingin tahu macam mana bagi pesakit untuk memohon dana khas penyakit kronik ini kerana kami sebagai wakil rakyat kadang-kadang memang ada pengadu yang datang hendak minta bantuan derma untuk kos perubatan mereka dan kami juga selain daripada mengadakan sidang akhbar dan menyiarkan perkara tentang permintaan mereka, kami tidak tahu di mana mereka boleh memohon.

Kes yang kedua yang saya tahu di hospital kerajaan selalunya ada tabung kebajikan yang mana pesakit yang miskin boleh memohon bantuan kewangan daripada tabung kebajikan di hospital. Baru-baru ini saya terima aduan daripada HUKM dan sebelum itu saya juga terima aduan daripada Universiti Hospital di mana mereka yang sakit dan tidak mampu untuk bayar kos perubatan khususnya kos pembedahan, mereka dinafikan perubatan yang mereka kata pegawai hospital kata pada mereka kalau anda tidak mampu bayar wang berapa-berapa ribu, hospital tidak akan menjalankan pembedahan kepada kamu.

Saya memang rasa agak terperanjat kerana ini juga berlaku di HUKM kerana dahulu memang surat saya, surat Ahli Parlimen kepada Pengarah Hospital boleh selesaikan perkara ini dan sekarang ini pun nampaknya tidak boleh, jadi saya ingin bertanya apakah dasar Kementerian Kesihatan sekarang? Adakah kebanyakan

hospital ini diarah untuk mengurangkan kosnya sehingga mereka perlu memaksa pesakit yang miskin itu untuk membayar kos perubatan kalau tidak mereka akan dinafikan perubatan.

Dan juga saya ingin tahu hospital seperti hospital yang akademik, Hospital Universiti dan Hospital UKM adakah mereka di bawah bidang kuasa Kementerian Kesihatan ataupun mereka ini masih di bawah bidang kuasa Kementerian Pendidikan? Jadi apabila ada masalah seperti ini berlaku, kementerian manakah yang kami boleh rujuk, adakah Kementerian Kesihatan ataupun Kementerian Pendidikan, kalau terdapat masalah yang mana rakyat ataupun wakil rakyat ingin mengemukakan aduan? Terima kasih.

Tuan Lee Kah Choon: Terima kasih Yang Berhormat. Berkaitan dengan borang-borang TKKK iaitu Tabung Kebajikan Kesihatan Kebangsaan kita boleh *download* daripada *website* atau laman web Kementerian Kesihatan. Dalam itu kita juga memberikan semua syarat bagaimana permohonan ini boleh dibuat dan kita juga mewujudkan pejabat-pejabat di semua hospital kerajaan yang kita ada di mana Pejabat Kebajikan yang kita ada ini mereka akan berikan dengan percuma semua borang dengan syarat-syarat boleh dapatkan dari hospital.

Berkaitan dengan pembedahan, polisi kerajaan adalah semua rakyat Malaysia akan diberi rawatan perubatan dengan kadar percuma. Kalau dalam kes-kes kecemasan pembedahan itu akan dijalankan dengan terus dan serta-merta. Tetapi kalau ada pembedahan atau rawatan yang tidak mendesak atau tidak cemas seperti kosmetik dan sebagainya, kadang-kadang kita perlukan *plastic surgery* tetapi barangkali doktor-doktor yang berkenaan atau hospital-hospital yang berkenaan mereka rasa ini tidak cemas, tidak mendesak mereka akan tangguhkan tetapi untuk kes-kes yang cemas memang kita beri *priority* untuk menjalankan pembedahan itu.

Berkaitan dengan pusat-pusat pengajian tinggi macam menghasilkan doktor-doktor, ini adalah di bawah Kementerian Pengajian Tinggi.

Berkaitan dengan perkara AIDS pula.....

Puan Chong Eng: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Bukit Mertajam.

Tuan Lee Kah Choon: Biar saya habiskan mengenai AIDS, saya akan balik ya, boleh ya?

Mengenai masalah AIDS yang telah dibangkitkan, memang ini adalah satu gejala yang kita rasa adalah sangat membahayakan dan setiap tahun kita telah mengeluarkan geran kepada Majlis AIDS Malaysia, iaitu pertubuhan bukan kerajaan, kita bagi setiap tahun lebih kurang RM4 juta dan kita juga keluarkan

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman: [*Bangun*]

Tuan Lee Kah Choon: saya habiskan ini, saya akan bagi, dan kita juga keluarkan banyak geran kepada pertubuhan bukan kerajaan yang lain seperti HOSPICE dan sebagainya, dan dari pihak kerajaan pula, kita juga mengadakan wad-wad dan juga seksyen-seksyen di hospital, di mana kita memberi ubat-ubatan dan juga rawatan kepada penghidap HIV/AIDS ini dan dari satu segi lagi, kita juga mengambil tindakan supaya selain daripada ubat untuk AIDS ini, ia memerlukan tiga jenis ubat iaitu *antiretroviral*, ada tiga jenis. Dulu kalau kita hendak beli semua ubat ini ia berharga lebih daripada RM1,000 tetapi sekarang kerajaan telah bagi dengan percuma satu daripada tiga ubat-ubatan ini, dan untuk dua jenis ubat yang lain itu kita telah dapat menghasilkan *generic drugs* iaitu ubat-ubatan generik, di mana harganya adalah sangat murah. Ini bermakna penghidap kes-kes AIDS ini mereka sekarang boleh mendapatkan ubat-ubatan ini secara percuma ataupun pada harga yang sangat-sangat murah kalau dibandingkan dengan dulu. Ya, sila.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam.

Puan Chong Eng: Saya hendak berbalik kepada perkara Dana Khas Penyakit Kronik, adakah pihak kementerian membuat analisis atau kiraan, berapa ramai pesakit yang mendapat bantuan ini menjalani rawatan di hospital awam dan berapa ramai yang menjalankan rawatan di hospital swasta? Mereka yang memerlukan bantuan ini adakah kerana perkhidmatan rawatan di hospital awam tidak mencukupi kerana kalau mengikut apa yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat tadi, semua rakyat akan diberi rawatan percuma, tetapi dalam banyak kes kita lihat bahawa mereka memerlukan dana ini untuk menjalani rawatan. Itu menunjukkan bahawa perkhidmatan rawatan di hospital awam tidak mencukupi menyebabkan mereka terpaksa menjalani rawatan di hospital swasta. Jadi adakah kerajaan mempunyai rancangan supaya kemudahan rawatan penyakit-penyakit kronik ini di hospital-hospital awam ditambah? Itu yang pertama.

Yang kedua ialah, saya juga sedar bahawa kerajaan telah memberi *sponsorship* ataupun bantuan di dalam pemberian ubatan untuk penyakit HIV ataupun HIV *carrier* dan AIDS, tetapi saya rasa ada satu golongan besar yang mengidap HIV positif dan AIDS terdiri daripada penagih dadah. Memang golongan ini, walau bagaimana murah sekalipun ubat, yang tiga jenis ubat itu, saya rasa golongan ini tidak mampu juga dan golongan inilah yang menghadapi banyak masalah.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup Yang Berhormat.

Puan Chong Eng: Apakah dana yang dikatakan diberi kepada NGO ini, adakah kerajaan mempunyai rancangan khasnya untuk golongan ini supaya kita mengawal penyebaran HIV di antara golongan ini dan juga kepada keluarga mereka? Apakah rancangan yang ada? Terima kasih.

Tuan Lee Kah Choon: Terima kasih Yang Berhormat. Berkaitan dengan pesakit-pesakit yang datang ke hospital kerajaan, setiap tahun kita ada lebih kurang 40 juta pesakit – penduduk Malaysia berjumlah 24 juta sahaja tetapi kita ada 40 juta *patient*, pesakit yang kita kena rawat di hospital kerajaan. Untuk hospital swasta saya tidak ada maklumat. Ini menunjukkan bahawa hospital kerajaan kita memang dikunjungi dan begitu popular sekali di kalangan rakyat Malaysia. Ini bermakna 40 juta pesakit ini adalah merupakan satu beban kerja yang sangat-sangat besar untuk kakitangan-kakitangan yang sedia ada dan juga merupakan satu tekanan yang besar ke atas sumber kewangan yang kita ada, dan dari segi itu kita memang sentiasa mencari jalan untuk mengatasi masalah ini.

Tetapi seperti yang saya katakan tadi dan saya hendak menekankan sekali lagi iaitu pencegahan adalah jauh lebih *cost effective* dan jauh lebih bahagia daripada dirawat. Ini adalah sebab mengapa Kementerian Kesihatan memang akan *shift the focus to* pencegahan supaya kita tidak akan terkena penyakit-penyakit yang kita tidak ingini ini.

Berkaitan dengan penagih dadah pula, masalahnya adalah kita setuju bahawa kebanyakan penagih dadah ini mereka tidak mampu untuk membeli ubat-ubatan yang kita beri itu dan dari segi itu kita memang harap NGO-NGO yang sedia ada dan juga *facilities* yang kita ada di hospital-hospital kerajaan, kita memang beri rawatan kepada mereka yang memerlukannya.

Tetapi kita kena tengok juga bahawa penagihan dadah ini adalah satu gejala sosial dan kita jangan semata-mata melihatnya dari segi perubatan sahaja. Ini adalah

satu gejala sosial yang kita mesti tangani supaya mereka tidak menjadi penagih dadah, dan dari segi itu Kementerian Kesihatan memang mengambil tindakan yang lain iaitu terutamanya bagaimana kita menjalankan dengan giatnya program-program anti-merokok ini kerana kita sudah dapati dari statistik yang kita ada bahawa kita nampak ada kaitannya di antara ketiga-tiga masalah ini, iaitu merokok, penagihan dadah dan HIV/AIDS kerana mengikut statistik, seramai 99 peratus penagih dadah itu adalah perokok dan statistik juga menunjukkan bahawa seramai 76.5 peratus daripada penghidap HIV/AIDS ini adalah penagih dadah. Apabila kita hendak mengatasi masalah ini, Kementerian Kesihatan akan mengambil tindakan menjalankan program ini untuk mengurangkan bilangan perokok dulu dan selepas itu pada masa yang sama kita juga ada menjalankan program-program yang lain.

Dr. Rahman bin Ismail: [*Bangun*]

Tuan Lee Kah Choon: Tetapi yang pentingnya kita hendak menekankan adalah kita mesti tengok *social structure* yang kita ada – bagaimana kita dapat mencegah orang-orang dari merokok, mencegah orang dari mengambil dadah supaya mereka tidak dijangkiti dengan HIV/AIDS.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Gombak bangun, Yang Berhormat. Hendak bagi laluan?

Tuan Lee Kah Choon: Sila.

Dr. Rahman bin Ismail: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kerana memberi laluan kepada saya. Saya memang tertarik hati bila Yang Berhormat Setiausaha Parlimen membangkitkan tadi apabila beliau mengatakan bahawa pencegahan itu lebih membahagiakan, pencegahan itu lebih baik. Saya memang bersetuju dengan ayat itu tetapi kalau kita lihat contohnya, banyak pesakit ataupun orang ramai yang datang ke hospital, kedatangan yang ramai itu disebabkan oleh penyakit seperti penyakit infeksi virus (*virus infection*) dengan izin, dan kalau kita lihat, kebanyakan kedatangan pesakit-pesakit luar (*out-patient department*) banyak disebabkan oleh pesakit-pesakit atau penyakit yang berbentuk demikian – penyakit respiratori dan sebagainya.

Kalau Yang Berhormat mengatakan bahawa pencegahan itu sungguh membahagiakan dan sungguh baik, apakah langkah pencegahan yang diambil? Contohnya, misal kata, kebanyakan penyakit virus yang kebanyakannya disebabkan oleh virus yang dinamakan *virus influenza* yang mana ada pencegahannya melalui

vaksin, dan apa yang telah dilakukan oleh Kementerian Kesihatan terhadap golongan-golongan yang berisiko tinggi dengan cara memberi vaksin pencegahan ini.

Saya tidak nampak apa yang telah dilakukan oleh Kementerian Kesihatan dalam memberikan ataupun memberi vaksinasi kepada golongan yang berisiko ini kerana kita lihat bahawa kebanyakan kedatangan di hospital adalah disebabkan terutama bahagian pesakit luar, dipenuhi oleh mereka yang mempunyai penyakit-penyakit yang demikian, iaitu *viral infection* ataupun penyakit infeksi virus.

Selain daripada itu, saya melihat daripada Perbekalan Tambahan ini, ada diperuntukkan sedikit kepada *World Health Organization* ataupun Pertubuhan Kesihatan Sedunia untuk program membasmi penyakit Polio. Kalau kita lihat bahawa Malaysia telah bebas dari Polio hampir 20 tahun, lebih kurang 18 tahun dan kita tahu bahawa Malaysia juga dalam peta *World Health Organization* terletak dalam kawasan yang kita panggil sebagai *Western Pacific* atau Pasifik Barat dan Pasifik Barat telah pun diisytiharkan sebagai kawasan yang bebas Polio semenjak dari tahun 2001.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr.Yusof bin Yacob]: Cukup Yang Berhormat, jangan panjang sangat.

Dr. Rahman bin Ismail: Ya, apa rasionalnya untuk kita beri sumbangan kepada Pertubuhan Kesihatan Sedunia untuk Program Penyakit Polio ini? Terima kasih.

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr.Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Pengkalan Chepa bangun Yang Berhormat. Cukuplah Pengkalan Chepa, ya.

Tuan Lee Kah Choon: Terima kasih Yang Berhormat bagi Gombak. Berkaitan dengan penyakit-penyakit yang melanda kita ini, memang yang pentingnya adalah kita hendak promosikan gaya hidup sihat kerana dari gaya hidup yang sihat, kita dapat mempertingkatkan imunisasi sistem kita dan ini adalah satu cara yang terbaik untuk menghalang penyakit dari kena kepada kita.

Berkaitan dengan *vaccination* ini, kadang-kadang kita kena tengok adakah vaksin itu *cost effective*? Sebab ada vaksin-vaksin mahal digunakan dan kesannya hanya untuk beberapa tahun sahaja dan dari satu segi lagi, adakah vaksin itu adalah baik untuk badan kita dan ini adalah beberapa faktor yang kita ambil apabila kita menentukan adakah *vaccination* itu akan kita jalankan.

[Tuan Pengerusi (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Berkaitan dengan RM3.8 juta yang kita bagi kepada WHO untuk Polio adalah kerana Malaysia adalah Pengerusi kepada OIC dan dari segi itu kita telah dapati bahawa banyak negara OIC, penduduk-penduduk mereka kena Polio dan ini adalah mengapa kita keluarkan RM3.8 juta, sepatutnya itu USD1 juta untuk kita dermakan kepada WHO supaya mereka dapat menjalankan program-program anti Polio ini di negara-negara OIC.

Saya rasa ini adalah beberapa perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat...

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, saya fikir cukuplah Yang Berhormat. Sebab kita ada peluang lagi, ada perbincangan mengenainya. Sebenarnya Yang Berhormat, kita berhasrat supaya jawatankuasa ini semua dapat kita selesaikan sebelum tengah hari ini. Baik.

Tuan Lee Kah Choon: Okay, terima kasih Tuan Pengerusi. Saya rasa kita ada banyak masa lagi untuk berbincang berkaitan dengan perkara-perkara yang ada kaitannya dengan Kementerian Kesihatan dan saya sentiasa berada di dalam Parlimen, yang khusus.....

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman: Tuan Pengerusi, saya hendak ketengahkan masalah pencegahan dan juga HIV mengikut tinjauan saya.

Tuan Lee Kah Choon: Okay, yang *last* sekalilah.

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman: Mengikut tinjauan saya di jabatan polis dan juga kesihatan negeri-negeri, salah satu daripada punca merebaknya HIV di kalangan orang-orang yang telah kahwin, orang dewasa dan juga anak-anak muda bukan sahaja puncanya daripada penagihan dadah tetapi ada satu punca yang mungkin kementerian sedar atau tidak sedar, di utara Malaysia seperti Perlis dan Kedah dan di Pantai Timur iaitu Kelantan dan Terengganu, ramai daripada nelayan-nelayan ini yang bekerja dengan kapal laut dalam. Biasanya kapal-kapal nelayan ini mendarat di sebelah Selatan Thailand sama ada di Narathiwat, Pattani ataupun tempat-tempat lain. Di sana mereka terlibat dengan pelacuran.

Hasil daripada itu, apabila mereka terlibat dengan pelacuran, sebahagiannya mengikut siasatan polis dan juga jabatan kesihatan negeri, jangkitan HIV itu mereka bawa, apabila mereka pulang, mereka bersetubuh dengan isteri, maka jangkitan itu merebak kepada isteri, kepada anaknya. Adakah kementerian sedar perkara ini dan

kalau sedar, apakah tidak ada langkah-langkah yang dibuat seperti memeriksa orang-orang yang dinamakan nelayan-nelayan kumpulan itu untuk mencegah supaya tidak berlakunya beberapa perkara yang boleh merebak di kalangan keluarga mereka sendiri. Terima kasih.

Tuan Lee Kah Choon: Terima kasih Yang Berhormat. Berkaitan dengan AIDS yang telah disebarkan oleh pelacuran ini, saya harap dan kita yakin cara yang terbaik sekali adalah melalui gaya hidup sihat seperti yang saya katakan tadi. Kerajaan memang tidak mampu untuk sentiasa, untuk menguji, untuk membuat *test* kepada semua orang kerana kita adalah sebagai sukarela. Orang itu datang ke hospital kerajaan, kita akan buat *test* untuk dia tetapi kita tidak dapat memastikan atau memaksa mereka sentiasa datang ke hospital untuk menjalani kajian atau ujian itu, itu adalah masalahnya dan sebagai program untuk mempromosikan gaya hidup sihat, kita memang sentiasa beri maklumat berkaitan dengan AIDS....

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman: Tuan Pengerusi, saya rasa kumpulan nelayan di utara dan Pantai Timur tidak berapa ramai dan ada senarai sama ada di LKIM ataupun di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Saya rasa kalau kerajaan serius untuk mencegah dari merebak, mesti ada satu program, mendaftarkan mereka dan periksa mereka. Kita tidak boleh hendak cegah mereka pergi ke tempat pelacuran tetapi kita boleh memeriksa mereka dan mereka mesti dikuarantinkan dalam beberapa perkara untuk mencegah dari merebaknya kepada *family* mereka.

Tuan Lee Kah Choon: Ya, dari segi itu saya harap, saya kena beritahu juga. Bukan semua nelayan ini, pergi jumpa dengan pelacuran. Kalau kita dapatkan senarai nama mereka dan kita paksa mereka menjalankan ujian ini, kita lebih kurang, *crimimize* segolongan orang yang tidak semestinya semua mereka melawat ke tempat pelacuran. Saya rasa itu bukan satu cara yang baik, yang *cost effective* untuk mengetengahkan masalah AIDS ini dan saya rasa lebih baik adalah melalui pendidikan supaya kita mendidik orang-orang bukan sahaja nelayan tetapi semua lapisan masyarakat berkaitan dengan bahayanya AIDS dan bagaimana penyakit ini dapat merebak. Itu adalah cara yang saya rasa adalah lebih *cost effective*.

Sekali lagi, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan berkaitan dengan perbelanjaan tambahan ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM671,800,000 untuk Maksud B.42 di bawah Kementerian Kesihatan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM671,800,000 untuk Maksud B.42 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Maksud B.43 [Jadual] -

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kepala Bekalan B.43 di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan terbuka untuk dibahas.

[Tiada perbincangan]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM156,830,000 untuk Maksud B.43 di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM156,830,000 untuk Maksud B.43 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Maksud P.44 [Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.1) 2004]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kepala Pembangunan P.44 di bawah Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan. Oleh kerana P.44 hanya *token* sahaja, ia tidak perlu dibahas.

[Tiada Perbincangan]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa Perbelanjaan sebanyak RM20 untuk Maksud 44 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Pertama bagi tahun 2004 di bawah Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM20 untuk Maksud P.44 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.1) 2004.

Maksud P.47 [Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.1) 2004] –

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kepala Pembangunan P.47 di bawah Kementerian Penerangan. Oleh sebab P.47 hanya *token* sahaja, ia tidak perlu dibahas.

[Tiada Perbahasan]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM10 untuk Maksud P.47 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 2004 di bawah Kementerian Penerangan hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM10 untuk Maksud P.47 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.1) 2004.

Maksud B.50 [Jadual] –**Maksud P.50 [Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.1) 2004] -**

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kepala Bekalan B.50 dan Kepala Pembangunan P.50 di bawah Kementerian Pertahanan terbuka untuk dibahas. Ya, Batu Gajah.

11.40 pg.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya rasa adalah lebih sihat dan lebih baik jika lebih masa diberi kerana peruntukkan yang diluluskan ini adalah berbeza daripada yang akan diluluskan kemudian. Saya ingin merujuk kepada Bekalan B.50 di bawah Kementerian Pertahanan di mana akan diperuntukkan tambahan sebanyak RM250 juta untuk Program Latihan Khidmat Negara. Terima kasih kepada Menteri kerana hadir bersama kita pagi ini.

Senarai nama remaja yang dilahirkan pada tahun 1987 ini telah digunakan untuk memilih lebih daripada 85,000 untuk mengikuti Program Latihan Khidmat Negara, untuk sesi Disember ini. Ibu bapa dan remaja ada mengeluarkan kerisauan mereka selepas memandang dan melihat kesemua insiden yang berlaku semasa pelaksanaan Program Latihan Khidmat Negara sebelum ini. Persoalannya adalah

apakah pada kali ini program ini dapat dilaksanakan, berjalan dengan lancar tanpa kejadian-kejadian yang tidak diinginkan dan tidak berulang lagi. Persoalannya adalah keselamatan.

Saya ingin tahu daripada kementerian, apakah persediaan yang telah dijalankan? Apakah pengajaran yang telah dipelajari selepas pelaksanaan program ini, yang telah menimbulkan pelbagai masalah dan insiden yang tidak diinginkan sebelum ini. Sejak awal-awal lagi DAP telah bangkit di dalam Dewan menyeru agar kementerian mengadakan satu perancangan yang lebih rapi, memohon dan meminta konsultasi dengan orang ramai, meminta pandangan daripada NGO dan semua parti berkenaan dengan program ini, tetapi usul yang kami bangkitkan agar menangguhkan penguasaan atau kelulusan akta berkenaan telah ditolak.

Jadi, persoalan sekarang ini ialah tambahan RM250 juta untuk program ini, apakah tujuan tambahan ini? Apakah kerana tamat sesi yang diadakan pada bulan Julai yang lalu untuk mereka yang gagal menghadirinya adalah tujuan penggunaan tambahan ini? Baru-baru ini telah dinyatakan bahawa akan diminta lebih tambahan juga kerana tambahan kem, sekarang ini pelaksanaan tambahan ini dimaklumkan pada kami bahawa ia tidak akan dijalankan di institusi universiti lagi, kesemuanya akan dijalankan di kem-kem.

Jadi, kami hendak tahu berapakah kem keseluruhannya? Saya dimaklumkan lebih daripada 76, kalau tidak silap 76 buah. Berapakah kos sewaananya? Sebab selalunya saya ada pergi melawat daripada awal-awal, ketika pelaksanaan program ini. Saya ada pergi melawat kesediaan kem-kem tersebut, saya amat terkejut melihat bahawa banyak kem di mana kemudahannya belum siap ketika ia dilaksanakan program tersebut. Jadi, apakah kesediaan kem-kem ini? Berapakah sewanya?

Ada kontraktor yang telah lari, saya dimaklumkan sebelum ini, apabila mereka gagal menampung kos yang tinggi, jadi mereka kata, *"This is a good project to them to make money."* Sebab mereka sepanjang masa boleh menyewa kepada kerajaan untuk menjalankan program ini. Jadi, kami hendak tahu, pada masa yang sama berapa kos sewa, satu, dan berapa ganti rugi yang telah dibayar kepada tuan punya kem ini, di mana saya dimaklumkan, di universiti, ada banyak kerosakan dan vandalisme telah berlaku.

Perkara yang kedua adalah berkenaan dengan tindakan mahkamah. Jadi, saya ingin merayu kepada pihak kementerian agar tidak mengheret remaja kita yang seramai 4,000 lebih ini ke mahkamah. Biar kita sama-sama duduk di jawatankuasa yang dirancang akan ditubuhkan di dalam Parlimen ini bagi membincangkan program ini. Kita ada perbincangan dahulu, sebab kami semua di sini yang luluskan Akta, kami di sini yang meluluskan peruntukan. Mengapakah apabila pelbagai masalah timbul, ia tidak kembali kepada kami dan tidak dibincangkan dengan ahli-ahli dalam Dewan ini. Jadi, saya haraplah tangguhkan tindakan mahkamah terhadap remaja kita yang seramai 4,000 lebih.

Biar kita tengok mengapakah mereka tidak hadir. Setahu saya, ada ramai terdiri daripada Orang Asli. Mereka yang tinggal di tempat pedalaman, ada yang begitu takut sekali untuk melaporkan diri kerana melihat kejadian-kejadian berikut. Sebelum kita semua ini dimaklumkan, *it is cool, it is fun, the whole programmes*. Dalam pakaian yang berwarna biru, berjalur biru kegelapan itu, kita dimaklumkan, *it is cool, it is fun*. Apa yang berlaku, apa yang kita baca dalam surat khabar sepanjang masa pelaksanaan ini?

Saya bukan hendak mengungkit perkara yang malang ini, tetapi saya hendak tahu, apakah kesediaan, apakah jaminan ini tidak berlaku lagi? Saya harap remaja ini tidak dibawa ke mahkamah. Sebab saya risau, ada pelajar hubungi saya, dia kata saya tidak hendak pergi. Bukan saya tidak cintakan negara, tetapi masalahnya ada kawan-kawan saya pergi, mereka ini dijerit-jerit, mereka tidak dihormati, you want the respect, para remaja ini yang menjalankan program ini, adalah saya dimaklumkan kali ini akan mengambil lebih ramai tentera. Mereka kata, *"We are here to have fun."* *"We were told to have fun here"*, tetapi kita dijerit-jerit.

Jadi, saya juga risau dengan cara penggunaan, *approch* di antara remaja kita. Pihak polis telah dibebankan dengan pelbagai tanggungjawab. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengatakan, *I'm very sad* kerana melihat pelbagai kejadian jenayah di dalam surat khabar, rogol, kes ragut beg tangan, kes bunuh, tetapi beban polis telah begitu berat sekali dalam menjaga keselamatan, sekarang kita minta polis pula dari pintu ke pintu untuk mencari remaja kita. Jadi, ini seolah-olah menambah tugas pula kepada pihak polis kita.

Jadi, saya harap tangguhkan tindakan mahkamah. Saya tahu senarai nama telah diberi kepada polis dan polis ada menyatakan dalam laporan, mereka tidak dapat cari mereka sebab alamatnya tidak lengkap. Yang penting sekarang ialah soal keselamatan, kita alihkan kesemua hala tujuan pihak polis sekarang ialah keselamatan bukan, *go after the youths who have fail to attend this program*. Saya haraplah Menteri yang ada, kita tubuhkanlah jawatankuasa yang telah Menteri umumkan berkenaan satu jawatankuasa yang terdiri daripada ahli semua parti dan isu yang penting yang akan dibincangkan dalam jawatankuasa perpaduan ialah isu program ini. Beri maklumat kepada kami, kami boleh bekerjasama sama untuk memulihkan keyakinan, biar boleh telus.

Perkara yang lain ialah lawatan wakil rakyat. Saya harap kurangkan birokrasi seperti yang dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, *cut the red tape*, kurangkan *red tape*. Biar kita semua wakil rakyat boleh melawat kem. Apabila kita terima aduan daripada ibu bapa. Jangan minta kita dapatkan kelulusan daripada Ketua Pengarah, Ketua Pengarah kata, kena dapatkan kelulusan daripada kementerian. Kalau telus, tidak ada apa hendak takut. Biar apabila wakil rakyat terima aduan, kami dibenarkan masuk untuk pulihkan keyakinan ibu bapa. Mereka boleh hubungi kami.

Kita boleh tengok pada hari pertama, bila senarai nama remaja ini telah dipilih, mereka boleh layari laman web untuk *check* nama mereka. Ini adalah kali kedua pelaksanaannya. Ini juga menimbulkan pelbagai masalah. Mereka tidak dapat melawati laman web, *a page not found*, pelbagai masalah. Kalau timbul masalah dalam kem semasa pelaksanaan, biasanya ibu bapa, orang pertama mereka hubungi ialah wakil rakyat mereka. Jadi, saya haraplah kementerian benarkan wakil rakyat melawati kem, tidak payah takut kepada ahli-ahli pembangkang, terutamanya.

Saya juga dimaklumkan bahawa pihak pertubuhan Cina, *association* sebab *Hainanis Association* ada datang berjumpa saya dia kata mengapakah kerajaan tidak melibatkan kami di dalam program ini di mana membenarkan pertubuhan kami juga memasuki program ini bagi mendekati para remaja yang daripada golongan yang sama dari pihak Hainanis, pihak *Hokkien Association* boleh masuk.

Jadi semua pertubuhan Cina ini mempunyai banyak aktiviti yang sihat. Saya ada baca bahawa mereka ada diambil untuk perkhidmatan RELA selepas mereka

keluar dari program ini. Kenapa mereka tidak? Saya juga ingin mencadangkan agar pertubuhan Cina dibenarkan masuk juga untuk mendekati remaja ini. *So that they have* a satu perhubungan yang erat dengan persatuan mereka, pertubuhan mereka dari dialek yang berlainan.

Juga saya haraplah dalam program yang akan datang ini bukan sahaja prosedur bagaimana mereka boleh mengadu berkenaan gangguan seksual atau kes-kes yang lain diajar kepada mereka tapi menjemputlah NGO wanita ke dalam kem tersebut mengajar kepada mereka apakah yang dimaksudkan dengan gangguan seksual dan mengapakah perlu menghormati kaum wanita kita. NGO wanita. Kita boleh nampak dalam Dewan ini kita punya Menteri, Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen, Ahli Parlimen yang lain juga kurang sensitif pernah berlaku dalam Dewan ini terhadap isu-isu wanita. Mengapa kita tidak mengambil kesempatan ini menjemput NGO wanita pergi mengajar mereka mempunyai sensitiviti terhadap perbezaan gender ini. Saya haraplah juga pihak kementerian boleh memberi satu

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat boleh gulung.

Cik Fong Po Kuan: Satu laporan yang lengkap berkenaan program ini di dalam Dewan agar kita semua boleh bekerjasama bagi menjayakan program ini jika ia memang boleh mencapai objektifnya. Tapi yang kita nampak sekarang ialah apakah tiga bulan ini mampu mencapainya. Saya takut hanyalah *back fire* berkenaan dengan program ini terhadap remaja terutamanya mereka yang perlu diheret dan dipaksa menghadiri program ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Rantau Panjang.

11.52 pagi.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Tuan Pengerusi, terima kasih. Saya hanya ambil bahagian sedikit sahaja di sini ialah dengan pertambahan sebanyak RM250,000,000 ini, tidak banyak bagi saya barangkali. Cuma saya hendak minta kepada kementerian pastikan pembinaan kem-kem baru ini. Saya dapati di Parlimen Rantau Panjang sekarang sedang pembinaan. Saya balik pada hari minggu ini saya lihat ada pembinaan kem baru. Tempatnya tidak begitu sesuai. Biasanya kem-kem ini diadakan di tempat yang berhampiran dengan sungai-sungai ataupun anak-anak sungai.

Tetapi nampaknya kem baru di Bukit Tuku dalam Parlimen Rantau Panjang, tempatnya cukup tidak sesuai. Tapi oleh kerana tanah di situ dimiliki oleh tanah orang

kuat UMNO dan sebahagian besarnya tanah kerajaan sekarang ini. Saya minta pihak kementerian ini sebelum pembinaan diteruskan, baik *check* balik tanah itu melibatkan tanah Kerajaan Negeri, *state land*. Jadi, kalau benar berlaku demikian saya rasa seelok-eloknya pihak kementerian mohon dahulu melalui agensi yang telah dibenarkan ini ataupun diberi kuasa kepada Kerajaan Negeri dan saya rasa Kerajaan Negeri tidak pernah menolak mana-mana permohonan tanah di Kelantan ini kalau hendak digunakan dengan jalan yang benar.

Yang kedua ialah saya hendak memohon jasa baik pihak kementerian ini iaitu kedudukan murid-murid sekolah agama. Ukuran yang dibuat sekarang ini ialah murid-murid selain daripada murid sekolah agama iaitu kelulusan SPM. Untuk makluman pihak Menteri, sekolah-sekolah Arab di Kelantan ini khususnya ada 71 buah sekolah agama di Kelantan ini yang terlibat dengan peperiksaan SPM dan periksa seterusnya. Bagi sekolah Arab dan sekolah agama ini selepas sahaja peperiksaan SPM mereka tidak rehat tidak ada cuti. Mereka terus dengan persekolahan kerana ada lagi satu peperiksaan iaitu STU, kemudian peperiksaan STAM.

Jadi tidak ada cuti. Kalau sekolah Arab ini dikenalkan, senarai nama dinaikkan dibawa ke pusat latihan ini maka mereka terpaksa meninggalkan sekolah. Saya mohon pihak kementerian ini kecualikan kepada mereka ini. Untuk makluman, sekolah Arab dan agama ini daripada tingkatan dua lagi ada peperiksaan. Tingkatan dua peperiksaan PMRU. Tingkatan tiga PMR, tingkatan empat PMRU, tingkatan lima SPM, tingkatan enam STU, tingkatan enam atas STPM.

Maknanya tidak ada masa rehat langsung. Jadi kalau kementerian tidak ambil kira mereka ini sudah tentulah mereka ini menjadi mangsa terpaksa tidak bersekolah sekadar beberapa bulan seperti mana yang ditentukan oleh kementerian. Jadi saya memohon jasa baik pihak kementerian ini supaya mengambil kira kedudukan sekolah-sekolah yang saya sebutkan ini bagi memastikan mereka ini tidak ketinggalan mata pelajaran mereka. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Dua lagi, Pasir Mas.

11.55 pagi.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Terima kasih kepada Tuan Pengerusi dan terima kasih kepada Menteri yang hadir pada pagi ini untuk menjawab dan sekali gus untuk memberi apa-apa pandangan tentang tambahan kepada Latihan Khidmat Negara. Saya yang daripada kalangan wakil rakyat PAS sebenarnya bersetuju dengan

program Latihan Khidmat Negara dan tidak ada suatu penolakan kepada Latihan Khidmat Negara ini. Tetapi di sana ada beberapa persoalan untuk sama-sama kita berkongsi pandangan dalam membina masyarakat dan membina generasi muda seterusnya.

Saya rasa PAS juga ada pandangan-pandangan dan orang ramai pun ada pandangan, ibu bapa pun ada pandangan. Kalau kita kongsi pandangan ini serentak untuk melahirkan generasi kita, itu lebih baik. Adalah tidak baik kalau kita hanya berpegang dengan pandangan kita. Sudah tentu pandangan seorang ini walaupun dia cerdik sekian mana pun, cerdik seorang. Kalau kita berkongsi ramai sudah tentu bahawa pandangan-pandangan itu boleh membantu kementerian yang mengajak masyarakat dan sekali gus mengajak anak-anak muda kita ke arah sayang kepada negara.

Dalam Latihan Khidmat Negara ini saya hendak bertanya betulkah untuk sayang negara, betulkah mereka ini dilatih untuk sayang kepada negara. Pertama, kalau sasaran kita, tujuan kita untuk mereka kasih kepada negara, kasih kepada negara ertinya kasih kepada bumiputera, kasih kepada rakyat, kasih kepada penduduk, kasih kepada untuk menjaga negara kita untuk masa depan. Bertolak daripada kasih itulah maka kita buat program-program ke arah itu dan sekali-kali kita tidak mencari jalan supaya jangan gagal ataupun menemui jalan buntu.

Tapi apa yang saya lihat sekarang ini dan sebagaimana yang telah disebut oleh Yang Berhormat bagi Batu Gajah sebentar tadi dan orang-orang lain bagi negeri-negeri lain saya rasa Yang Berhormat daripada Barisan Nasional pun setuju bagaimana berlaku masalah-masalah, bukan menyelesaikan masalah, bertambah masalah. Jadi pergi ke Latihan Khidmat Negara untuk mendapatkan pas, lesen bagi membolehkan dia dikawal. Berlaku sekedudukan, berlaku berbagai-bagai lagilah berlaku dalam kem. Seolah-olahnya dia dijaga, dikawal, ada permit. Kalau di luar tidak boleh ditangkap polis tapi di dalam itu boleh kerana apa, kerana ada lesen. Jadi begitu kerana tidak jelas tujuannya jelas di atas *paper* di atas kertas tapi dari segi pelaksanaannya tidak meyakinkan ibu bapa. Kalaulah meyakinkan ibu bapa, ibu bapa bawa pergi anak dia. Sekarang ini ibu bapa tidak yakin. Kementerian kena kaji juga mengapa ibu bapa tidak yakin. Jangan marah kepada ibu bapa. Saya pernah bertemulah, pernah dengar di stesen-stesen bas, di tempat-tempat orang ramai bercakap, mereka ragu sebenarnya, mereka tidak yakin.

Ini satu cerita Yang Berhormat Menteri, saya dengar daripada umum daripada kalangan tapi tidak tahu siapa yang bercakap mengatakan bahawa anak dia dahulu sembahyang, hormat ibu bapa, kasih kepada adik-beradik, ada tatasusila, ada akhlak, ada itu ada ini murni dia malu sedikit ada. Tapi bila pergi, balik kem tentera tidak ada semua itu. Sembahyang subuh tidak hendak sembahyang subuh. Akhlak hormat ibu bapa sudah tidak ada. Kasih-sayang dengan adik-beradik pun tidak ada. Hormat kepada jiran tetangga pun tidak ada. Jadi di mana tujuan kita.

Itulah yang menyebabkan ibu bapa kedua – ibu bapa pertama itu kata sudah tidak ada arah, sudah terlepas – ibu bapa yang kedua kata, “Kalau macam ini tidak patut lepaskan anak gadis saya. Anak gadis saya yang saya didik daripada umur setahun jagung, membesar dan dididik dengan cara akhlak dan dengan cara agamanya. Lepas ke sana agama pun tidak ada, apa pun tidak ada.”

Dato’ Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Omar: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Pasir Mas, Yang Berhormat bagi Larut bangun.

Dato’ Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Omar: Boleh, hendak tanya sedikit. Terima kasih, terima kasih Yang Berhormat. Saya rasa apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat itu tidak betul. Kalau boleh Yang Berhormat dedahkan secara terperinci sebab apa yang kita lihat, adanya program ini untuk meningkatkan lagi kualiti, disiplin dan menyayangi antara satu sama lain. Ada perubahannya, ada peningkatannya, cuma berlaku sedikit... , itu biasalah.

Dalam PAS pun ada juga berlaku, perebutan kuasa sebagai contohnya. Sedikit lagi. Masalahnya sekarang adakah PAS bimbang, adanya remaja ini dilatih dengan tujuan yang baik, PAS sudah tidak boleh menggunakan mereka lagi. Umpamanya panjat pokok kekabu, pasang bendera atau pasang tiang-tiang. Walaupun sudah habis pilihan raya, masih lagi digalakkan. Adakah ini yang Yang Berhormat hendak nafikan? Terima kasih.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Itu perkara remeh-temeh.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Tidak patut Yang Berhormat bawa dalam Parlimen ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sila gulung, sila gulung.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Ya. Apa yang saya tekankan, Yang Berhormat Menteri. Pertama sekali, program. Biarlah program agama ini banyak kita salurkan dalam Program Latihan Khidmat Negara. Kita orang Islam ini jangan biarkan dan tidak baik, berdosa kita, kita biarkan anak kita.

Saya dengar cerita, itu wallahuallah, pelajar-pelajar daripada Program Latihan Khidmat Negara ini kalau yang Kristian ini dibawa ke gereja.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Assalamualaikum.

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Jerai.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Nanti sekejap, nanti sekejap.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Pasir Mas, masa cukup.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Masa sudah tidak ada.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *[Menyampuk]*

Tuan Haji Ismail bin Noh: Masa sudah tidak ada, masa sudah tidak ada. Nanti masa ada, nanti sekejap.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Sedikit sahaja ya?

Tuan Haji Ismail bin Noh: Boleh bagikah?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Masa Yang Berhormat cukup.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Sedikit sahaja.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Bagi dia sedikit, tambah saya sedikit.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Gulunglah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Boleh, boleh Yang Berhormat?

Tuan Haji Ismail bin Noh: Masa cukup.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Masa cukup.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *[Menyampuk]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Shukran. Minta penjelasan Yang Berhormat sedikit.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak, tidak. Masa cukup. Ada satu dua Yang Berhormat lagi hendak berucap.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Yang Berhormat bagi Jerai, nanti sekejap. Selepas daripada ini saya bagi. Sekejap.

Saya hendak tekankan di sini program agama mesti ditekankan. Waktu solat terus jemaah. Solat Jumaat itu mesti ada bas, ada pengangkutan, bawa anak-anak kita ke masjid. Jangan biar ada pilihan, yang tidak solat pun tidak apa, yang hendak solat pun tidak apa. Begitu juga dengan sembahyang-sembahyang waktu ini mesti diraikan kerana kita hendak bina dia. *[Membaca sepotong ayat suci Al-Quran]* Ini kita hendak tekankan. Kalau ada wakil Baling ada di sini, bagus. Yang Berhormat bagi Baling ada atau tidak ada? Yang Berhormat bagi Baling, tidak ada.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: Wakil Jerai pun boleh, Yang Berhormat. *[Ketawa]*

Tuan Haji Ismail bin Noh: Kita hendak.... *[Membaca sepotong ayat suci Al-Quran]* Kita hendak pemuda-pemuda yang ditarbiahkan dengan tarbiah ini ada. Kalau orang lain, dia ada nilai-nilainya, kita ada agama kita, yang pertama.

Yang kedua pula, saya tengok percampuran lelaki dan perempuan. Dalam usia 19 tahun ini, Yang Berhormat, saya pun muda, Yang Berhormat pun muda dulu, dalam usia 18 tahun atau 19 tahun ini, tambah-tambah makanan sekarang ini berzat – dagingnya, apanya, itunya, dorongan terlalu banyak, apatah lagi terdedah kepada dia. Yang satu ini panjat, yang lelaki ini tampu punggung lelaki atau perempuan. Boleh berlaku begini.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat, cukuplah.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Jadi, Tuan Pengerusi, saya hendak nyatakan iaitu percampuran di antara lelaki dan perempuan ini, buat tidak apa, tetapi biarlah diasingkan. Di sana ada kem perempuan, di sini ada kem lelaki. Yang kem perempuan itu, yang latihnya perempuan, jangan lelaki. Begitu juga sebaliknya.

Kalau perkara ini kita buat dengan lurus, dengan telus, dengan ikhlas dengan tujuan untuk membina negara kita, ibu bapa yang bawa pergi, bukan kita terpaksa cari, tangkap dia, hendak denda dia. Tetapi oleh kerana ibu bapa tidak yakin, saya sendiri pun tidak yakin sekarang ini. Barangkali menteri sendiri pun tidak yakin.

Saya hendak tahu berapa orang anak menteri yang sudah ada di sana sekarang ini. Saya hendak tanya, selain daripada anak orang lain, anak menteri ada berapa orang? Anak-anak pembesar negara ada berapa orang yang berada di sana?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Pasir Mas, masa cukup.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Ya, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Saya harap mendapat pandangan daripada Yang Berhormat Menteri.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu, selepas itu saya bagi seorang lagi dan Yang Amat Berhormat boleh jawab.

12.04 tgh.

Dato' Razali bin Ismail (Kuala Terengganu): Terima kasih Tuan Pengerusi. Bagi Maksud B.50 – Kementerian Pertahanan dalam hubung kaitnya dengan Program Latihan Khidmat Negara, saya ingin memberi pendapat saya bahawa program ini dikaitkan dalam keadaan suasana remaja kita terlibat dalam kejahatan sosial, lepak dan juga masalah-masalah yang pelbagai macam di peringkat umur 18 hingga 21 tahun dan usaha yang dibuat ini adalah usaha yang cukup tepat, kena pada masanya dalam usaha kita untuk kita memperbaiki balik masalah-masalah ketidakselarasan, tidak laras dari segi tingkah laku, tingkah olah kelakuan anak-anak kita.

Tuan Pengerusi, perkara yang penting di sini ialah perbelanjaannya agak besar juga. Dalam setiap latihan ia memerlukan tidak lebih daripada kira-kira RM500 juta untuk mengendalikan program ini. Satu perkara yang saya hendak tarik perhatian bahawa program ini mempunyai matlamat yang cukup baik dalam usaha kita membina ketahanan negara, membina negara, cintakan negara dan juga cintakan kepada tingkah laku-tingkah laku sosial yang dapat diperkenankan dan diterima dalam masyarakat.

Pokoknya sekarang ini, untuk kita membina sikap begini, ia tidak hanya 100% bergantung kepada *technical rationality*, dengan izin, ataupun kegiatan-kegiatan fizikal sahaja. Lebih penting adalah dari segi *ethical rationality* yakni membina *domain* di dalam diri remaja-remaja kita. Dalam konteks ini saya lihat tempoh tiga bulan itu memang tidak memadai. Sesungguhnya tidak ada sesuatu yang berkesinambungan yakni kita harus juga memberi penekanan kepada pra-PLKN ini yakni dari masa di

sekolah lagi, perhatian kita dan keprihatinan kita harus diberi untuk kita membina *the ethical rationality* ini ataupun rasionaliti adab dalam diri pelajar-pelajar kita ini.

Jadi, ertinya sekarang, peruntukan itu juga harus diagih-agihkan secara seimbang di peringkat yang lebih awal yakni semasa anak-anak ini berada di bilik darjah lagi dan itulah yang saya sebut tadi, pra-PLKN ini harus mendapat keprihatinan daripada pihak Kementerian Pertahanan sendiri.

Saya juga merasakan bahawa punca kepada masalah ini adalah merupakan sesuatu yang berkaitan dengan hati, berhubung dengan jiwa, berhubung dengan aspek-aspek dalaman dan ini juga saya kira harus difikirkan dalam konteks pendidikan kita yang saya kira pendidikan kita ini mungkin terlalu menekankan kepada aspek-aspek *domain* peperiksaan. Malah kajian menunjukkan bahawa seseorang yang berjaya itu banyak bergantung kepada *emotional intelligent*, *ethical intelligent*, *verbal intelligent*, *interpersonal intelligent*, dengan izin. Tetapi dalam sistem pendidikan kita, saya rasa aspek-aspek ini kurang diberi penekanan.

Saya merasakan bahawa lebih 80% bajet dari segi pendidikan kita ditumpukan kepada...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, kita sekarang di peringkat Jawatankuasa terhadap butiran yang berkenaan.

Dato' Razali bin Ismail: Ya, yang saya hendak cadangkan di sini ialah...

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman: Saya hendak minta penjelasan sedikit.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat terkeluar jauh sangat.

Dato' Razali bin Ismail: Ya, yang saya hendak cadangkan di sini supaya dalam program PLKN ini elemen-elemen *emotional intelligent* dan *multiple intelligent* itu diberi perhatian yang serius. Dan yang saya cadangkan satu lagi iaitu supaya pra-PLKN itu yakni aktiviti-aktiviti *ethical rationality* itu dibina sejak daripada sekolah lagi. Terima kasih banyak.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Ledang, selepas itu Yang Amat Berhormat boleh jawab.

12.08 tgh.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya tidak akan mengambil masa yang panjang. Sekadar hendak menyatakan satu perkara

yang benar lagi benar. Tetapi mungkin sedikit peribadi kerana saya ingin mengambil satu contoh yang melibatkan anak saya sendiri yang telah pun turut serta dalam program PLKN di mana anak saya daripada seorang perempuan yang lembik, tiba-tiba menjadi cergas.

Saya tidak sangka pada hari tamat kawad latihan, anak saya boleh berhujan dan berpanas, boleh membuat *marching* seperti seorang askar yang telah dilatih dalam tempoh sebulan dan ini menunjukkan bahawa program ini memang berjaya. Bukan maksud saya hendak bercakap yang tidak benar di depan Dewan, tetapi yang benar, bukan kerana hendak membodek menteri, tidak, tetapi ini yang benar.

Dari segi adab, anak saya masih lagi mencium tangan emak bapa dia, masih lagi menghormati emak saudara dia, masih lagi berhubung dengan kawan-kawan dia dan dari segi hubungan lelaki dan perempuan, saya semak nombor telefon anak saya, tidak ada pun seorang lelaki...

Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh: [*Bangun*]

Ir. Haji Hamim bin Samuri: [*Ketawa*] Tidak ada pun seorang lelaki... Nanti sekejap. Tidak ada pun seorang lelaki...

Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh: [*Menyampuk*]

Ir. Haji Hamim bin Samuri: Sekejap lagilah. [*Ketawa*] *Five minutes* sahaja.

Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh: Ini satu fakta yang menarik. Sebab itu saya berdiri dan saya rasa apa yang dikatakan oleh wakil pembangkang tadi adalah kes yang satu atau dua daripada seribu dan bolehkah kita andaikan bahawa kes anak Yang Berhormat bagi Ledang ini merupakan majoriti? Bagaimana pendapat Yang Berhormat bagi Ledang?

Ir. Haji Hamim bin Samuri: Terima kasih. Saya juga telah pun memeriksa atau bertanya kepada rakan-rakan yang lain yang anaknya juga seangkatan dengan anak saya, mereka mempunyai pengalaman saya. Saya semak nombor telefon anak saya...

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Saya minta penjelasan sedikit.

Ir. Haji Hamim bin Samuri: Sekejap. Tidak adapun satu lelaki yang telefon dia. Dia juga tidak menelefon lelaki lain, maknanya dari segi hubungan dengan lelaki perempuan tidaklah berlebihan sebagaimana yang digembar-gemburkan. Kemudian dari segi ganas, ada yang mengatakan bahawa apabila peserta PLKN diletakkan di

pusat-pusat pengajian tinggi banyak kerosakan berlaku tetapi saya semak semula. Sebenarnya kerosakan yang berlaku itu bukannya semasa tempoh peserta-peserta tadi menetap di pusat-pusat pengajian tinggi tetapi telah pun berlaku sebelum itu. Maksud saya tadi kerosakan itu juga dibuat oleh pelajar-pelajar universiti sebelum itu. Jadi tidak adil sekiranya ada pihak yang mengatakan bahawa peserta PLKN melakukan sesuatu yang merugikan ataupun bersifat ganas apabila mereka ditempatkan sementara di pusat-pusat pengajian tinggi. Cuma satu yang....

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Minta penjelasan.

Ir. Haji Hamim bin Samuri: Cuma satu Tuan Pengerusi, oleh sebab masa terhad, saya minta maaf.

Cik Fong Po Kuan: Yang Berhormat Ledang.

Ir. Haji Hamim bin Samuri: Cuma satu Tuan Pengerusi, oleh kerana masa terhad, cuma satu sahaja yang saya terkilan, satu sahaja iaitu apabila mereka ini mendapat sijil daripada PLKN, contoh, bukan peribadi, anak saya mendapat 9A dalam SPM, 6A1 3A2, tidak dapat pun ke luar negeri, tidak dapat pun masuk ke universiti-universiti yang bertaraf hebat sekadar masuk Kolej Matrikulasi Johor. Seolah-olah dengan keputusan yang baik itu dan dengan sijil PLKN tidak ada suatu pengiktirafan yang maksimum yang diberikan oleh pihak kementerian dengan kelulusan yang baik dengan sijil yang baik dengan sijil PLKN sewajarnya mereka bukan sahaja anak saya malah anak-anak yang lain diberikan sedikit '*value added*' sebagai ROI sebagaimana yang dicadangkan oleh pihak kerajaan. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah. Yang Amat Berhormat.

12.14 tgh.

Menteri Pertahanan [Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak]: Lima orang Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan peruntukan tambahan peringkat Jawatankuasa untuk Kementerian Pertahanan yang semuanya telah bercakap tentang program Latihan Khidmat Negara.

Saya tertarik hati dengan apa yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat dari Ledang sebentar tadi dan Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas. Kita dapati bahawa ada dua pendapat yang bercanggah tetapi saya lebih mempercayai pendapat Yang Berhormat dari Ledang. Ahli Yang Berhormat dari Ledang dia telah menyatakan dengan spesifik bahawa ini adalah kesan yang didapati daripada anaknya sendiri

mengambil bahagian daripada program Latihan Khidmat Negara. Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas agak kabur. Mungkin dia mereka-reka Tuan Pengerusi, jadi saya tidak berapa yakin dengan suara Yang Berhormat dari Pasir Mas.

Tuan Haji Ismail bin Noh: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat

Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Masa tidak mengizinkan, kita hendak habiskan. Yang Berhormat boleh bercakap lagi dalam perbahasan nanti. Kemudian, sebab masa terhad kita hendak habiskan sebelum pukul satu. Oleh itu saya hendak nyatakan Tuan Pengerusi sebenarnya program ini kita telah buat penilaian dan daripada penilaian yang telah dilakukan kita dapati bahawa lebih daripada 75% daripada mereka yang telah terlibat dalam program Latihan Khidmat Negara mendapati bahawa program ini amat baik, amat berfaedah, amat menguntungkan dan amat memberi kesan yang positif kepada mereka. Memang kita akui dalam pada itu ada juga kelemahan-kelemahan yang telah berlaku, ini adalah disebabkan ini kali pertama kita buat program seperti ini. Seperti biasa bila kali pertama kita buat apa-apa program kita perlu melalui proses orang putih sebab '*giving problem*' dan kita tidak duga mungkin kelemahan kita sendiri tetapi kita akui dan sebab itulah kita telah membuat penilaian semula dan kita telah jemput di dalam program penilaian semula itu NGO-NGO, jadi tidak benarlah kalau Ahli Yang Berhormat dari Batu Gajah memberi gambaran seolah-olah NGO-NGO tidak dilibatkan. NGO-NGO dilibatkan untuk memberikan pandangan mereka dan mudah-mudahan daripada pandangan itu kita telah pun masukkan dalam rumusan kita dan insya-Allah program PLKN ini akan kita perbaiki lagi mulai dari bulan Disember ini.

Antara langkah-langkah yang kita telah ambil ialah untuk mengecilkan lagi bilangan dalam satu-satu kem. Jika dulu lebih kurang enam ratus sekarang ini dalam empat ratus tiga ratus lima puluh dalam sebuah kem, bererti di bawah penyeliaan lebih rapi dapat kita lakukan dan juga telah menetapkan kem komandan adalah terdiri daripada pegawai tentera yang masih berkhidmat dan kita telah meningkatkan lagi keupayaan jurulatih-jurulatih kita dan kita telah mengenakan peraturan disiplin yang lebih ketat lagi supaya keadaan dalam kem ini akan menjurus kepada keadaan yang lebih selesa, lebih sempurna, lebih tinggi dari segi tahap disiplinnya.

Saya suka juga menyatakan Tuan Pengerusi bahawa kalau sekiranya timbul masalah disiplin, inilah kerana kita mengambil mereka daripada masyarakat dan

pelajar-pelajar daripada masyarakat ataupun bekas pelajar bukan semuanya baik. Sebahagian besarnya baik tetapi ada juga sebahagian yang terlibat dalam masalah disiplin, masalah sosial dan sebagainya jadi perilaku mereka itu dibawa juga dalam kem-kem Latihan Khidmat Negara tetapi kalau kita tidak melakukan sesuatu bahawa mereka ini semua tidak ada sesuatu program lain yang dapat kita laksanakan untuk memperbaiki masalah sosial yang kita hadapi, yang kita nyatakan bahawa satu cabaran yang perlu ditangani oleh kita.

Sebab itulah Tuan Pengerusi, kita akan teruskan program ini dan dengan peruntukan tambahan yang kita perlukan ini maka kita akan dapat melaksanakan pendekatan yang lebih baik dan lebih berkesan lagi.

Tentang soal tindakan mahkamah yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Batu Gajah, kita bukanlah suka hendak mengambil tindakan mahkamah tetapi tidak adillah bagi yang lain yang telah mengambil bahagian dalam program Khidmat Negara ini kalau sekiranya ada yang terlepas daripada mengikuti program ini. Sebab itulah terpaksa mengambil tindakan tetapi sebelum tindakan diambil kita akan semak siasat apa sebab mereka tidak mengambil bahagian, mungkin kerana mereka dalam kawasan pedalaman, mungkin ada faktor-faktor tertentu yang lain yang boleh menyebabkan kita tidak mendakwa mereka ataupun kalau kita dakwa tentu mahkamah akan memandang bahawa hukuman itu harus setimpal dengan keadaan yang dialami oleh mereka melainkanlah kalau mereka sengaja tidak mahu mengambil bahagian di dalam program ini. Jadi janganlah kita besar-besarkan sangat tindakan mahkamah ini sehingga menakut pihak-pihak yang terlibat tetapi kerajaan akan menggunakan budi bicara kita supaya kita berlaku adil pada mereka yang tidak mengambil bahagian dalam program ini.

Kalau Ahli Yang Berhormat ada apa-apa pandangan yang lain tentang jawatankuasa mengenai perpaduan akan berfungsi tidak lama lagi, kita akan menjemput Ahli Yang Berhormat dari parti pembangkang untuk turut memberi pandangan dalam peringkat jawatankuasa yang akan kita tubuhkan di kalangan Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tentang soal spesifik tentang perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Rantau Panjang saya akan menyiasat lebih lanjut lagi tentang kem di Bukit Tuku itu dan juga tentang kedudukan pelajar-pelajar agama itu kita akan kaji lebih mendalam lagi. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Batu Gajah.

Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Ringkas sahaja ya.

Cik Fong Po Kuan: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya juga berharap saya boleh membantu memberi kerjasama memulihkan keyakinan orang ramai, ibu bapa dalam program ini. Tetapi yang pentingnya ketelusan, kita semua Ahli Parlimen diberi maklumat berkenaan perjalanan program ini, biar kita Ahli Parlimen ini dibenarkan memasuki kem ini, apabila kami menerima panggilan kecemasan daripada ibu bapa atau pelajar remaja yang berada di dalam kem.

Sebab saya pernah melalui perkara ini, remaja menghubungi saya lewat malam 12.30 malam, dia mengatakan di sini berlaku pergaduhan, kawan saya dipukul, tidak ada rawatan diberi. Mengapa mereka tidak pergi ke Komander, mengapa mereka hubungi wakil rakyat. Padahal saya tinggal di Ipoh dan panggilan itu dari Manjung. Jadi, saya berharap dapat membenarkan wakil rakyat, tadi saya ada bangkitkan Menteri tidak menjawab, benarkan wakil rakyat hadir memberi taklimat dan maklumat, adakan taklimat kepada semua wakil rakyat berkenaan perjalanan program ini dan siapakah yang patut kita hubungi apabila berlaku kecemasan di waktu malam. Biar kita menjadi penghubung di antara ibu bapa dengan pihak kementerian atau jabatan.

Jangan mengelakkan kami apabila kami datang melawat ke kem. Biar kami ada *a free entrance to the camp whenever we receive emergency call*. Bolehkah dipertimbangkan perkara ini.

Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Pengerusi, untuk melawat kem ini kita mesti ada peraturan, kalau tidak ada peraturan tidak ada disiplin, sesiapa pun boleh masuk kem dan keadaan tidak terkawal akan berlaku, akan timbul. Oleh kerana kalau ada apa-apa yang berbangkit dari masa ke semasa wakil rakyat bolehlah berhubung dengan Jabatan Khidmat Latihan Negara supaya tindakan selanjutnya boleh diambil oleh pihak yang berkenaan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM250,000,000 untuk Maksud B.50 di bawah Kementerian Pertahanan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM250,000,000 untuk Maksud B.50 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM1,598,338,106 untuk Maksud P.50 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 2004 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM1,598,338,106 untuk Maksud P.50 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.1) 2004.

Maksud B.52 [Jadual] –

Maksud P.52 [Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.1) 2004] –

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kepala Bekalan B.52 dan Kepala Pembangunan P.52 di bawah Kementerian Keselamatan Dalam Negeri terbuka untuk dibahas. Ya. Yang Berhormat bagi Bagan.

12.22 tgh.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Terima kasih Tuan Pengerusi, P.52. Saya minta Menteri menerangkan butir-butir berkenaan dengan sistem dan kelengkapan C4i yang memerlukan perbelanjaan lebih kurang RM19 juta dan B.52 - RM150 juta untuk membiayai keperluan Polis Diraja Malaysia untuk melaksanakan projek-projek seperti membaik pulih dan mengubahsuai bangunan lama dan usang.

Tuan Pengerusi, balai polis lebih tepat disebut sebagai bangunan polis trafik di Prai adalah sebuah bangunan yang begitu usang dan lama sehingga genting-genting dan bumbung-bumbung bangunan tersebut telah jatuh dan diganti dengan kepingan-kepingan bumbung asbestos, dan ini tidak seiring dengan yang lain iaitu genting yang lama. Di sekitar kawasan dalam pagar itu pun hanya batu-batu kasar sahaja atau crusher run dan bukan jalan tar atau halaman tar dan saya dapati pejabat ini mungkin tidak sesuai lagi untuk diguna pakai sebagai satu pejabat untuk dijadikan *traffic police* di bahagian Seberang Prai Tengah.

Mungkin ia memerlukan satu perbelanjaan untuk membaik pulih atau mengubahsuai bangunan ini supaya ia dijadikan sebagai satu tempat yang boleh betul-betul menjalankan kerja-kerja dan tugas-tugas ini. Saya juga mendapati di balai polis Butterworth iaitu di SPU kebanyakan bilik-bilik pegawai penyiasat atau I.O kebanyakan mereka ini kekurangan kelengkapan seperti *aircond*. *Aircond* pusat tidak

berfungsi dan pegawai penyiasat perlu membeli atau menyewa *aircond* dengan perbelanjaan sendiri, malahan komputer peribadi juga dibekal, dibeli atau disewa oleh pegawai penyiasat sendiri, oleh kerana kerajaan tidak membekalkan komputer-komputer yang boleh kompetitif untuk mereka dan mereka perlulah membeli atau menyewa komputer sendiri.

Cik Fong Po Kuan: Terima kasih Yang Berhormat bagi Bagan. Keadaan sedemikian juga berlaku di kawasan Batu Gajah, bukan sahaja mereka kena menggunakan wang poket mereka sendiri, kalau mereka yang mampu tetapi juga ada ramai yang meminta derma, derma daripada orang ramai atau orang-orang kampung. Mereka meminta derma dan saya rasa ini juga memberi ruang kepada rasuah berleluasa akan berlaku. Sebab apabila mereka kekurangan kelengkapan mereka menderma sebagai satu balas *I don't need, next time I know what to do* dengan izin.

Jadi, setujukah Yang Berhormat Bagan, perkara yang sedemikian juga berlaku ya.

Tuan Lim Hock Seng: Jadi, ini membuktikan bahawa kebanyakan balai-balai polis di merata-rata tempat di negara kita ini perlu diberikan perhatian yang lebih supaya keadaan atau suasana sekeliling pekerja adalah baik. Saya ingin bertanya kepada kementerian berkenaan dengan keadaan-keadaan yang begitu usang dan lama di tempat saya dan juga Batu Gajah tadi, apa persediaan atau adakah apa-apa peruntukan untuk membaik pulih, kerana RM150 juta ini telah dibelanjakan bukan akan dibelanjakan untuk membaik pulih. Jadi, saya berharap Yang Berhormat boleh mengambil perhatian berkenaan dengan perkara ini.

Berkenaan dengan Bekalan B.52 satu lagi tajuk iaitu sejumlah RM229 juta untuk membiayai emolumen perjawatan baru dan juga penyelarasan gaji Skim Perkhidmatan Polis dan sagu hati bagi bekas-bekas polis.

Dalam perbelanjaan yang baru dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada hari Jumaat yang lepas hanya bayaran khas dan emolumen dibayar kepada pasukan-pasukan khas sahaja atau komando, satu dua bahagian di dalam Polis Diraja Malaysia dibayar untuk gaji khas. Saya merasa perlu juga kerana anggota polis yang lain seperti di bahagian trafik, di pentadbiran, di jenayah atau di narkotik, semua juga anggota polis. Mereka ini perlu menjalankan kerja-kerja sehingga ada yang bertugas 24 jam dan mereka selalu mengadu bahawa tiada *overtime*, masa kerja yang panjang, beban kerja yang berat dan sebagainya. Jadi, saya berharap gaji-

gaji khas ini bukan dibayar kepada segelintir atau sebahagian anggota polis sahaja bahkan perlu diperluaskan kepada semua kakitangan anggota polis. Sekian, sahaja.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Tebrau. Selepas Yang Berhormat bagi Tebrau saya membenarkan seorang lagi berucap.

12.30 tgh.

Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]: Tuan Pengerusi, terima kasih kerana memberi peluang untuk saya mengambil bahagian dalam membahaskan B.52.

Tuan Pengerusi, semenjak berleluasanya gejala jenayah ragut di negara kita, 'ekspektasi' rakyat terhadap khidmat polis sudah makin meningkat. Setiap kali rakyat berdialog dengan pihak polis untuk meminta menambahkan perondaan dan juga khidmat-khidmat yang lain, selalu diberitahu bahawa anggota polis tidak mencukupi. Saya melihat di bawah Peruntukan B.52 (3), sebanyak RM229 juta telah diperuntukkan untuk membiayai emolumen perjawatan baru dan juga RM150 juta diperuntukkan untuk membiayai keperluan Polis Diraja Malaysia (PDRM) dalam pembelian peralatan kenderaan dan sebagainya.

Saya harap ini akan membantu PDRM untuk meningkatkan prestasi khidmat mereka dari segi menambahkan perondaan polis, khususnya di kawasan-kawasan kediaman dari segi penduduk yang tinggi, seperti di dalam kawasan perbandaran Johor Bahru, Kuala Lumpur dan sebagainya.

Yang kedua, saya dapati di Johor Bahru misalnya di kawasan saya, nisbah polis dan penduduk itu amat tinggi. Saya bercakap dengan pegawai-pegawai polis, mereka sentiasa memberitahu pada saya, anggota tidak mencukupi, kenderaan tidak mencukupi dan saya harap bagi kawasan-kawasan di mana terdapat nisbah penduduk dan polis yang tinggi itu, harus dipecahkan daerah *police district* dengan izin, supaya pentadbiran polis dan khidmat polis dapat ditingkatkan dengan lebih banyak anggota polis dan kenderaan yang dibekalkan di bawah pentadbiran yang baru. Dengan sebab itu, saya minta PDRM mengkaji dengan cepatnya untuk memecahkan daerah polis di kawasan-kawasan di mana terdapat nisbah polis penduduk yang tinggi.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mencadangkan orang ramai selalu mengadu bahawa mereka memerlukan masa yang panjang untuk membuat laporan polis. Jadi, PDRM perlu berusaha secara berterusan untuk mendapatkan kaedah meringkaskan prosedur membuat laporan polis dan juga memendekkan masa

membuat laporan polis seperti yang diusahakan oleh Kementerian Kesihatan, mengurangkan masa menunggu di hospital awam.

Jadi, usaha yang sama perlu dibuat oleh PDRM supaya orang ramai tidak lagi takut tampil ke hadapan untuk melaporkan kes-kes pecah rumah, kes-kes ragut yang berlaku hampir setiap hari. Jadi, oleh kerana 'ekspektasi' rakyat ini yang semakin meningkat, saya harap Kementerian Keselamatan Dalam Negeri akan berusaha meningkatkan prestasi polis dalam semua aspek supaya rakyat akan berasa lebih selamat dan lebih puas hati terhadap perkhidmatan yang dibekalkan oleh polis. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Rantau Panjang. Selepas itu Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menjawab.

12.35 tgh.

Tuan Haji Abdul Fatah Haji Haron [Rantau Panjang]: Ya, terima kasih Tuan Pengerusi. Saya tertarik hati dengan peruntukan sebanyak RM83 juta untuk membiayai keperluan PDRM semasa menghadapi Pilihan Raya Umum yang Kesebelas baru-baru ini. Pertamanya, saya rasa peruntukan yang sebanyak ini, kalau dikira dengan peranan yang dimainkan oleh SB waktu menghadapi pilihan raya baru-baru ini tidak cukup ini. Tetapi, barangkali SB ini merasa berpuas hati dengan kerja-kerja yang mereka buat.

Apa yang hendak saya sebut di sini ialah, memang SB memainkan peranan baru-baru ini, cukup-cukup hebat, bukan sahaja untuk tinjau keselamatan waktu pilihan raya, tetapi membuat kerja-kerja lain seperti mana diarahkan oleh UMNO barangkali iaitu untuk membuat kajian aliran pengundi.

Sebahagian besarnya maklumat yang diperolehi oleh UMNO, Barisan Nasional melalui SB, aliran pengundi di kampung-kampung ataupun di lokasi-lokasi tertentu, untuk makluman UMNO gagal untuk mendapat maklumat aliran pengundi, maka digunakan SB inilah untuk mengambil maklumat yang tepat bagi mencula ataupun meninjau aliran pengundi ini, berapa ramai yang menyokong Barisan Nasional, berapa ramai yang menentang dan berapa ramai lagi yang berada di luar negeri dan sebagainya. Ini semuanya melalui SB-SB. Kalau pihak askar menggunakan MIO. Jadi, kalau kita lihat setiap kali pilihan raya, seperti pilihan raya baru ini, SB dengan MIO ini, lebih kurang, sama-sama membuat kerja-kerja untuk membantu penculaan ataupun aliran pengundi kepada Barisan Nasional.

Jadi, saya rasa RM83 juta ini patut ditambah lagilah, tidak cukup. Patut UMNO pula menambahkan peruntukan sendiri bagi membantu SB yang telah terbukti membantu sebahagian besar kepada UMNO dan Barisan Nasional waktu pilihan raya baru-baru ini.

Yang kedua, saya hendak cakap berkenaan dengan peruntukan RM150,000 ini untuk membeli kenderaan-kenderaan khas ini. Saya rasa, RM150 juta ini pun sedikit, sebab saya lihat terutama sekali kelengkapan yang dibeli untuk polis bagi meninjau keselamatan sempadan ini. Sekarang ini, ada yang *motorbike* berkuasa kecil antara 50 c.c. sehingga 90 c.c. sahaja. Kalau hendak dibandingkan dengan UPP yang lebih bertenaga, mereka menggunakan *scrambler* 150 c.c. ke atas yang boleh menangani pengedar-pengedar ataupun penyeludup-penyeludup beras yang menggunakan motosikal yang berkuasa lebih tinggi.

Tetapi, demikian juga kalau kita tengok polis menggunakan kenderaan-kenderaan seperti Kancil pun saya tengok masih ada sekarang ini digunakan oleh polis sempadan. Mana boleh tahan hendak lawan dengan pihak penyeludup yang menggunakan *Land Cruiser*, menggunakan Pajero, VCR dan sebagainya. Saya ingat tidak sesuai. Jadi, pihak kementerian ini patut membeli kenderaan-kenderaan yang lebih bertenaga kepada pihak polis-polis yang berada di sempadan ini. Kalau tidak, kesannya tidak berkesan kalau diberi kenderaan-kenderaan yang tidak sesuai digunakan oleh polis-polis di sempadan ini. Yang ketiga, saya hendak sebut berkenaan dengan saya terkejut dengan melihat PGA yang jaga di Parlimen kita ini. Waktu baru-baru ini, anak saya melawat di Parlimen, sekolah melawat di Parlimen. Dia terkejut. Dia kata "Di Parlimen pun ada PGA jugakah"?

Adakah keselamatan itu tidak selamat sekarang ini? PGA biasanya berada di sempadan, di kawasan saya itu, memang penuh dengan PGA, tidak cukup dengan polis biasa, tidak cukup dengan orang lain. PGA pun dipilih di sempadan itu yang lebih teruk lagi. Muka-muka yang bengis, muka-muka yang tidak pandai hendak senyum kepada orang ramai, muka-muka yang tidak pandai cakap Melayu pun ada setengah itu.

Sebahagian besarnya yang tidak boleh menjawab salam kerana tidak Islam barangkali, terutama sekali Sungai Perak dihantar khusus di Rantau Panjang, dengan kita Ahli Parlimen pun dia tidak kenal kita, *crown* di hadapan pun dia tidak tahu siapa, ini *crown* ini, dia tidak kira siapa. Jadi, saya harap kalau di Parlimen ini kalau letak

PGA ini, nampak sangat kita tidak selamat. Biarlah polis biasa sahaja. Bagus sebenarnya di Parlimen, tubuh dia itu bagus, kerja kuat, serius di kalangan PGA ini. Tetapi, di Parlimen ini amat tidak sesuai kerana Parlimen ini kita masih selamat lagi. Itu sahaja. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, sila.

12.38 tgh.

Setiausaha Parlimen Kementerian Keselamatan Dalam Negeri [Datuk Wira Abu Seman Yusop]: Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih juga kepada tiga Ahli Dewan Rakyat yang telah mengambil bahagian dalam membincangkan dan juga memberi pandangan berkaitan dengan Perkara B.52 dan juga P.52.

Pertama, saya ingin menyentuh berkaitan dengan cadangan dan perkara-perkara yang telah ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Bagan. Mengikut Ahli Yang Berhormat bagi Bagan, yang mana menginginkan butir-butir berkaitan dengan Sistem C 41.

Alat-alat perhubungan berkaitan dengan sistem C 41 ini, adalah merupakan alat perhubungan radio iaitu *command and control* dan juga *computer and integration* di mana ia digunakan bagi menguruskan berkaitan dengan panggilan 911 yang mana pada suatu ketika dahulu diuruskan oleh Telekom Malaysia yang mana pada kini akan diambil alih oleh pihak berkuasa PDRM.

Mengikut daripada alat-alat ini, dengan adanya pembelian peralatan ini, maka panggilan kecemasan ini iaitu 999 bukan 911 Tuan Pengerusi akan diuruskan oleh Pasukan Polis Diraja Malaysia yang mana apabila panggilan dibuat kepada MCC ataupun *control centre* ini, talian tersebut akan dialihkan ataupun dikemukakan kepada jabatan yang berkaitan seperti Bomba dan sebagainya.

Di samping itu juga ia merupakan untuk memantau pergerakan *Mobile Patrol Vehicle* ataupun MPV polis yang sedang membuat rondaan di bandar-bandar yang kini kita menggunakan di kawasan Lembah Klang dan juga di Selangor yang mana kita telah mewujudkan *control centre* bagi Kuala Lumpur dan juga bagi Selangor.

Apabila berlakunya sesuatu jenayah di mana daripada *control centre* ini boleh mengarahkan MPV ini untuk mengambil tindakan menjalankan tindakan-tindakan yang

terdapat berlakunya jenayah-jenayah ini. Dengan adanya *control centre* ini akan memberi tindakan yang lebih efisien penjelasan sedikit.

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Minta penjelasan Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Pengkalan Chepa.

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman: Dalam TV3 ada satu slot mengenai 999 yang cukup baik untuk rakyat. Adakah ini mendapat kerjasama yang erat daripada pihak polis?

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Yang itu mungkin daripada segi program itu ada mendapat nasihat daripada pihak polis untuk memberi pandangan dan juga untuk menjalankan segala maklumat-maklumat yang diperlukan.

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman: Tuan Pengerusi, sebabnya dalam rancangan itu, terlibat pegawai-pegawai polis bersama-sama dengan Zakiah Anas untuk mempamerkan segala peristiwa-peristiwa yang berlaku mengenai jenayah itu. Sejauh mana penglibatan itu berlaku.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, tadi sudah dijawab ini kata mendapatkan pandangan dan kerjasama daripada pihak polis.

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Ya. Program itu adalah dilaksanakan dengan kerjasama pegawai-pegawai polis untuk dilaksanakan, untuk memberi maklumat-maklumat kepada orang ramai di mana kita memerlukan bantuan juga daripada orang ramai daripada segi maklumat-maklumat yang diperlukan.

Saya teruskan Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sila.

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Sebenarnya program implementasi control centre ini, command and control adalah merupakan *pilot project* yang dilaksanakan mulai pada tahun 2003 dan sekarang ini ada beberapa proses teknikal yang masih belum dapat disiapkan. Apabila proses teknikal ini siap maka kita akan memperluaskan lagi berkaitan dengan penggunaan alat-alat control centre ini dan bagi membolehkan supaya tindakan-tindakan polis dalam membanteras jenayah dapat dilaksanakan dengan lebih baik lagi.

Berkaitan dengan wang peruntukan yang digunakan sebanyak RM150 juta – berkaitan dengan baik pulih dan sebagainya. Apa yang telah digunakan bagi peruntukan ini ialah untuk keperluan PDRM bagi melaksanakan projek-projek seperti

pembelian peralatan kenderaan khas iaitu kenderaan *Prime Mover 32 kg* dan traktor 4X2 dengan *trailernya* dan juga memperbaiki pengubahsuaian bangunan lama seperti bangunan depot imigresen yang mana telah diambil oleh pihak penjara untuk dinaikkan taraf dan di samping itu juga peruntukan ini digunakan untuk menaikkan taraf lokap-lokap polis.

Berkaitan bangunan-bangunan lain yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Bagan tadi bahawa di kawasannya terdapat bangunan yang begitu usang dan daripada segi

Tuan Haji Ismail bin Noh: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Pasir Mas.

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Ya.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Setiausaha Parlimen. Saya tertarik dengan jawapan yang telah diberikan sekejap tadi di mana bekalan dan tambahan-tambahan telah dibuat kepada badan-badan polis. Apa yang saya dapati bahawa setengah-setengah balai polis di Pasir Mas kalau tidak silap saya, tempat tahanan sementara itu begitu lama, barang kali hampir 20 tahun sudah dan tidak sesuai saya kira dalam keadaan sekarang ini.

Lagi pun kedudukan balai polis Pasir Mas itu, dia benar-benar berada di persimpangan jalan dan terdedah dengan orang ramai boleh melihat daripada jalan depan, jalan kiri, jalan sebelah, maknanya nampak dan tidak sesuai sebenarnya kalau dilihat oleh ramai orang. Yang pertama saya hendak tahu apakah kerajaan bersedia untuk setidak-tidaknya membaik pulih tempat-tempat tahanan ini kerana tahanan dahulu berbeza dengan sekarang ini, barangkali penghuni penjara sekarang ini begitu ramai sekarang bukan sahaja di Pasir Mas bahkan menyeluruh di tempat-tempat lain. Saya kira kalau dapat diperbaiki, diperelokkan dan jangan sangat ketat sangat orang dalam itu yang menjadikan masalah lain pula.

Yang kedua, kalau boleh jauh sedikit daripada jalan raya sebab balai polis Pasir Mas itu memang di sebelah depannya jalan raya dan di sebelah kirinya jalan raya terdedah dengan apa sahaja. Sekian, terima kasih.

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Terima kasih Yang Berhormat bagi Pasir Mas. Apa yang dinyatakan berkaitan peruntukan RM150 juta itu adalah berkaitan dengan baik pulih, menaikkan taraf lokap-lokap dan juga membaik pulih balai-balai yang telah disenaraikan terlebih dahulu dan peruntukan ini telah digunakan dan

berkaitan dengan baik pulih balai-balai polis yang lain, ia dilaksanakan dari semasa ke semasa kerana pelaksanaan ini adalah mengikut daripada segi keutamaan.

Oleh kerana banyak juga bangunan-bangunan polis yang masih belum dapat kita baik pulih ataupun balai-balai yang lama kita tukar kepada yang baru. Kita perlu menyenaraikan mengikut keutamaan yang mana perlu kita buat dahulu.

Berkaitan dengan *emolument* perjawatan baru yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Bagan tadi. Apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat bagi Bagan bahawa seperti mana yang telah dibentangkan dalam belanjawan kelmarin bahawa pasukan PGA ataupun komando sahaja yang mendapat perhatian untuk memperoleh penyesuaian gaji ataupun elaun.

Kita tidak menafikan bahawa anggota-anggota lain juga kita memberi perhatian dan ada di antara tuntutan ataupun cadangan untuk meningkatkan elaun-elaun yang telah dikemukakan oleh pihak polis ke kementerian bahawa pada masa ini pihak kementerian masih lagi dalam kajian yang mana elaun-elaun seperti elaun pakaian, elaun insentif detektif, elaun penyelam PDRM, elaun insentif teknikal pegawai kanan berkelulusan dalam bidang psikologi dan kaunseling, elaun insentif pegawai pendakwa dan inilah di antara elaun-elaun yang telah dikemukakan ke Kementerian Keselamatan Dalam Negeri dan masih lagi dalam perhatian kementerian ini.

Berkaitan dengan pandangan yang dibuat oleh Yang Berhormat bagi Rantau Panjang bahawa beliau menyatakan pihak SB telah digunakan oleh kementerian untuk membantu UMNO. Sebenarnya pihak SB sentiasa mengambil bahagian juga ataupun melaksanakan berkaitan dengan keadaan politik di negara kerana kerajaan hendak melihat daripada segi keselamatan dan keamanan di dalam negara kita. Ini kerajaan memberi perhatian bukan sahaja daripada aspek politik di kalangan UMNO bahkan dari kalangan semua parti di dalam negara kita ini. Kita hendak memastikan supaya pihak orang-orang politik tidak memporak-perandakan berkaitan dengan keselamatan negara kita.

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Saya minta penjelasan sedikit. Di dalam tindakan SB itu kita faham sangatlah dan tidak ada masalah tetapi sebahagian daripada SB ini dia membawa komputer terutama di Jeli. Dia membawa komputer dan mengatakan, "Ha, ini mak cik, nama mak cik ada di sini, kalau mengundi *Barisan* kita tahu" - Satu ugutan kepada pengundi. Ini tidak disedarikan oleh pihak kementerian?

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Perkara yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat, bagi pihak PDRM kita tidak mendapat apa-apa laporan seperti mana yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat tadi.

Seterusnya berkaitan dengan pasukan PGA yang kita tugaskan di Parlimen ini. Sebagaimana yang kita sedia maklum bahawa daripada segi keanggotaan kita dalam menjalankan tugas-tugas polis am seperti membuat rondaan, trafik dan sebagainya kerana kita memang kekurangan dari segi anggota untuk melaksanakan tugas-tugas am ini. Jadi, oleh kerana itu pegawai ataupun anggota-anggota biasa yang ditugaskan sebagai *guard escort* dahulu telah diguna (*deployed*) ke bahagian-bahagian untuk memenuhi anggota-anggota yang melaksanakan tugas-tugas polis biasa ini.

Oleh kerana itu, PGA yang ada ini kita gunakan untuk guna pakai sebagai *guard* di tempat-tempat yang tertentu termasuklah di Parlimen, di kediaman-kediaman diplomat dan sebagainya. Itulah sebabnya *guard escort* sekarang ini telah digunakan khas untuk menjalankan tugas-tugas *guard* di tempat-tempat ini.

Berkaitan dengan isu yang dikemukakan oleh Yang Berhormat bagi Tebrau bahawa bandar seperti Johor Baharu dan Kuala Lumpur daripada segi anggotanya tidak mencukupi iaitu dari segi nisbahnya tidak mencukupi. Kita tidak boleh menafikan bahawa di Johor Baharu dan juga di Kuala Lumpur pembangunannya begitu pesat. Kalau kita bandingkan dari segi tahap pembangunan dengan tahap peningkatan polis, kita tidak dapat imbangkan kerana pembangunan di negara kita ini terutama di bandar-bandar seperti Johor Baharu dan Kuala Lumpur ini begitu pesat.

Walau bagaimanapun dari masa ke semasa kita sentiasa meningkatkan keanggotaan polis untuk mereka ditambah di bandar-bandar ini supaya mereka dapat melaksanakan tugas mereka dalam membuat rondaan dan juga dalam aktiviti-aktiviti membanteras jenayah di tempat-tempat ini.

Berkaitan dengan kaedah membuat laporan polis – Dalam membuat laporan polis ini ada dua cara. Yang pertama di mana pihak pengadu boleh membuat laporannya sendiri. Yang kedua, pihak pengadu menceritakan laporan mereka itu kepada pegawai polis yang mana pegawai polis yang menerima laporan itu akan menulis di dalam buku *report*.

Jadi, saya percaya dan dalam pengalaman saya sebagai bekas polis dahulu, saya lihat tidak ada masalah dalam mana-mana pihak pelapor ini membuat laporan. Mungkin kalau terlambat, mungkin ada beberapa pengadu-pengadu yang datang yang

mana perlu menunggu giliran untuk membuat laporan terutamanya berkaitan dengan laporan trafik polis di tempat-tempat bandar besar seperti Johor Baharu ataupun di Kuala Lumpur. Selain daripada itu saya rasa tidak ada masalah bagi pihak pengadu untuk membuat laporan polis ini.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Minta penjelasan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Batu Gajah, Yang Berhormat.

Cik Fong Po Kuan: Terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Tetapi sangat seriuslah masalah di kawasan saya di mana ramai pengadu iaitu orang tua di kampung ini, remaja ramai yang telah berhijrah ke bandar, orang kampung ini tidak tahu membuat laporan polis sebab mereka tidak dapat berkomunikasi dalam bahasa Cina. Jadi, sedarkah bahawa masalah ini amat serius di kawasan luar bandar terutamanya di kampung-kampung Cina? Ini perkara satu.

Perkara kedua. Ada ramai yang enggan atau tidak mahu membuat laporan polis ialah kerana mereka ini selepas membuat laporan polis, sebagai contoh di Mengelembu. Kalau mereka kena memberi kenyataan - ambil *statement*, mereka kena pergi ke Ipoh A team? B team? Atau C team? Kalau buat laporan polis di Pusing mereka kena pergi ambil kenyataan (*police statement*) di Batu Gajah. IO itu bukan *travel*, bukan ke balai polis tersebut tetapi meminta pengadu ke tempat IO di Batu Gajah. Ini melibatkan orang ramai merasa perkara itu membawa kesulitan kepada mereka.

Saya pernah menemani penduduk di kawasan saya membuat laporan polis, berjam-jam. Dari Mengelembu hendak ke Ipoh, selepas itu tidak ada *parking* lagi dan berulang-alik. Juga mengambil masa kerana tunggu giliran. Inilah masalah yang sebenar, *on the ground*. Saya haraplah kalau boleh kementerian mengambil perhatian berkenaan perkara ini. Kalau kita tengok mangsa-mangsa, kalau mangsa yang keganasan rumah tangga, mereka telah *mentally* begitu terganggu sekali tetapi kena *travel* dari satu tempat ke satu tempat.

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Terima kasih Yang Berhormat bagi Batu Gajah. Saya tidak menafikanlah bahawa kalau umpamanya pelapor itu adalah merupakan daripada bangsa bukan Melayu mungkin memakan masa sedikit untuk mendapatkan cerita sebelum laporan ditulis dalam *report*. Sebagaimana yang kita sedia maklum pada hari ini kita hendak mendapatkan anggota-anggota polis dari kalangan kaum Cina ini bukannya satu perkara yang mudah.

Jadi, bagi pihak polis sentiasa menggalakkan supaya masyarakat Cina berminat untuk memasuki pasukan polis ini. Kalau kita ramai mempunyai masyarakat Cina dalam pasukan polis, PDRM tidak ada masalah untuk meletakkan anggota polisnya di antara kalangan anggota polis Melayu bersama-sama di *inquiry office* di balai-balai yang mana kebanyakan penduduk dari kalangan kaum Cina di sesuatu pekan itu, jadi, ini akan boleh menyelesaikan masalah ini. Untuk sementara ia memerlukan jugalah anggota-anggota daripada golongan Melayu yang bertugas di *inquiry office* itu untuk melaksanakan tugas mengambil *report* ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Dalam satu dua minit boleh selesaikan jawapan?

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Boleh.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Boleh, ya?

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Saya rasa itu sahaja Tuan Pengerusi, yang dapat dijawab soalan-soalan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM472,871,800 untuk Maksud B.52 di bawah Kementerian Keselamatan Dalam Negeri jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM472,871,800 untuk Maksud B.52 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah bahawa wang perbelanjaan sebanyak RM56,617,080 untuk Maksud P.52 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 2004 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM56,617,080 untuk Maksud P.52 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.1) 2004.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan yang mulia ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat ditempohkan pada jam 1.00 tengah hari]

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] ***mempengerusikan Jawatankuasa]***

Maksud B.70 [Jadual] –

Maksud P.70 [Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil.1) 2004] –

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, kita sekarang beralih ke Kementerian Pengajian Tinggi. Kepala Bekalan B.70 dan Kepala Pembangunan P.70 di bawah Kementerian Pengajian Tinggi terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat bagi Gerik.

2.41 ptg.

Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh [Gerik]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya akan mengambil masa yang singkat sahaja untuk membahaskan Kepala B.70 di mana terdapat penambahan emolumen dan sebagainya dan sudah tentunya ada hal-hal yang berkaitan dengan kenaikan pangkat daripada Profesor Madya ke Profesor, daripada Pensyarah biasa kepada Profesor Madya.

Jadi, sememangnya kriteria kenaikan pangkat ke jawatan Profesor ini *strict*, mesti ada lima pengadil, ada penilai, penilai luar dan kemudiannya tahap yang paling akhir sekali ialah ke Jawatankuasa Kenaikan Pangkat. Namun begitu ada pula musim-musimnya di mana kenaikan pangkat ke Profesor ini senang. Kadangkalanya susah sangat dan ini berkaitan pula dengan budi bicara Naib-naib Canselor tertentu.

Ada kes-kes di mana orang yang di peringkat fakulti sendiri tidak diluluskan untuk kenaikan pangkat ke jawatan Profesor, tetapi Pengerusi Jawatankuasa yang akhir menilai itu merasakan dia layak dan akhirnya orang ini diterima sebagai profesor dan orang yang di bawah ketawalah, orang ini tidak layak ataupun ada juga kes yang sudah bersara pun *dibackdate*kan untuk kenaikan pangkat profesor kerana Pengerusi

atau orang yang paling atas mahukan orang ini, calon ini dinaikkan pangkat ke jawatan Profesor.

Jadi, saya harap pihak kementerian tengok-tengoklah, sememangnya dari segi prinsipnya atas kertas adalah ketat, tetapi kadangkalanya dilonggarkan oleh Pengerusi atau Naib Canselor yang berkenaan.

Perkara keduanya, Tuan Pengerusi, ialah curi-mencuri pensyarah universiti di antara universiti. Ini berlaku di antara universiti yang lama dengan yang baru. Sebagai contoh yang lama itu UKM, UM, USM dan yang baru-barunya.....

Tuan Wilfred Madius Tangau: Minta laluan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Tuan bangun.

Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh: Sila, sila.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Terima kasih Yang Berhormat. Ini cerita pasal profesor, *professorship*. Yang Berhormat bercerita tentang kenaikan pangkat di universiti-universiti, tetapi ada juga orang yang dia bukan seorang pensyarah, bukan ahli akademik, dia di luar tetapi dia mendapat gelaran profesor. Jadi apakah pendapat Yang Berhormat tentang orang-orang yang diberi dan memanggil namanya 'Profesor' tetapi ini tidak diberi dari segi institusi pendidikan tinggi negara kita. Bagaimana pendapat Profesor?

Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh: Terima kasih Yang Berhormat. Memang ada tetapi yang saya tahunya, dua sebenarnya yang mendapat gelaran 'Profesor' ini, satunya, 'Profesor Adjunct' itu tidak apa ya, profesor sangkut barangkali ya, di mana orang ini adalah orang yang hebat dari kalangan korporat umpamanya, dia pakar dalam satu-satu bidang dan universiti yang memberi anugerah atau melantik seseorang ini sebagai Profesor. Sebagai contohlah kita katakan Tan Sri Ghazali bin Shafie, yang hebat dari dasar luar dan dia selalu dijemput memberi syarahan di universiti dan memang kualiti syarahan itu memang layak, layak profesor maka orang ini kita gelar 'Profesor'.

Tetapi hal yang kedua itu, saya tidak berapa pastilah ya, barangkali tidak perlu diiktiraf dan sepatutnya masyarakat tidak boleh mengiktiraf. Mungkin itu adalah profesor syok sendiri sahaja, dia sendiri memberi anugerah atau minta orang mengiktiraf pada hal dia bukan profesor, samalah juga adanya Datuk yang boleh dibeli daripada luar negara, kita tahu sama-sama tahu, tidak payah saya panjangkan ya.

Jadi berbalik kepada curi-mencuri ini, contoh yang baiknya seseorang itu, ini berlaku banyak kali, seorang itu sudah sekali, dua kali, tiga kali *interview*, temu duga hendak naik Profesor Madya atau Profesor, gagal di universiti yang lama ini. Memang dari segi kriterianya tidak layak. Namun begitu dia akan menggunakan satu cara lain mencari kesempatan kekosongan jawatan Profesor atau jawatan Profesor Madya ini di universiti-universiti yang baru yang memerlukan pensyarah-pensyarah. Dan di sinilah orang yang tidak layak di universiti 'A', yang lama ini tiba-tiba kita terkejut sudah ditawarkan jawatan dan dinaikkan ke pangkat Profesor di universiti yang baru. Dan hari ini agak berleluasa berlaku di universiti-universiti tempatan dan kita harapkan supaya kementerian melihatlah hal-hal dalam mesyuarat ataupun persidangan yang dihadiri oleh Naib-naib Canselor.

Perkara ketiganya ialah pelantikan Naib Canselor, kadangkalanya ditertawakan juga oleh para akademik kita. Maksud saya ialah seorang Naib Canselor itu dia mesti ada sekurang-kurangnya dua kriteria iaitu bijak pengurusan, pengalaman dari segi pengurusan; yang keduanya, yang tidak kurang pentingnya ialah beliau seorang yang amat dihormati dari segi ilmunya, seorang yang lama pengalaman dalam penyelidikan, diiktiraf di peringkat nasional dan juga tidak kurangnya di antarabangsa, banyak menulis dalam jurnal ataupun menghasilkan buku-buku. Dan ini semangnya dua kriteria ini kita tidak boleh kompromi.

Namun begitu, ada juga terjadi di mana tiba-tiba sahaja seorang ini daripada seorang dekan, barangkali *the foundation* dekan dia memulakan satu-satu fakulti itu diberi pengiktirafan daripada dekan naik ke Timbalan Naib Canselor dan akhirnya menjadi Naib Canselor dan berpengalaman 15 tahun pentadbiran. Jadi, sebenarnya kita tidak boleh mengambil 15 ataupun 20 tahun pentadbiran untuk kita menganugerahkan seseorang itu sebagai Profesor dan seorang ilmuan yang unggul mestilah kepada penyelidikan, penerbitan dan pengiktirafan. Jadi, memang ada kes yang.....

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Boleh minta laluan?

Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh: Boleh, saya murah hati.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih kepada Yang Berhormat kita. Saya ingin penjelasan, kita mengambil dari universiti tempatan dan bandingkan dengan universiti-universiti luar dari segi kualiti pensyarah dan juga profesor-profesor kita. Kita mengambil Harvard, Harvard

University adalah sebuah universiti yang begitu unggul dan diiktiraf di peringkat dunia sebagai satu universiti yang telah melahirkan cendekiawan-cendekiawan yang kemudiannya banyak menjadi *Recipient Nobel*.

Dan mengikut dasar Harvard sekarang, profesor-profesor yang memegang jawatan di sana banyak melibatkan diri dalam proses hala tuju universiti berkenaan. Dan baru-baru ini saya menghadiri satu seminar pendidikan di dalam itu, diberitahu bahawa University Harvard hanya memberi tumpuan kepada pengajaran dan pembelajaran....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat ini, saya anggap ini sebagai satu perkara dasar....

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Ya, ya saya akan tanya balik sana, okey. Dan saya ingin....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sekarang ini baru dalam Jawatankuasa.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Sekejap ya Tuan Pengerusi, saya akan tanya Yang Berhormat. Profesor-profesor di universiti kita ini banyak digunakan untuk mengajar daripada *research based*. Maka apakah pandangan Yang Berhormat untuk mengagihkan universiti di peringkat perjawatan kita. Dari segi pengajaran berbeza dengan *research based*, penyelidikan di kalangan profesor-profesor kita, kerana kita rasa 'kekang' dalam hal ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat, cukup.

Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh: Saya jawab ringkas sahaja. Memang kurang tepat kalau kita hendak bandingkan universiti tempatan yang berusia lebih kurang 50 tahun atau kurang, dengan Harvard ataupun Yale, ataupun Cambridge ataupun Oxford yang sudah hampir ribuan tahun lamanya, tidak begitu. Namun begitu saya tidak menyangsikan kualiti pensyarah ataupun macam profesor kita umumnya walaupun ada kekecualian kerana sebahagian besar daripada kita mendapat pendidikan luar negara yang diiktiraf dan yang gurunya adalah profesor, pensyarah dari luar negara sama ada daripada UK, US termasuk Harvard dan Yale ataupun Monash di Australia dan sebagainya. Jadi sebenarnya kita keluar, lahir dalam acuan yang sama. Cuma ini kadangkala ada dari segi saya kata tadi persoalan pokoknya naib cancellor mestilah seorang yang berilmu dan yang dihormati kerana ada kes-kes di mana profesor yang hebat, yang kanan dan memang diiktiraf di luar negara dan

dalam negara tiba-tiba dia merajuk keluar, dia kata, “Saya tidak boleh bekerja di bawah seorang naib canselor yang baru dilantik, yang tidak ada pun penyelidikannya, kurang sekali dan beliau sekadar seorang pentadbir sahaja dan bukan seorang ilmuan”. Sebenarnya ilmuanlah yang sepatutnya menjadi pemimpin kepada sesebuah universiti.

Akhir sekali Tuan Pengerusi, ini peruntukan Hal Ehwal Pelajar yang sepatutnya dari segi prinsipnya dan ini telah diberitahu oleh Menteri Pendidikan RM50 untuk satu kepala setiap pelajar. Maknanya kalau sekiranya 20,000....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ini pun terkeluar daripada tajuk.

Dato’ Dr. Wan Hashim bin Wan Teh: Perbelanjaan sedikit tentang pengurusan ya. Mengurus perbelanjaan pelajar ini yang Kepala B.70. Di mana sebahagian besar daripada peruntukan untuk aktiviti pelajar ini digunakan untuk pergi lawatan, untuk membiayai perjalanan pegawai-pegawai dan sebagainya jadi saya harap perkara ini diberhentikan. Sekian Tuan Pengerusi, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Rembau.

2.43 ptg.

Dato’ Firdaus bin Harun [Rembau]: Terima kasih Tuan Pengerusi saya juga ingin membahaskan Kepala P.70 Kementerian Pengajian Tinggi di bawah Butiran (Projek) 04800 - Kolej Komuniti.

Saya mengucapkan tahniah kepada kerajaan kerana usaha mengadakan Kolej Komuniti ini yang akhirnya akan dapat menambah bilangan tenaga pelatih dalam berbagai bidang kemahiran bagi memenuhi keperluan tenaga mahir negara. Memandangkan pada masa ini kita masih bergantung pada tenaga kerja dari negara luar yang sekarang ini pun kita tahu dari segi pekerja asing kita ada lebih 2 juta pendatang asing bekerja di negara kita termasuk daripada Indonesia, Bangladesh dan sebagainya.

Melalui Kolej Komuniti ini juga diharapkan akan dapat memberi lebih banyak peluang kepada pelajar-pelajar yang tidak dapat melanjutkan pelajaran ke IPTA dan tidak mampu menyambung pelajaran ke IPTS supaya diberi peluang kedua. Walau bagaimanapun mengikut Laporan Kajian Semula Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelapan setakat ini baru 17 Kolej Komuniti telah ditubuhkan dalam tempoh

kajian semula itu dengan menyediakan peluang pendidikan kepada kira-kira 5,580 pelajar, dalam bidang teknikal dan vokasional seperti automatif, bidang fesyen, pakaian serta perhotelan dan penyajian makanan.

Oleh yang demikian adalah diharapkan usaha untuk mendirikan kolej ini di semua kawasan Parlimen kita ada 219 kawasan Parlimen akan dapat disegerakan supaya dengan itu akan mewujudkan lebih banyak lagi peluang kepada pelajar-pelajar yang saya maksudkan tadi. Di samping itu untuk memastikan supaya Kolej Komuniti ini dapat dioptimumkan dan memberi manfaat kepada masyarakat setempat, adalah dicadangkan supaya langkah-langkah berikut diambil;

Misalnya pada sebelah petang diadakan kursus-kursus yang bersesuaian untuk dengan izin, *working adult* iaitu mereka yang bekerja supaya dapat mempelajari kemahiran-kemahiran tertentu dalam bidang-bidang tertentu seperti yang disebutkan tadi, dan juga untuk mengikuti kursus-kursus keusahawanan dan dalam masa yang sama menambah bilangan bumiputera dalam bidang perniagaan sebagaimana yang dihasratkan oleh Dasar Ekonomi Baru. Selain daripada itu kita juga sedia maklum di luar bandar ramai wanita termasuk ibu tunggal yang berusia 30 hingga 50 tahun yang masih sihat, anak-anak mereka telah besar tetapi mereka ini dengan izin, *under employed*. Jadi dengan adanya kursus-kursus tambahan ini akan dapat memberi peluang kepada wanita serta ibu-ibu tunggal ini mengikuti kursus-kursus yang berkenaan dan dalam masa yang sama menambah pendapatan keluarga dan menyumbang kepada pembangunan negara. Ini penting kerana kita sedia maklum, dari segi peruntukan untuk pendidikan ini dalam Bajet 2005 pun ada disebut sebanyak RM21 bilion, dan kajian yang dijalankan oleh statistik Kanada di kalangan 14 negara OECD selama 35 tahun menunjukkan pelaburan dalam pembangunan manusia, *human capital* dengan izin seperti pendidikan dan latihan kemahiran menghasilkan tiga kali ganda pertumbuhan ekonomi berbanding dengan pelaburan dalam infrastruktur fizikal dan dalam *assure* kita mewujudkan ekonomi kelas pertama, banyak bergantung pada keupayaan kita membangunkan tenaga kerja kelas pertama, dengan izin *first world workforce*. Sebab itulah saya mencadangkan supaya selain disegerakan pembinaan Kolej Komuniti ini dapat juga diadakan kursus-kursus yang bersesuaian seperti yang saya sebutkan tadi. Saya mohon menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Rantau Panjang selepas itu Yang Berhormat menjawab.

2.48 ptg.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Terima kasih Tuan Pengerusi, sebelum saya mulakan beberapa kepala dalam P.70 ini saya hendak menyokong sedikit apa yang disebutkan oleh sahabat saya Yang Berhormat daripada Gerik ini tentang kedudukan pensyarah, dekan dan seterusnya yang kadang-kadang sepatutnya naik pangkat tidak naik pangkat, yang tidak patut naik pangkat, naik pangkat. Cuma barangkali beliau takut ataupun lupa hendak sebut sebenarnya. Di antara ciri-ciri yang jadi demikian adalah di antaranya barangkali ada yang terlibat dengan politik. Kalau prokerajaan barangkali cepat naik pangkat dan yang antikerajaan dan yang selalu bercakap dan bercanggah dengan kehendak kerajaan lambat naik pangkat. Masih statik tempat yang sama, itu faktor utama yang saya lihat sekarang ini.

Yang kedua pandai 'bodek', pensyarah pun pandai 'bodek' juga, pandai 'bodek', turut menteri selalu, apa menteri cakap dia sokong belakang, masuk dalam televisyen, tulis rencana, itu pun cepat naik pangkat juga. Jadi perkara-perkara selain daripada tidak cukup syarat dan sebagainya, tetapi ini adalah di antara punca-punca yang umumnya, yang mengetahui keadaan sebenarnya. Cuma ada di antara Ahli Parlimen yang berani cakap dan ada yang tidak berani. Tetapi itulah cara, dan itulah hakikatnya, itulah sebenarnya yang menjadi demikian, keluar habis dari universiti.

Kemudian di universiti sekarang ini kita tengok, semua universiti yang ada sekarang ini, setiap tahun terlibat dengan pilihan raya kampus. Di akhir-akhir ini berlaku sedikit perkara yang cukup-cukup memalukan kita terutama sekali malu kepada pelajar-pelajar...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Mana satu butiran?

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Semua universiti...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ini semua projek pembangunan...

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Semua yang saya sebutkan, semua universiti, ya masalah pelajar.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Pasal pembangunan kemajuan.....

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Ia butir-butir pelajar, masalah asrama untuk pelajar-pelajar semua ini, misalnya di 04000 juga 01900 - masalah pelajar, daripada pelajar asrama. Pelajar asrama terlibat dengan pilihan raya kampusnya.

Biasanya gangguan ataupun campur tangan, khususnya campur tangan daripada Hal Ehwal Pelajar, datangnya daripada pensyarah sendiri, daripada kakitangan universiti itu sendiri terhadap pelajar-pelajar yang akan memasuki pertandingan pilihan raya di kampus, dan kita lihat semenjak berlaku campur tangan ini, ramai di antara pelajar-pelajar yang ada potensi sebagai pemimpin, menarik diri tidak mahu bertanding untuk menjadi pemimpin pelajar di universiti-universiti, yang kita lihat adalah berat sebelah. Syarat-syarat untuk menjadi calon pun nampak sudah ada ke arah golongan yang pro-kerajaan seolah-olah dibenarkan bertanding, yang anti-kerajaan tidak dibenarkan bertanding.

Malah ada di antara universiti, pakaian juga diambil kira – hendak bertanding mesti pakai pakaian macam ini, kalau pakaian semacam ini tidak boleh bertanding. *[Menunjukkan dengan isyarat tangan]* Jadi itu syarat-syarat yang diberikan oleh Jabatan Hal Ehwal Pelajar di beberapa universiti. Saya tidak mahu sebut universiti-universiti tertentu, takut nanti susah anak saya hendak masuk belajar di situ, dimarahi pula anak saya kalau saya sebut di Parlimen ini, saya tidak mahu sebut mana-mana universiti, tetapi memang ada berlaku demikian.

Saya minta Yang Berhormat Menteri supaya melihat sedikit perkara ini tetapi Menteri ini kalau kita suruh dia lihat pun dia sendiri campur tangan juga sebab dia orang politik. Ini perkara-perkara yang tidak adil.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, kesemua ini tidak berkaitan dengan butiran, ini mengenai pembangunan.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Ada kaitan, ada kaitan sebab kita keluar duit untuk pentadbiran, untuk pelajar dan sebagainya, ada kaitan. Kemudian kita tengok, pensyarah sendiri, khususnya pensyarah UIA, tidak tunjuk contoh teladan yang baik kepada masyarakat dan para pelajar - bergaduh sesama sendiri, masalah duduk antara jiran, berebut sempadan tanah tetapi sayangnya pensyarah berkenaan tidak ada di dalam Dewan hari ini.

Sepatutnya kalau dia ada, saya hendak sebut sedikit pada dia – orang semacam ini tidak boleh dibuat contoh, teladan. Nasib baiklah dia cepat berhenti sebagai pensyarah untuk menjadi Ahli Parlimen, sekarang ini menjadi Setiausaha Parlimen. Nasib baik dia, itu bagus, tetapi benda ini tidak selesai lagi walaupun mahkamah suruh selesaikan di luar mahkamah, rakyat masih tertunggu-tunggu, pelajar-pelajar masih menunggu, pensyarah yang lain masih tunggu apakah keputusan

di antara kedua bekas pensyarah ini – satu masih pensyarah, satu lagi bekas pensyarah. Saya minta supaya Yang Berhormat Menteri memberi sedikit penjelasan bagaimana hendak menyelesaikan masalah ini. Sekian ,terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Setiausaha Parlimen.

2.52 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi [Datuk Dr. Adham Baba]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat di atas penglibatan dalam perbahasan bagi perbelanjaan Mengurus dan Pembangunan bagi Kementerian Pengajian Tinggi.

Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Gerik. Beliau ialah bekas Timbalan Naib Canselor, Hal Ehwal Pelajar, Universiti Kebangsaan Malaysia sebelum menjadi Ahli Parlimen. Setiap universiti memang memerlukan Pensyarah, Profesor Madya dan juga Profesor, dan kenaikan pangkat di peringkat universiti, terutama sekali di IPTA, memang diumumkan setiap tahun melalui pekeliling-pekeliling yang dikeluarkan, dan apabila dikeluarkan ia dibawa kepada jawatankuasa di peringkat fakulti, kemudian di peringkat universiti dan senat barulah diputuskan. Insya-Allah, cadangan Yang Berhormat akan diperhatikan sekiranya terdapat sekatan-sekatan ataupun kita perhatikan ada perkara-perkara yang bermusim berlaku kerana Kementerian Pengajian Tinggi yang baru ini pasti akan memberikan perkhidmatan terbaik.

Berkenaan dengan mobiliti pensyarah, kita akui bahawa setiap kali kita perlukan penambahan pelajar maka diwujudkan universiti baru dan kolej universiti. Mobiliti pensyarah antara universiti samalah dengan mobiliti ilmu. Maka universiti baru perlulah mendapatkan pensyarah tetapi sebelum mereka mendapatkan pensyarah, universiti baru perlu mendapatkan pelepasan dahulu daripada universiti yang dimohon sebelum ke universiti baru kerana kes-kes yang berlaku atas cadangan ataupun pandangan Yang Berhormat tadi memang wajar diberi perhatian supaya kenaikan pangkat tidak sewenang-wenangnya berlaku tanpa kelulusan yang setaraf dengan kriteria-kriteria yang telah diputuskan.

Saya juga mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat bagi Tuaran dan Cameron Highlands yang telah pun memberikan pandangan. Pelantikan Naib Canselor pula diputuskan oleh Perdana Menteri atas nasihat Menteri Pengajian Tinggi dan Naib Canselor yang ada pada hari ini di semua IPTA memanglah orang-orang yang kita ketahui berilmu selain daripada mereka mengetahui selok-belok tentang pentadbiran universiti dan memang mengetahui hal-hal akademik dan telah pun terbukti mempunyai rekod-rekod penyelidikan dan juga penerbitan di peringkat negara dan luar negara.

Perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Rantau Panjang, saya yakin bahawa setiap tahun dalam pengurusan memang terdapat hal ehwal pilihan raya kampus dan apa yang dibangkitkan sebenarnya bertujuan untuk kita memilih pelajar-pelajar yang boleh mewakili universiti-universiti sebagai pemimpin pelajar bagi mengangkat martabat universiti itu sendiri. Sebab itulah kalau terjadi perkara yang dikaitkan dengan parti politik, sebenarnya kita memberitahu kepada semua pelajar bahawa kita ada akta dan juga ada peraturan yang dikeluarkan di peringkat universiti bagi memastikan bahawa pemilihan pemimpin pelajar dilakukan dengan sebaiknya.

Jadi saya ucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi perhatian dan saya ucapkan terima kasih. Sekian.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM3,790,000 untuk Maksud B.70 di bawah Kementerian Pengajian Tinggi jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM3,790,000 untuk Maksud B.70 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Masalahnya ialah bahawa wang perbelanjaan sebanyak RM426,011,520 untuk Maksud P.70 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 2004, hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM426,011,520 untuk Maksud P.70 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.1) 2004.

**Maksud B.71 [Jadual] –
Maksud P.71 [Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.1) 2004] –**

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kepala Bekalan B.71 dan Kepala Pembangunan P.71 di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan terbuka untuk dibahas.

[Tiada Perbahasan]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM13,014,450 untuk Maksud B.71 di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM13,014,450 untuk Maksud B.71 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Masalahnya ialah bahawa wang perbelanjaan sebanyak RM400,000,010 untuk Maksud P.71 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 2004, hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM400,000,010 untuk Maksud P.71 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.1) 2004.

Fasal 1 hingga 2 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2004) 2004 dan Usul Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama 2004 dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Bacaan Kali Yang Ketiga

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan bahawa Rang undang-undang Perbekalan Tambahan Pertama 2004 telah ditimbang dalam Jawatankuasa

dan telah disetujui tanpa pindaan. Saya mohon mencadangkan iaitu Rang undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Setiausaha Parlimen Kementerian Keselamatan Dalam Negeri [Datuk Wira Abu Seman Yusop]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

USUL

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan iaitu Jawatankuasa telah menimbang Usul yang diedarkan kepadanya dan bersetuju dengan Usul itu. Seterusnya saya mencadangkan supaya Usul yang berbunyi:

“Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak Ringgit Malaysia tiga bilion satu ratus lima puluh lima juta dua puluh enam ribu lapan ratus sembilan puluh enam (RM3,155,026,896) diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 2004, bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama 2004 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 37 Tahun 2004 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesebelas dan kedua belas penyata tersebut, hendaklah disahkan.”

Timbalan Menteri Kementerian Keselamatan Dalam Negeri [Datuk Wira Abu Seman Yusop]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa Usul seperti mana yang dibacakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan, hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

“Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak Ringgit Malaysia tiga bilion satu ratus lima puluh lima juta dua puluh enam ribu lapan ratus sembilan puluh enam (RM3,155,026,896) diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 2004, bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama 2004 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 37 Tahun 2004 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesebelas dan kedua belas penyata tersebut, hendaklah disahkan.”

RANG UNDANG-UNDANG
RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2005
Bacaan Kali Yang Kedua
DAN
USUL
ANGGARAN PEMBANGUNAN 2005

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, “Bahawa Rang undang-undang Perbekalan 2005 dibacakan kali yang kedua sekarang” dan “Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.” **[10 September 2004]**

“Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih dua puluh lapan bilion tiga ratus tiga juta lapan ratus sembilan puluh empat ribu enam ratus ringgit (RM28,303,894,600) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2005, bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau (“P”) dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 2005 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 39 Tahun 2004 adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersementaraan dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut, hendaklah disahkan.” dan diserahkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah bahawa rang undang-undang bernama suatu akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 2005 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu adalah untuk perkhidmatan bagi tahun itu dibacakan kali yang kedua sekarang dan masalah bahawa usul di atas nama Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan di dalam Aturan Urusan Mesyuarat ini diedarkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah majlis sekarang. Kedua-dua masalah tersebut terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat bagi Ipoh Timur.

3.05 ptg.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Ipoh Timur, sekarang kita mula membahaskan dan jika hari ini Yang Berhormat mungkin boleh habis dalam 5.30 petang?

Tuan Lim Kit Siang: Nampaknya tidak bolehlah, tidak bolehlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cubalah.

Tuan Lim Kit Siang: Saya akan cuba Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali izinkan saya mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke atas ucapan bajet pertama beliau di Parlimen sebagai Menteri Kewangan Jumaat yang lalu.

Bajet tersebut mendapat sambutan baik daripada para pengulas media, kewangan dan ekonomi. Tetapi bajet yang sebelum ini tidak mendapat pujian yang terbaik. Sejurus selepas pengumuman itu, bahkan telah ditolak sebagai tidak dibuat demi kepentingan awam kemudian.

Lapan hari sebelum pembentangan bajet pada 2 September, kayu ukur pasaran saham Kuala Lumpur iaitu Indeks Komposit Kuala Lumpur (KLCI) melonjak sekitar 18 mata sewaktu dagangan sepanjang hari yang sama, berikutan pengumuman pembebasan bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim oleh Mahkamah Persekutuan daripada dakwaan *sodomy*.

Saya teringat akan pengumuman Buku Tahunan Daya Saing Dunia ataupun *World Competitiveness Year Book 2001* yang disediakan oleh sekolah perniagaan, International Institute For Management Development (IMD) beribu pejabat di Lausanne, Switzerland di mana kedudukan Malaysia jatuh empat tangga dari tangga ke 25 pada 2000 dan tangga ke 29.

Semasa mengumumkan papan mata Buku Tahunan Daya Saing Dunia pada April 2001, Pengarah Projek Daya Saingan IMD, Profesor Stephens Garelli berkata bahawa faktor-faktor yang menjejaskan daya saingan Malaysia adalah kebimbangan mengenai dasar-dasar ekonomi, kerajaan dan pemenjaraan Anwar Ibrahim serta kekhuatiran tentang perubahan pucuk pimpinan kerajaan. Kedua-dua perkara ini merupakan peringatan bahawa *accountability*, ketulusan dan pentadbiran baik seperti badan kehakiman yang benar-benar bebas dan kedaulatan undang-undang adalah

faktor-faktor utama dalam menentukan kesihatan ekonomi dan daya saing antarabangsa sesebuah negara.

Pada 2 September 2004, patut diingati sebagai suatu tarikh bersejarah dalam sejarah Malaysia di mana negara mengambil langkah penting pertama untuk berganjak daripada lebih satu setengah dekad kelemahan berterusan institusi dan organisasi negara yang bebas termasuk prinsip perlembagaan asasi pengasingan kuasa di antara badan eksekutif, perundangan dan kehakiman yang menunjukkan suatu situasi menang-menang berganda ataupun *multiple win-win situation* kepada semua pihak yang berkepentingan dalam masyarakat Malaysia.

Akan tetapi ini tidak kesampaian oleh sebab lima hari kemudian, pada 7 September, perasaan gembira dan teruja bahawa negara telah melakukan anjakan penting ke arah *accountability*, ketulusan dan pentadbiran baik telah dikecewakan oleh tindakan gabungan pemerintah melalui majoriti Parlimen, sembilan persepuluh, menggantung jawatan Ahli Parlimen bagi Bukit Gelugor di atas perkara-perkara yang amat remeh sekali dan bertentangan dengan lunas-lunas keadilan yang paling dasar yang mana telah membuktikan pepatah Lord Acton bahawa, *power tends to corrupt, absolute power corrupts absolutely*. Ini adalah kerana keenam-enam Ahli Jawatankuasa Pilihan telah bersetuju sebulat suara bahawa Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor tidak bersalah di atas tuduhan membuat kenyataan palsu ataupun memesongkan Parlimen pada mesyuarat keduanya pada 10 Julai.

Namun demikian, lima daripada mereka kemudiannya terpaksa akur kepada arahan yang datang dari luar jawatankuasa yang mengehendaki Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor dihukum dengan menggantung jawatan sepuluh hari disertai permintaan maaf ataupun pergantungan jawatan enam bulan tanpa permintaan maaf.

Isu ini bukan sahaja melibatkan Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor tetapi juga keyakinan negara dan antarabangsa dalam akauntabiliti, ketelusan dan pentadbiran baik, termasuk sistem keadilan di Malaysia yang mempunyai kesan langsung ke atas kemakmuran ekonomi negara. Seperti juga Mahkamah Persekutuan yang mengumumkan bahawa ia mempunyai kuasa untuk mengkaji semula keputusannya di atas sabitan rasuah Anwar terdahulu. Parlimen perlu benar-benar mengkaji semula dan membatalkan tindakannya, menggantung jawatan Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor selama enam bulan dan sewenang-wenangnya angkuh dan amat tidak demokratik.

Bukan sahaja demi kepentingan Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor, tetapi lebih pentingnya demi nama baik Parlimen dan reputasi antarabangsa negara bahawa dunia, khasnya pelabur asing boleh menaruh kepercayaan kepada rakyat Malaysia di atas semangat keadilan dan kesaksamaan, *sense of fair play and justice* kita dalam pelaksanaan segala urusan niaga, baik kewangan, ekonomi atau antarabangsa.

Yang Amat Berhormat memulakan ucapan Bajet pertama beliau dengan menegaskan bahawa kerajaan beliau adalah komited untuk menunaikan segala janji-janji yang dibuat dalam Manifesto Barisan Nasional. Satu sebab penting mengapa Barisan Nasional boleh mencatatkan kemenangan pilihan raya amat besar julung kali adalah janji Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru untuk menunjukkan sebuah kerajaan yang bersih, bebas daripada rasuah, bertanggungjawab, cekap dan mesra rakyat, yang bersedia mendengar kebenaran daripada rakyat. Ini adalah sebab mengapa dalam Pilihan Raya Umum yang paling kelam-kabut, tidak adil, mengelirukan dan mengaitkan dalam sejarah negara 46 tahun, Barisan Nasional telah memenangi majoriti Parlimen 9/10, oleh sebab Yang Amat Berhormat telah menjanjikan perubahan dan pembaharuan sistem kerajaan setelah lebih dua dekad kegelapan demokrasi dan pentadbiran baik di bawah Perdana Menteri sebelumnya.

Memandangkan ini, rakyat Malaysia dan Ahli-ahli Parlimen patut menyoal, bagaimanakah Bajet pertama Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berbeza daripada bajet-bajet dahulu, khasnya tiga Bajet daripada tahun 2002-2004, dan kesemuanya dibentangkan oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad sebagai Menteri Kewangan. Bolehkah mana-mana Menteri, Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen atau Ahli Parlimen, boleh berdiri dan menjelaskan bagaimanakah Bajet pertama Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berbeza daripada tiga bajet sebelumnya, yang dibentangkan oleh Tun Dr. Mahathir dalam menunjukkan ciri-ciri janji Pilihan Raya Umum 2004, iaitu mewujudkan sebuah kerajaan yang bersih, bebas daripada rasuah, bertanggungjawab, cekap dan mesra rakyat dan berpegang kepada slogan 'Cemerlang, Gemilang dan Terbilang'.

Kebanyakan daripada perkara-perkara yang dinyatakan dalam Bajet 2005, juga didapati dalam bajet-bajet sebelum ini termasuk empat strateginya, iaitu:

- (i) meningkatkan keberkesanan pengurusan kewangan kerajaan;
- (ii) kecekapan sistem penyampaian dan daya saing;

- (iii) mempercepat peralihan ke arah ekonomi berasaskan nilai ditambah yang tinggi;
- (iv) membangunkan sumber manusia sebagai pemangkin pertumbuhan; dan
- (v) memastikan kesejahteraan rakyat melalui peningkatan kualiti kehidupan.

Bajet-bajet sebelum ini, seperti Bajet 2005, juga menyentuh isu-isu seperti sektor swasta tempatan sebagai enjin pertumbuhan, merangsang sektor perkhidmatan, memajukan industri-industri Malaysia di pasaran dunia, keutamaan kepada penyelidikan dan pembangunan (R&D), kesihatan dan pelancongan, organisasi sektor pertanian, khususnya perancangan untuk meningkatkan pengeluaran makanan untuk menjanjikan enjin pertumbuhan ketiga dan sebagainya.

Apakah ciri-ciri luar biasa yang buat Bajet 2005 berlainan dan menonjol berbanding bajet-bajet sebelumnya, atau adakah mereka sama pada dasarnya? Dan adakah janji melakukan perubahan reformasi secara besar-besaran kepada sistem pentadbiran seperti mana yang dijanjikan oleh Yang Amat Berhormat dalam Pilihan Raya Umum baru-baru ini dan apabila beliau menjadi Perdana Menteri November lalu, sekadar satu khayalan atau retorik atau ilusi semata-mata?

Saya menyangkakan bahawa sekurang-kurangnya dalam tiga objektif, dari tiga aspek Bajet 2005 akan menonjolkan kelainan daripada pembentangan bajet-bajet sebelumnya dengan membuat komitmen jelas, nyata dan betul-betul iaitu:

- (i) membanteras rasuah;
- (ii) akauntabiliti, ketelusan dan pentadbiran baik, membebaskan kerajaan daripada amalan kerahsiaan, memulakan budaya kebebasan maklumat dan media yang bebas dan *independent* supaya kerajaan boleh mendengar kebenaran dan pendapat bernas daripada rakyat; dan
- (iii) menegakkan doktrin pengasingan kuasa di antara badan eksekutif, perundangan dan kehakiman dengan memberikan sokongan penuh kepada usaha pembaharuan dan pemodenan Parlimen serta pemulihan keyakinan negara dan antarabangsa dalam badan kehakiman yang benar-benar bebas dan kedaulatan undang-undang.

Tetapi tidak! Tidak adalah ketiga-tiga ciri ini diberi tempat yang utama. Selain daripada rujukan dalam Perenggan 26, tentang Jawatankuasa Kabinet Khas mengenai integriti dalam pengurusan kerajaan untuk memastikan bahawa semua jabatan dan agensi kerajaan memberikan perhatian sewajarnya kepada Laporan Audit oleh Ketua Audit Negara, isu rasuah cuma disentuh sekali sahaja.

Sebuah Jawatankuasa Kabinet mengenai etika, iaitu ialah Perenggan 26, sebuah Jawatankuasa Kabinet mengenai etika dan integriti juga wujud semasa pentadbiran bekas Perdana Menteri di bawah nama berlainan. Tetapi ia tidak membawakan apa-apa kesan terhadap integriti kerajaan dan gagal sama sekali untuk menyekat kejatuhan kedudukan Malaysia dalam Indeks Persepsi Rasuah atau Corruption Perception Index (CPI), transparency international sepanjang 9 tahun lalu daripada tangga ke 25, pada 1995 ke tangga ke 37, pada 2003.

Satu-satunya rujukan kepada rasuah adalah Perenggan 40 dalam Ucapan Bajet 2005 iaitu dan saya petik, "Keutamaan akan diberikan kepada pengembangan nilai-nilai etika dan pentadbiran dan pembanterasannya rasuah." Untuk meningkatkan tahap integriti negara, Pelan Integriti Nasional (PIN) yang telah dilancarkan pada April 2004. PIN bukan sahaja diniatkan pelaksanaannya untuk sektor awam, tetapi juga harus diterima pakai oleh sektor swasta. Untuk memantau pelaksanaannya, Institut Integriti Malaysia telah ditubuhkan dengan peruntukan RM6 juta.

Saya menganggap ini sebagai satu kekecewaan oleh sebab satu aspek penting di mana rakyat Malaysia berharap untuk melihat perbezaan ketara di antara Perdana Menteri sekarang dan sebelumnya adalah komitmen dan kemahuan politik ataupun political will untuk memerangi rasuah. Rumusan dan pelancaran PIN tidak dengan sendirinya menjanjikan sebuah negara bersih dan bebas daripada rasuah atau meletakkannya di atas jalan menuju integriti yang lebih tinggi. Memandangkan banyak negara dan institusi telah bertambah corrupt, walaupun selepas pelancaran suatu Pelan Integriti Nasional atau kod etika.

Bolivia merupakan satu contoh yang baik, ia telah melancarkan PINnya pada tahun 1998, pada ketika di mana suatu tinjauan telah menunjukkan bahawa 80% daripada penduduk Bolivia beranggapan bahawa rasuah adalah masalah yang paling serius di negara itu.

Bolivia berada pada kedudukan ke-69 dalam *Corruption Perception Index Transparency International* 1998, dengan score CPI 2.8 di mana score 10 adalah amat

bersih dan kosong adalah amat *corrupt*. Lima tahun selepas pelancaran PINnya, kedudukan dan *score* Bolivia dalam CPI *Transparency International* 2003 telah menjunam ke nombor 106 dan 2.3 masing-masing.

Malaysia tidak harus mengalami nasib seperti Bolivia dengan rasuah menjadi semakin menular dan berakar umbi sungguhpun satu PIN telah dilancarkan dan lebih banyak perbelanjaan untuk membanteras rasuah diperuntukkan. Kita sudah pun mempunyai satu contoh sendiri yang serupa iaitu Kod Etika Hakim 1994 yang bukan sahaja satu dokumen mati (*dead letter*) tetapi menjadi bahan gelak apabila Ketua Hakim Negara yang bertanggungjawab di atas perumusan dan pelancaran juga merupakan orang yang bertanggungjawab di atas salah laku kehakiman yang paling tidak beretika yang mana telah menyebabkan keyakinan awam dan dalam kebebasan kesaksamaan dan integriti hakim-hakim menjunam ke paras paling rendah sekali.

Sukar untuk saya mempercayai bahawa badan untuk memantau pelaksanaan PIN, pelan induk untuk memerangi rasuah dan mewujudkan budaya baru yang berintegriti dengan toleransi sifar terhadap rasuah adalah sebuah Institusi Integriti Malaysia (IIM) tidak penting yang akan mendapat peruntukan RM6 juta untuk penubuhannya. Sewaktu sesi soal jawab mengenai PIN pagi ini, saya telah bertanya bagaimanakah Institut Integriti Malaysia boleh memainkan peranan untuk memantau pelaksanaan PIN sedangkan apa yang boleh dilakukannya adalah menjalankan kajian mengenai persepsi umum tentang integriti korupsi di dalam negara.

Pada hal apa yang diperlukan dengan segera adalah memastikan pelaksanaan sebuah pelan induk untuk membanteras rasuah sehingga ke akar umbinya dan mewujudkan budaya baru integriti awam dengan toleransi sifar terhadap rasuah. Badan yang sesuai dan betul untuk memantau pelaksanaan PIN adalah satu badan yang berkuasa tinggi seperti Jawatankuasa Parlimen Mengenai Integriti Negara untuk menerajui sebuah kempen nasional terhadap rasuah, memantau prestasi PIN dan menjalankan tanggungjawab pengawasan ke atas Badan Pencegah Rasuah (BPR).

Walau bagaimanapun, seperti lazimnya tiada jawapan yang *coherent* diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri pagi ini dan Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang menangani soalan berkenaan. Pada Ogos tahun lalu, DAP telah menyerahkan satu memorandum kepada Ketua Pengarah BPR, Dato' Zulkifli bin Md. Nor, mencadangkan supaya BPR menerima cabaran bekas Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir dan merangka sebuah pelan tindakan membanteras rasuah

sepuluh tahun untuk mencontohi Finland dan memperbaiki kedudukan dalam CPI *Transparency International* untuk menduduki lima tangga teratas negara yang paling tidak korup. [*Pembesar suara tidak berfungsi*]

Anugerah Pingat Integriti Negara Malaysia (*Transparency International*) pada 28 Jun 2003, yang memperingati Tun Dr. Ismail Abdul Rahman, Tun Tan Siew Sin dan Tun Ismail Mohd. Ali secara *posthumous* di atas integriti tinggi mereka sepanjang perkhidmatan mereka kepada negara, Tun Dr. Mahathir membuat pengakuan yang mengejutkan mengenai satu keburukan utama beliau menjadi Perdana Menteri selama 22 tahun. Beliau mengeluh bahawa “*negara mengalami kemerosotan dan kekurangan standard etika dalam kelakuan secara berterusan dalam kedua-dua sektor awam dan perniagaan dengan kesan-kesan boleh diramalkan ke atas pembangunan manusia mapan bukan sahaja di Malaysia tetapi juga kebanyakan negara yang kita sanjung*”.

Tun Dr. Mahathir cuba menjustifikasikan sebab mengapa tiada jerung rasuah telah ditangkap dan dihukum sepanjang tempoh beliau menjadi Perdana Menteri. Dengan mencabar kepercayaan bahawa ikan besar perlu ditangkap sementara ikan bilis dianggap tidak begitu penting dengan berhujah bahawa ini adalah salah memandangkan budaya rasuah bermula dengan ikan bilis. Selain itu apabila rasuah diterima di kalangan ikan bilis, ikan besar mendapat galakan dan masyarakat menerima amalan tersebut menjadikan suatu budaya. Ini tentulah satu *logical perverse* bahawa korupsi disalahkan terhadap ikan bilis dan bukan ikan yu.

Ini merupakan satu alasan yang lemah dan mengaibkan bagi kekurangan tindakan BPR terhadap ikan besar sepanjang dua dekad lalu dan bertentangan sama sekali dengan janji yang dibuat oleh Dato’ Seri Anwar Ibrahim ketika beliau menjadi pemangku Perdana Menteri semasa dua bulan dalam tahun 1997 di mana beliau telah membentangkan Rang Undang-Undang Antirasuah 1997 dengan janji kepada negara yang saya petik, “*sekarang adalah waktunya untuk bertindak, kita akan menangkap ikan besar dan kita akan menangkap ikan kecil*”, inilah yang telah dikeluarkan di dalam Dewan yang mulia ini.

Sekarang adalah waktunya untuk bertindak, kita akan menangkap ikan besar dan kita akan menangkap ikan kecil. Secara ironi dan tragiknya, satu-satunya ikan besar yang ditangkap semasa 22 tahun Tun Dr. Mahathir menjadi Perdana Menteri tidak lain dan tidak bukan adalah Anwar Ibrahim sendiri yang bersabit kesalahan dan dipenjarakan selama enam tahun di atas satu kesalahan rasuah yang tidak melibatkan

satu sen pun atau mempunyai apa-apa juga hubung kait dengan balasan wang atau kebendaan.

Semasa skandal kewangan utama yang pertama semasa Tun Dr. Mahathir berkuasa, skandal Bumiputera Malaysia Finance yang melibatkan RM2.5 bilion yang menyebabkan pembunuhan seorang Eksekutif Pengurusan muda, prihatin dan berpotensi iaitu Jalil Ibrahim masa itu Perdana Menteri telah membuat komen bahawa perkara tersebut adalah satu jenayah terkeji tanpa penjenayah, *the heinous crime without criminals*.

Semenjak itu jenayah terkeji atau *heinous crime* melibatkan skandal kewangan telah meningkat secara berterusan dan melibatkan jumlah wang yang semakin besar sehingga mencapai berpuluh-puluh bilion ringgit tanpa sebarang penjenayah. Tradisi dan budaya jenayah *heinous crime* tanpa penjenayah merupakan satu kecaman ke atas keberkesanan, kecekapan, kebebasan, dan profesionalisme BPR untuk membanteras rasuah, penyalahgunaan kuasa, pecah amanah, jenayah dan segala bentuk penyimpangan. BPR patutlah menamatkan misi-misi dan objektifnya yang tidak bersasaran dan besar dan bangkit untuk menyahut cabaran untuk memastikan Malaysia bebas daripada rasuah setanding dengan Finland.

Dalam ucapannya di Majlis Anugerah Pingat Integriti Negara (Transparency International), Tun Dr. Mahathir berkata bahawa Malaysia perlu menandingi Finland dari segi kelakuan awamnya memandangkan Finland telah muncul sebagai negara yang paling beretika dan tidak korup sepanjang tiga tahun yang lalu dalam *CPI Transparency International* dan beliau berkata, saya petik, "Saya tahu bahawa masih banyak yang perlu kita lakukan, tetapi berdasarkan tahap sokongan awam yang dinikmati oleh BPR sekarang dan pelbagai langkah membanteras rasuah yang telah dilaksanakan, kita boleh menyertai negara-negara yang kedudukan tertinggi".

Pengiktirafan dan pujian terhadap *Transparency International* oleh kerajaan dan kelewatan semakin penting memandangkan dalam tempoh tujuh tahun lalu kedudukan Malaysia dalam *CPI Transparency International* telah jatuh mendadak daripada tangga ke-25 pada 1995 kepada tangga 26 pada 1996, tangga ke-32 pada 1997, tangga ke-29 pada 1998, tangga ke-32 pada 1999, tangga ke-36 pada 2000 dan 2001, tangga ke-33 pada 2002 dan tangga ke-37 pada 2003.

Sebagai Finland telah berjaya mengekalkan kedudukannya di antara negara-negara paling tidak korup di dunia, berkedudukan di tangga ke-4 pada 1995 dan 1996,

tangga ke-2 pada 1997, 1998 dan 1999 dan menduduki tempat pertama bermula pada 2000 sehingga 2003. Berterusan selama empat tahun berturut-turut sebagai negara paling tidak korup di dunia.

Di Persidangan Etika dan Integriti, Ogos tahun lalu, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri masa itu Timbalan Perdana Menteri, pada ketika itu telah mengisytiharkan bahawa kerajaan memiliki daya politik yang memadai untuk memastikan gejala rasuah dibanteras di kedua-dua sektor awam dan swasta. Bahawa tidak ada cara lain memandangkan kerajaan mempunyai toleransi sifar terhadap rasuah, *zero tolerance for corruption*.

Dengan komitmen awam sedemikian oleh Perdana Menteri, bekas Perdana Menteri zaman akhir untuk mewujudkan sebuah negara yang bebas daripada rasuah, DAP telah menyerahkan memorandum kepada BPR bahawa ia menyahut cabaran ini untuk merangka satu pelan tindakan anti rasuah sepuluh tahun, setanding dengan Finland supaya dapat digolongkan di kalangan lima negara di dunia yang paling tidak korup dalam CPI tahunan *Transparency International* menjelang 2013 disertai sasaran progresif bagi tempoh tersebut seperti:

- (i) berkedudukan di antara 25 negara paling tidak korup menjelang penghujung Rancangan Malaysia Kelapan pada 2005;
- (ii) berkedudukan di antara 15 negara paling tidak korup menjelang Kajian Semula Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesembilan pada 2008;
- (iii) berkedudukan di antara 10 negara paling tidak korup menjelang penghujung Rancangan Malaysia Kesembilan pada 2010; dan
- (iv) berkedudukan di antara 5 negara paling tidak korup menjelang 2013.

Tuan Yang di-Pertua, tetapi sangatlah dikesalkan bahawa dalam PIN, apa yang kita baca mengenai sasaran PIN dan rekod baru-baru ini nampaknya tidak ada *political will* atau kemahuan politik untuk membanteras rasuah, khususnya di tempat-tempat tertinggi.

Apa yang kita lihat dalam PIN ialah satu sasaran lima tahun yang sangat modus sahaja bahawa untuk lima tahun ini akan memperbaiki kedudukan Malaysia di tangga 30 daripada kedudukan tangga 37 pada 2003. Satu *improvement* untuk tujuh

tangga dalam lima tahun, walhal Malaysia sudah jatuh 14 tangga dalam sembilan tahun antara 1995 dan 2003.

Kita boleh menerima mungkin kerajaan tidak begitu bersetuju mengenai cadangan DAP bahawa ada satu rancangan 10 tahun bahawa pada 2013, sasaran kita ialah bahawa kita mencapai kedudukan antara lima negara yang terbersih sekali, tetapi mengapa ada sasaran yang begitu modus, lima tahun barulah dapat tempat ke-30 apabila dalam tahun 1995, kedudukan kita ialah di tangga ke-25. Sekurang-kurangnya kita perlu ada satu visi yang lebih *ambitious* dan kita boleh rasa dan bangga.

Macam saya ada tanya pagi ini semasa soal jawab, apa yang kita perlu sekarang ialah bagaimana kita boleh memberi keyakinan kepada orang ramai dan kepada negara bahawa kita ada *political will* untuk membanteras rasuah, khasnya, dengan izin, *high political cases*. Oleh kerana kita tahu bahawa baru 18 *high profile political cases* sudah terlepas. Angka ini bukan daripada saya. Yang Berhormat Timbalan Menteri pagi tadi ada buat *insinuation* bahawa inilah satu angka yang saya dapat daripada sumber-sumber yang tidak boleh dipercayai apabila kita tahu itulah angka yang keluar daripada Yang Berhormat Menteri Kabinet, masa itu Menteri di Jabatan Perdana Menteri, senior kepada beliau, bulan Februari tetapi sampai sekarang seorang pun belum ditangkap dan dibawa ke mahkamah di hadapan pengadilan.

Kenapa? Rakyat ada hak untuk tahu apa yang sudah berlaku kepada 18 *high profile political cases*. Adakah oleh kerana pilihan raya besar sudah habis bahawa semua *high profile cases* sekarang boleh menikmati *immunity* daripada *prosecution*. Kita mahu tahu mana 18 *high profile corruption cases*. Kalau kita tidak boleh lihat hasil daripada penangkapan *high profile political cases*, inilah akan menjadi satu contoh yang konkrit bahawa apa yang ada dalam negara kita ialah retorik, *zero tolerance of corruption*, tetapi tidak ada tindakan. Cakap tidak serupa bikin.

Kalau begitu, apa guna PIN? Pelan Integriti Nasional. Adakah Malaysia akan menjadi Bolivia yang kedua di mana selepas pelancaran PIN – Pelan Integriti Nasional, kedudukan kita mengenai rasuah di dunia jatuh dan bukan menjadi lebih baik di mana rasuah lebih rumit dan lebih bermaharajalela sebelum pelancaran PIN.

Sebenarnya saya masih menunggu satu jawapan yang jelas dan sewajarnya daripada khasnya, Menteri di Jabatan Perdana Menteri mengenai iklan yang ada dibuat dalam Pilihan Raya Umum pada bulan Mac di mana saya ada timbulkan dalam

Dewan yang mulia ini pada persidangan bulan Mei, iaitu iklan dalam semua surat khabar yang menyeru rakyat dan pengundi-pengundi menyokong Barisan Nasional.

Oleh kerana kerajaan yang begitu rasuah dan *rotten* berakar umbi, *corrupt and rotten to the very core* dan bahawa perlulah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dipilih supaya boleh memainkan peranan *Justice Pao* untuk membersihkan, untuk membanteras rasuah dan masa itu Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri ada jawab bahawa iklan itu tidak diberi kuasa, tidak di *authorize* oleh Barisan Nasional tetapi itu saya tahu. Saya difahamkan tidak benar, itu tidak benar. Jawapan itu tidak benar bahawa Barisan Nasional tahu, ada memberi *authority* untuk iklan itu.

Pertama, kita mahu satu jawapan yang betul mengenai isu ini. Yang kedua, kalau Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada berjanji untuk menjadi *Justice Pao* untuk membanteras rasuah, untuk mengambil tindakan terhadap mereka yang *corrupt* sungguhpun *high political places* saya percaya bukan sahaja 18 *high profile case* akan ditangkap dan di bawa ke mahkamah sekurang-kurangnya beratus-ratus kes 'ikan yu' akan di bawa ke mahkamah dan inilah di mana janji sama ada *political will* manalah tidak guna sahaja adalah itu PIN, kalau masa sudah satu tahun belum ada diikuti dengan tindakan yang konkrit, yang benar-benar boleh meyakinkan orang ramai bahawa Kerajaan Barisan Nasional serius untuk membanteras rasuah dan mengadakan satu budaya politik yang baharu di mana sifar toleransi terhadap rasuah.

Tuan Yang di Pertua, Bajet 2005 ini hanya akan tinggal sebagai bajet 'orang kecil', sekiranya pengurangan cukai secukupnya ditawarkan ke atas keperluan pendidikan dan kesihatan, serta demi menangani perniagaan dan perusahaan kecil yang tertinggal oleh pertumbuhan ekonomi setinggi 8%. Sungguhpun media kawalan BN memuji bajet ini sebagai bajet yang orang kecil tetapi nampaknya hanya kakitangan awam serta kakitangan keselamatan yang mendapat untung. Bagi orang biasa yang lain, Bajet 2005 tidak membawa keuntungan yang nyata ke atas keperluan pendidikan dan kesihatan mereka.

Berdasarkan Anggaran Pendapatan Kerajaan Persekutuan 2005, manfaat potongan cukai secara langsung untuk orang miskin hanya berjumlah RM4.3 juta, iaitu RM2.2 juta dari tambahan dalam *rebate*, cukai bagi komputer sebanyak RM100 dan RM2.1 juta dari tambahan pelepasan cukai sebanyak RM200 untuk pembelian buku.

RM94 juta yang diperolehi dari RM1,000 tambahan dalam pelepasan cukai untuk insurans dan KWSP, memang membantu tetapi tidak memberikan impak yang *significant* ke atas keperluan pendidikan satu keluarga yang biasa. Langkah yang lebih berkesan adalah:-

- (i) menambahkan pelepasan cukai ke atas anak-anak yang belum berkahwin, yang berumur bawah dari 18 tahun sebanyak 50% dari RM800 seorang anak, menjadi RM1,200 seorang anak;
- (ii) menambahkan pelepasan cukai ke atas anak-anak berumur lebih dari 18 tahun yang belum berkahwin dan belajar di Malaysia sebanyak 50% dari RM3,200 seorang anak, menjadi RM4,800 seorang anak;
- (iii) memberikan pelepasan cukai ke atas anak-anak berumur lebih dari 18 tahun yang belum berkahwin, yang belajar di luar negara pada masa kini hanya RM800 seorang anak, haruslah disamakan dengan anak-anak yang belajar di Malaysia iaitu RM4,800 seorang;
- (iv) menambahkan pelepasan cukai untuk insurans perubatan menjadi RM3,000.

Tidak ada sebabnya mengapa harus wujud diskriminasi di antara anak-anak yang belajar di dalam negara dan yang belajar di luar negeri. Sungguhpun mereka yang belajar di luar negeri sering kali di paksa berbuat demikian disebabkan kekurangan tempat pengajian di dalam negara, sungguhpun keputusan peperiksaan mereka cemerlang.

Kerajaan dijangka akan mengutip lebihan RM291 juta dari tambahan cukai eksais alkohol dan minuman keras. Memandangkan mereka yang merokok dan minum, dipaksa membayar harga yang lebih tinggi, kerajaan harus menyalurkan sebahagian besar RM291 juta yang dikutip ini ke atas penjagaan penyakit yang berkait dengan alkohol dan merokok, misalnya penyakit paru-paru dan hati. Adalah wajar bahawa bantuan kesihatan yang ditawarkan pada masa depan kepada perokok dan yang mengambil minuman keras yang mengidap penyakit seperti itu, memandangkan mereka telah membayar cukai yang lebih kerana tabiat mereka.

Adakah kadar pertumbuhan ekonomi setinggi 8% ini pertumbuhan *quarter* yang kedua, yang tidak membawa kemakmuran. Buat pertama kalinya, kita tidak

merasakan suasana makmur sungguhpun kerajaan mengumumkan bahawa kadar pertumbuhan kedua *quarter* setinggi 8% pada suku kedua. Rakyat biasa tidak faham bagaimana boleh berlakunya pertumbuhan tanpa kemakmuran ini, sedangkan di masa-masa lampau perasaan *good times* dapat dirasakan apabila kadar pertumbuhan mencapai 8%. Inilah sebabnya mengapa kerajaan tidak harus mengambil sikap diskriminasi dalam mengeluarkan pinjamannya. Kerajaan haruslah membuka peruntukan RM2 bilion bagi Tabung *Entrepreneur* barunya demi memupuk daya produktif yang kini terhad kepada bumiputera, kepada semua rakyat Malaysia.

Kerajaan juga harus membenarkan peruntukan sebanyak RM4.5 bilion kepada perniagaan kecil dan sederhana dalam kedua-dua sektor yang berlandaskan eksport dan domestik digunakan untuk mencari pasaran baru, pasaran-pasaran yang kini muncul di Negeri Cina dan India. Kerajaan harus menambahkan usaha untuk membantu semua rakyat Malaysia yang tidak merasa makmur, sungguhpun kadar pertumbuhan ekonomi adalah dalam suku kedua 8%.

Persoalan yang harus dibangkitkan adalah sama ada pembocoran dari ekonomi misalnya menerusi rasuah dan salah pengurusan, telah menyebabkan rakyat Malaysia kehilangan kemakmuran milikan mereka. Sungguhpun Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menekankan kerja-kerja membanteras rasuah, hakikatnya masih wujud pertambahan pada keseluruhannya. Defisit di kerajaan-kerajaan negeri yang mana berlakunya gejala rasuah yang serius setinggi RM1.71 bilion yang sering terdedah di Laporan Ketua Audit Negara, di mana ubat dibeli dengan harga 36% lebih tinggi dari harga pasaran oleh Kementerian Kesihatan, sungguhpun ianya dilakukan secara tender terbuka, skandal-skandal yang belum selesai seperti Perwaja dan kegagalan Tenaga Nasional Berhad untuk mengutip berjuta-juta ringgit yang dihutang oleh beberapa syarikat selama lebih dari setahun.

Pada masa di mana kadar pertumbuhan ekonomi adalah tidak bererti, kemakmuran untuk setengah rakyat, DAP menyeru supaya kerajaan lebih berhati-hati dalam cadangan untuk melaksanakan cukai barangan dan khidmat *Goods and Services Tax* (GST). GST mungkin membawa impak langsung ke atas harga barang-barang keperluan golongan berpendapatan rendah. Adanya GST biarpun golongan miskin tidak membayar cukai, pendapatan mereka masih perlu membayar cukai tidak langsung melalui GST.

Tambahan lagi bolehkah Jabatan Hasil Dalam Negeri menangani keperluan tambahan untuk mengisi borang-borang sedangkan ianya kini telah menghadapi masalah dengan sistem tafsiran sendiri untuk cukai pendapatan pada tahun ini. Apabila satu perkara mudah seperti pembayaran balik wang cukai dalam tempoh sebulan pun kena mendapatkan perhatian para pemimpin kerajaan peringkat tinggi, pertanyaan mengenai keupayaan IRS untuk menghadapi kerja tambahan memang tidak dapat dielakkan. Kerajaan tidak harus menetapkan suatu jangka masa untuk melaksanakan GST, tetapi harus memastikan dahulu bahawa semua masalah yang mungkin timbul akan dapat diatasi dan bahawa golongan miskin tidak akan rugi dalam proses ini.

Kos besar dapat dijimatkan sekiranya usaha membanteras rasuah membawa kesan. Barangkali apa yang ditimbulkan ialah rasanya di peringkat kerajaan tempatan atau kerajaan negeri tidak menampakkan kesan kekurangan, menjadikan kerajaan tempatan supaya lebih *accountable* dan demokratik akan membantu dengan pesat dalam usaha memerangi rasuah. Masanya telah sampai untuk memulihkan pilihan raya kerajaan tempatan yang telah diharamkan pada tahun 1965 berikutan dengan konfrontasi Indonesia. Tidak ada sebab mengapa kuasa-kuasa tempatan tidak boleh dipulihkan sedangkan Perdana Menteri pun dipilih oleh rakyat jelata.

Masa telah tiba untuk memulihkan demokrasi dan mengizinkan rakyat supaya memilih wakil mereka sendiri di majlis-majlis tempatan setelah 40 tahun berlalu. Isu yang perlu diketengahkan ialah sama ada selain daripada tujuan untuk mengurangkan *corporate tax* dan *income tax* dengan cadangan untuk melaksanakan dan memperkenalkan GST ialah sama ada ini satu cara untuk mengatasi masalah defisit bajet. Dengan sebab itu, perlulah satu kajian yang menyeluruh bukan sahaja oleh satu badan yang ditubuhkan oleh kerajaan malah sebenarnya patutlah mengadakan satu jawatankuasa Parlimen ditubuhkan supaya Ahli-ahli Parlimen faham dengan segala butir-butiran aspek mengenai cadangan GST sama ada ia akan menjadi satu *tax* yang *regressive* bagaimana boleh mengatasi ciri-ciri *regressivenya* dan sebab itu patutlah kalau Ahli-ahli Parlimen tidak rela untuk mengadakan satu jawatankuasa untuk mendapatkan pandangan orang ramai, rakyat Malaysia mengenai *tax reform* yang patut diadakan sama ada ia terhad kepada GST, saya rasa Parlimen tentulah tidak akan berlagak sebagai satu badan yang bertanggungjawab.

Tuan Yang di-Pertua, satu daripada keciciran ketara yang juga merupakan kekecewaan utama dalam Bajet 2005 adalah kegagalan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menjelaskan pendirian kerajaan mengenai Proton. Kerajaan masih belum mengumumkan satu polisi yang *coherent* sejak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang baru mengambil alih pucuk pimpinan hampir setahun daripada bekas Perdana Menteri yang juga merupakan arkitek Proton ialah Tun Dr. Mahathir Mohamed.

Ini mencerminkan pimpinan dan kuasa Yang Amat Berhormat bahawa beliau masih belum menyatakan pendirian yang jelas, lebih-lebih lagi apabila isyarat yang bertentangan diberikan kepada pasaran dan rakyat amnya. Beberapa isu mengenai Proton perlu diberikan perhatian segera.

- (i) siapakah yang bertanggungjawab ke atas dasar Proton serta membuat keputusan berhubung Proton. Adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri atau Yang Amat Berbahagia bekas Perdana Menteri;
- (ii) adakah terdapat satu jadual masa atau tempoh bagi Proton mendapatkan rakan kongsi asing. Adakah Proton sedang mengambil masa sesuka hati untuk mencari rakan kongsi asing seperti yang dicadangkan oleh Tun Dr. Mahathir;
- (iii) adakah Proton bersedia menghadapi pelaksanaan ASEAN Free Trade Area (AFTA) pada 2005 di mana duti akan dikurangkan kepada 20%;
- (iv) adakah Proton akan kekal mapan selepas 2008 apabila tarif maksimum sebanyak 5% yang disyaratkan oleh AFTA berkuat kuasa di Malaysia;
- (v) di manakah Dasar Kereta Nasional yang diura-urakan dan dinanti-nantikan.

Persoalan Proton adalah satu ujian ke atas kewibawaan pentadbiran Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam hal pengurusan ekonomi. Kegagalan menjawab soalan Proton ini akan mendatangkan kesan-kesan meluas dan rumit ke atas ekonomi Malaysia. Sebagai contoh, kepatuhan Malaysia kepada AFTA akan dijadikan kayu ukur bagi sebarang perbincangan Perjanjian Dagangan Bebas (FTA) dengan negara-negara lain pada masa depan seperti Amerika Syarikat.

Kegagalan dasar – semenjak kereta Proton yang pertama dihasilkan Proton telah diberikan perlindungan daripada persaingan melalui perlindungan tarif. Di bawah dasar ekonomi bersifat kenegaraan yang dirumuskan oleh bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir, Malaysia akan memasuki dunia perindustrian melalui suatu ekonomi yang digerakkan oleh industri berat, terutamanya sektor automobil. Beliau mendapat inspirasi daripada gabungan model ekonomi negara Jepun, Korea di mana industri kereta menjadi tunjang kepada pertumbuhan sementara seluruh negara, memberikan subsidi kepada pertumbuhan dengan membayar harga kereta yang tinggi pada peringkat awal.

Harapannya adalah Malaysia akan berjaya membina sektor automobil berdaya maju yang mengeksport kereta ke pasaran seluruh dunia seperti Jepun dan Korea. Semenjak itu rakyat Malaysia terpaksa membayar harga kereta yang amat tinggi sekali demi memberi sokongan kepada industri automobil yang baru berkembang dalam bentuk duti eksais bagi Proton dan tarif bagi kereta buatan asing. Di peringkat awal ini telah berlanjutan selama 20 tahun. Proton sekarang seumpama bayi dewasa yang masih tidak berupaya bertahan dengan sendiri dan barangkali tidak dapat berbuat demikian.

Walau bagaimanapun, strategik tersebut gagal. Kegagalan ini tidak dapat dielakkan. Kedatangan Proton ke dalam pasaran automobil yang telah padat dengan pelbagai pengeluar dan kereta adalah terlewat sama sekali. Proton tiada pilihan yang lain selain menjual balik kereta Proton kepada rakyat Malaysia. Eksport kereta Proton hanya merangkumi 5% daripada pengeluarannya. Ini telah menggagalkan tujuan asal menyuntik sumber negara ke dalam industri kereta. Selain itu adalah tidak wajar sebuah negara kecil seperti Malaysia mengekalkan industri kereta. Seorang pengulas memberi ulasan yang tepat bahawa, dengan izin, tiada negara yang tidak mempunyai populasi dan KNK atau GDP sekurang-kurangnya USD500 bilion telah berjaya mengekalkan sebuah pembuat kereta untuk pasaran besar-besaran yang bebas.

Malaysia mempunyai populasi sebanyak RM25 juta dan GDP tahun 2003 adalah kurang daripada USD100 bilion. Lebih teruk lagi sehingga baru-baru ini Proton tidak mempunyai kemahiran teknikal or *technical know-how*, pemindahan teknologi yang bergembar-gembur tidak berlaku sepanjang perkongsiannya dengan Mitsubishi selama 20 tahun tetapi hanya selepas Proton mengambil alih Syarikat Lotus yang dimiliki British.

Selain itu, pemikiran nasionalis Dr. Mahathir dalam kelahiran Proton terbukti memudaratkan apabila ia diatasi oleh haluan dasar alternatif yang diambil oleh negara Thailand. Negara Thailand tidak mempunyai pembuat kereta kebangsaan dan tidak memerlukan sebarang pendekatan untuk menyekat operasi kenderaan asing dalam negara. Kini ia telah berjaya mendapat gelaran "*Detroit of the East*" dan memperolehi manfaat daripada kedudukannya sebagai pusat pemasangan kenderaan dan pengeksport di Asia Tenggara.

Semua ahli AFTA menghadapi tekanan untuk mengurangkan tarif automobil dan bahagian automobil kepada 5% menjelang 2003 di bawah Perjanjian Perdagangan Serantau. Negara Thailand merupakan pihak utama yang memperolehi faedah berikutan pemotongan tarif tersebut. Dalam hal ini, kegagalan dasar Tun Dr. Mahathir berkenaan dengan Proton dapat dilihat dan cabaran terletak pada pentadbiran Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk menangani kegagalan ini. Kita pun ada melihat *social cause* yang lahir selama 20 tahun oleh kerana dasar untuk menjual Proton kepada rakyat Malaysia.

Malaysia mempunyai 3.6 juta buah kenderaan yang didaftar di dalam tahun 1987 dan dalam tahun 2000 sudah bertambah dan menjadi 5.3 juta buah kereta swasta, 4.1 juta motosikal, 1.1 juta kenderaan-kenderaan yang lain seperti teksi-teksi, bas dan trak-trak yang komersial yang berjumlah 10.5 juta kenderaan. Dengan jumlah yang dekat sekarang 13 juta buah kenderaan, kita di Malaysia boleh melihat setiap tahun pertambahan setengah juta kenderaan yang sudah menjadi satu sebab utama kenapa ada kesesakan jalan di negara kita sungguhpun ini sangat aneh untuk sebuah negara dengan populasi seramai 25 juta orang.

Sebenarnya dalam Lembah Klang *vehicle per thousand people* kadar kenderaan per 1,000 orang ialah dekat atau sedikit kurang sahaja apabila dibandingkan dengan US, Australia, New Zealand dan Kanada dan kadar ini lebih tinggi apabila dibandingkan dengan Eropah. Kita masih sebuah negara membangun dan bukan semacam negara-negara semuanya yang telah disebut yang *fully-developed* dan lebih dahsyat ialah dalam masa yang sama kegunaan *public transport* sudah diturunkan daripada 30% dalam tahun 1985 ke-16% dan ini ada dijelaskan dalam Bajet baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, masalah pertambahan pemilikan kereta swasta dan penurunan *utilization of public transport* semua ini ada bersangkutan paut dan berhubung

kait dengan dasar, dengan *venture* Proton. Boleh dikatakan inilah satu sebab akhir daripada projek program Proton oleh kerana kerajaan mahu memajukan dan mempromosikan Proton dan kereta-kereta yang lain yang bergantung kepada pasaran tempatan. Oleh kerana kegagalan usaha-usaha eksport kereta-kereta ini dan sungguhpun di negara Malaysia kita masih melihat kereta-kereta atau kenderaan-kenderaan sebagai *necessity* dan bukan satu *luxury*, masa sudah sampai untuk satu kajian sama ada Malaysia boleh *sustain*, dengan izin, satu *high automobile dependency* yang begitu tinggi dan dalam konteks ini, kita memuji Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa dia sekarang fokus kepada isu masalah pengangkutan di Lembah Klang dan inilah masa yang amat mustahak supaya masalah ini ditangani oleh kerana masalah *traffic congestion* dalam bandar-bandar besar khususnya dalam Lembah Klang satu masalah besar yang mengakibatkan atau menyebabkan kerugian masa, *human resources* mahupun produktiviti dan menurunkan *quality of life*.

Tetapi jika kita percaya bahawa cadangan-cadangan di dalam Bajet ini cukup untuk mengatasi masalah-masalah ini, apa yang kita perlu ialah kita mengadakan satu dasar *National Transport Policy* yang komprehensif untuk mempertingkatkan kecekapan *reliability and quality system of transportation* di negara kita, satu dasar *National Transport Policy* harus mengambil kira masalah *land use*, dasar *national car*, *urban development* dan lain-lain. Kita harap bahawa ini boleh diberi keutamaan supaya *National Transport Policy* boleh mengatasi isu-isu krisis yang kita hadapi.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob] **mempengerusikan Mesyuarat**]

Dalam Bajet 2005, adalah satu pengumuman mengenai peranan yang dimainkan oleh *Steering Committee*, *integration re-structuring of the public transport system* di Lembah Klang mengenai Syarikat Prasarana Negara Berhad (SPNB) dan mengenai rangkaian pengangkutan integrasi teras trafik dan semua ada bersangkutan paut dengan cadangan *Klang Valley Urban Transport Authority* sebagai suatu *authority* yang bertanggungjawab *regulatory* untuk *public transport* di *Klang Valley*.

Tetapi kita perlu prihatin bahawa masalah yang dihadapi ialah kita ada banyak institusi dan badan-badan *regulatory*. Apa yang kita perlu ialah satu dasar yang

menyeluruh. Kita tidak mahu EPU atau Kementerian Kerja Raya, Kementerian Pengangkutan, Kementerian *Entrepreneur Development*, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, semua ada bahagian untuk mengatasi krisis *transportation* akhirnya tidak ada satu formula dan satu *solution* yang baik. Sebab itu kita mahu tahu bahawa *Urban Transport Authority* ini sama ada akan menjadi suatu badan yang tunggal yang boleh menyelesaikan segala masalah mengenai krisis ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu aspek mustahak mengenai ekonomi yang kita hadapi ialah *competitiveness*. *Competitiveness* sama ada negara kita boleh menghadapi persaingan daripada negara-negara yang lain oleh kerana di Malaysia kita ada *high cost of doing business*, dengan izin, dan ini ada *documented* di dalam kajian global yang dikeluarkan oleh *World Bank* baru-baru ini, '*The Doing Business Database*' yang memberi beberapa indeks mengenai *business regulation* dan penguatkuasaan.

'*The Doing Business Indicator*' ada suatu perbandingan dibuat untuk 145 buah ekonomi dan apa yang kita perlu kaji ialah mengenai Malaysia. Di sini mungkin kita boleh lihat satu *comparison*, satu perbandingan antara Malaysia dan Thailand oleh kerana dia ialah *competitor* kita yang terdekat dan ini adalah semua, dengan izin, *highlight from the Doing Business Database* di Malaysia dan inilah daripada dengan izin, , *Doing Business Database* di Malaysia.

There are the total of nine procedures for starting a business in Malaysia and it takes a total of 30 days to complete the process at the cost of USD965. Of the 30 days, 22 are connected with processes linked with registration. For Thailand there are eight steps, kita ada nine. For Thailand there are eight steps and although it takes 33 days the cost is USD159, kita USD965 and the registration process is far lower.

Kedua, *firing a worker costs 74 weeks of wages.*

Ketiga, *registering property involves 4 procedures. A total of 143 days against two procedures taking two days in Thailand.*

Keempat, *protecting investors and disclosure. The Disclosure Index captures seven ways of enhancing disclosure, information on family, indirect ownership, beneficial ownership, voting agreements between shareholders, audit committees reporting to the Board of Directors, use of external auditors and public availability of ownership and financial information to current and potential investors. The index varies*

between zero and seven with higher values indicating more disclosure, Malaysia scores at five, where as Thailand has a higher score at six.

Kemudian enforcing contracts, Malaysian procedures number 31 and make a total of 300 days at the cost of 20% of the debt. The comparable numbers for Thailand are 26,390 and 13% of the debt.

Closing a business in Malaysia takes 2.3 years with 18% of the value of the estate and a recovery of 35 cents on the dollar. In Thailand, the numbers are 2.6 years 33.8% and 42 cents on the dollar.

Kita dibandingkan dengan Thailand, oleh kerana ia adalah pesaing yang terdekat. Sungguhpun satu perbandingan boleh dibuat dengan 140 negara yang lain tetapi angka-angka ini menunjukkan bahawa negara kita adalah *red tape, bureaucracy* yang menjadi *high cost* untuk perniagaan dan statistik-statistik semua ini memberi satu mesej yang sangat jelas bahawa kita perlu mengatasi masalah *over regulation* dan masalah ketidakcekapan dalam pentadbiran yang sebenarnya memberi satu suasana dan syarat-syarat untuk rasuah bermaharajalela dan merupakan satu *hidden cost* untuk *doing business*. Ini bukan senang untuk *quantify*, tetapi masalah *competitiveness* bukan sahaja dilihat di sini – apa yang perlu dilihat ialah masalah-masalah satu *pull*, satu *work force* yang adalah pencapaian yang tinggi.

Dalam bajet baru-baru ini, sungguhpun Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada menyebut mengenai beberapa cadangan untuk memperbaiki sistem pendidikan – pelajaran, seperti mewujudkan 12 *special post grade, personal to holder* untuk guru cemerlang dan 5 JUSA C *post* untuk pengetua cemerlang, tetapi masalah yang pokok ialah mengenai kualiti pendidikan tidak ditangani.

Masalah *competitiveness* Malaysia untuk menghadapi cabaran globalisasi bukan boleh diatasi dengan pelantikan beberapa post sahaja, tetapi perlulah satu *overhaul* sistem *education* di semua peringkat daripada rendah ke menengah ke *tertiary*.

Dua tahun dahulu kita ada sebuah jawatankuasa ditubuhkan – Murad *Committee*. Semasa itu ada ditugaskan dengan tugas yang begitu penting tetapi sehingga sekarang kita tidak tahu apa sudah berlaku. Di manakah *recommendations* Murad *Education Committee* mengenai *revamp education system*? Kenapa sehingga sekarang belum didengarkan dalam Dewan yang mulia ini? Sebenarnya ia tidak

pernah terdengar di mana-mana pun. Di dalam surat khabar pun tidak ada dilaporkan apa yang sudah berlaku.

Baru-baru ini kita membaca laporan bahawa pelantikan seorang bekas menteri sebagai seorang Duta Pendidikan iaitu Datuk Effendi. Apakah tugasnya? Apakah tujuan pelantikan ini? Kenapa beliau diberi taraf Kabinet (Cabinet rank)? Dan kalau beliau diberikan taraf *Cabinet rank* dan beliau tidak bertanggungjawab kepada Parlimen, adakah ini melanggar prinsip *Parliamentary accountability*?

Sampai sekarang tidak ada apa-apa penjelasan dibuat mengenai perkara ini. Kita mahu tahu apakah *terms of reference* – beliau bertanggungjawab kepada siapa? Pada permulaannya, apabila pengumuman pelantikan beliau sebagai Duta (*envoy*) Pelajaran dibuat, beliau sendiri berkata bahawa beliau bertanggungjawab kepada Timbalan Perdana Menteri. Ini sangat aneh. Kenapakah seorang *envoy* mengenai pendidikan bertanggungjawab kepada Timbalan Perdana Menteri dan bukannya kepada Menteri Pendidikan Tinggi? Adakah ini bukannya bertujuan untuk mempertingkatkan kualiti sistem pendidikan tinggi, tetapi untuk mendapatkan *business* – supaya kita dapat menarik lebih ramai pelajar dan murid-murid luar negeri datang ke Malaysia?

Memanglah itu penting kerana kita boleh mendapat *revenue*. Dalam dunia ini sekarang ada lebih daripada 2 juta *foreign student* belajar di negara-negara lain dan kita harap boleh mendapat satu *percentage* yang baik. Sekarang ini ada 51,000 *foreign student* di Malaysia dan ada sasaran untuk bertambah kepada 100,000.

Sungguhpun ini mustahak tetapi bukankah lebih mustahak kalau kita mempertingkatkan kualiti universiti-universiti, sekolah-sekolah kita di peringkat nasional, menengah dan rendah? Sebenarnya apa yang kita lihat ialah *a result*, satu sistem dua puluh tahun, tiga puluh tahun, di mana meritokrasi tidak diberi keutamaan. Kalau kita benar-benar untuk bersaing dengan dunia masanya sudah sampai untuk memberi tempat yang utama kepada meritokrasi.

Baru-baru ini saya ada mengemukakan satu soalan kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan Tinggi mengenai sistem peperiksaan bagi memasuki universiti-universiti awam yang melalui matrikulasi dan melalui STPM. Saya ada bertanya adakah satu siasatan dibuat selepas pendedahan saya dalam Dewan yang mulia ini dalam mesyuarat pada bulan Jun, bahawa ada pelajar-pelajar matrikulasi yang diberi CPGA atau *cumulative grade* itu - 4 yang tertingginya, sungguhpun daripada markah-

markah semester pertama dan semester yang kedua lebih daripada 3.7 atau 3.8, tetapi akhirnya diberikan markah yang sepenuhnya. Ada daripada mereka yang sekarang mengikuti kursus-kursus perubatan dalam universiti-universiti perubatan tempatan.

Minggu lalu saya mendapat jawapan daripada Yang Berhormat Menteri Pendidikan Tinggi yang menafikan bahawa ada kes-kes seperti itu. Sebenarnya saya ada bukti. Saya ada bukti bagi beberapa kes di mana pelajar-pelajar yang ada markah-markah tidak sampai 4 – 3.7, 3.75 tetapi akhirnya diberi markah yang penuh - 4. Mereka sekarang dalam mengikuti kursus-kursus perubatan.

Saya tidak mahu bongkar atau mendedahkan kes-kes tersebut oleh kerana saya tidak mahu masa hadapan pelajar-pelajar tersebut terjejas. Tetapi saya mahu Dewan yang mulia ini tahu. Saya mahu menteri yang berkenaan tahu, saya ada bukti. Saya ada bukti kes-kes ini dan kalau saya dicabar saya rela menunjukkan bukti-bukti itu. Apa yang kita mahu ialah satu sistem yang adil. Apa gunanya Yang Berhormat Menteri datang ke sini membuat penafian apabila kita tahu itu tidak benar? Bagaimana kita boleh percaya jawapan-jawapan yang dibuat dalam Dewan yang mulia ini? Tetapi apa yang mustahak ialah bolehkah kita boleh mendapat satu jaminan bahawa kerajaan akan seadil-adilnya mengadakan satu sistem pendidikan mahupun mengenai markah-markah dan pengambilan pelajar-pelajar masuk ke universiti supaya negara beruntung.

Sekarang adalah masa untuk Malaysia bersaing dengan dunia bukan bumiputera bersaing dengan orang bukan bumiputera dan juga bukan orang Melayu bersaing dengan orang bukan Melayu, bagaimana Malaysia sebagai satu bangsa bersaing dengan dunia?

Saya harap bahawa perkara-perkara yang saya bangkit itu tidak akan berlaku lagi dan tindakan cara untuk memastikan bahawa ia tidak berlaku ialah ada satu peperiksaan yang sama, satu *system common examination* untuk semua pelajar untuk memasuki universiti-universiti awam. Kenapa kita tidak rela buat begitu, sungguhpun kita kata sistem meritokrasi ini bukan sistem meritokrasi ada dua sistem peperiksaan dengan perkara yang berlaku yang telah saya sebutkan tadi, saya harap bahawa kalau kita mahu bersaing dengan dunia dan kita mahu satu *rebranding* Malaysia sebagai meritokrasi dengan mediatokrasi, dengan kreativiti dengan Cemerlang, Gemilang, Terbilang isu-isu pokok ini kita perlu menghadapi.

Tuan Yang di-Pertua, satu isu yang kita perlu ambil perhatian ialah mengenai *deficit budget*. Dalam Rancangan Malaysia Kelapan adalah *target* bahawa *balance*

budget dicapai pada tahun 2005. Objektif mengenai *balance budget* tetapi apabila dikaji mengenai bajet-bajet dalam beberapa tahun ini, sasaran *target deficit* yang diumumkan pada hari bajet, jauh daripada apa yang sebenarnya yang berlaku. Macam untuk Bajet 2005, sungguhpun ada diumumkan bahawa tujuan *target deficit* bajet ialah 3.8% GDP, untuk tahun depan.

Saya percaya akhirnya angka itu akan lebih tinggi daripada 3.8% oleh kerana dengan beberapa *supplementary estimates*. Sebagai contoh untuk Bajet 2004 masa itu ada diumumkan bahawa tujuan *target deficit* untuk tahun ini ialah 3.3% GDP. Tetapi apa yang berlaku sekarang ialah untuk tahun ini *deficit financing* ialah 4.5%. Ini menimbulkan masalah *fiscal responsibility* sama ada kita perlu suatu kajian yang mendalam, masalah *deficit painting* oleh sebab ini akan menjadi satu beban kepada generasi yang akan datang dan dengan izin, *financing of these deficits through borrowing translate into less resources need available to the private sector* untuk *investment* dan *long term competitiveness*.

Dalam perkara ini, IMF *Executive Board* dalam *annual consultation* dengan Malaysia tahun lalu ada buat komen-komen dan di sini inilah daripada IMF *Annual Consultation* dengan Malaysia; "However the historical trend continuous to indicate a public sector debt has been growing at the faster pace that implied by the net financing requirements of the consolidated public sector reflecting - in part - operations not captured by the consolidated accounts, including the acquisition of public assets at the assumptions of debts by the Federal Government "

Ini menunjukkan bahawa bajet bukanlah satu alat, satu *instrument yang transparent* adalah bahagian-bahagian yang tidak dalam *consolidated accounts, off budget expenditure* dan mungkin dalam jurang berbilion-bilion ringgit, kenapa? Dewan yang mulia ini dan negara tidak diberi maklumat-maklumat yang sepenuhnya dan persetujuan diminta. Kita tidak lihat bahawa amalan ini yang kurang *transparency*, kurang ketelusan untuk berhentikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang baru. Dalam perbincangan dengan IMF yang sama itu mengenai *report on the Article IV Consultation*, IMF ada menimbulkan keraguan mereka mengenai perkara-perkara yang lain, mengenai ekonomi Malaysia. Sebagai contoh yang saya petik: "In particular, they (the Directors) encouraged the authorities to disseminate more detailed information on the fiscal costs of exemptions and implicit subsidies, and on the quasi-

fiscal expenditures of the nonfinancial public enterprises. The government was encouraged to look into the scope for further divestment from major corporations”.

As IMF Directors, stressed the importance of monitoring closely tax revenue performance and further exploring ways to rein in the growth of nonwage operational expenditures. Directors welcomed the recent steps taken to reduce noncore investment spending, and encouraged the authorities to persevere in their efforts to stream line the public investment program. Directors recommended that the authorities look into the scope for reining in the recent increases in expenditures on subsidies and transfers, while ensuring that an adequate social safety net remains in place to protect the most a vulnerable groups”.

Semua amaran ini yang dikeluarkan oleh IMF dalam bahasa yang manis tetapi yang menunjukkan bahawa adalah masalah ekonomi dan bajet kita yang perlu diberi perhatian yang serius dan supaya kita boleh mengelakkan krisis ekonomi supaya apa yang berlaku dalam tahun 1998 tidak berulang dan tidak *trigger* lagi satu krisis dan ini sangat serius, bukan sahaja oleh sebab faktor-faktor tempatan tetapi pun lanskap ekonomi sedunia yang tidak begitu pasti, *uncertain* khasnya apa yang akan berlaku dalam ekonomi US, di mana inflasi yang meningkat di sana boleh *trigger*, dengan izin kadar *interest* yang lebih tinggi dan kita pun akan terlibat.

Di sini kita pun perlu melihat masalah *debt service burden* sama ada tempatan atau *foreign* oleh kerana ia merupakan satu suku *recurrent expenditure budget*. Dalam ucapan bajet tidak menyebutkan mengenai aspek ini *debt service*, oleh kerana *debt service* ini dalam satu *skill*, dalam sesuatu tahap yang boleh mengurangkan *resources* dan yang boleh digunakan untuk tujuan-tujuan yang lain untuk kepentingan orang ramai.

Lagi satu aspek ialah mengenai *revenue*. *Revenue* untuk tahun 2005, kerajaan membuat satu ramalan bahawa *revenue* akan bertambah 2.2 peratus sehingga mencapai RM99 bilion. Saya juga mahu bertanya untuk mendapat satu penjelasan oleh kerana pertumbuhan GDP adalah dianggarkan pada kadar enam peratus tetapi kenapa pertambahan *revenue* cuma 2.2 peratus?

Satu lagi isu yang saya mahu bangkitkan ialah mengenai *currency peg*. Saya tidak mahu *revisit* perbahasan mengenai *currency peg* yang dikenakan pada tahun 1998. Pada masa itu ia dikatakan adalah sebagai satu langkah yang sementara dalam menghadapi krisis *financial* yang dihadapi oleh semua negara di Asia. Tetapi sekarang

bukan untuk kita berbahas sama ada pendekatan yang begitu *unorthodox* pada masa itu untuk kita *revisit debate* itu. Apa yang kita perlu tanya sekarang ialah sama ada dengan ringgit *peg* itu diteruskan, sama ada untuk kepentingan dan kebaikan ekonomi negara kita atau sama ada masa sudah sampai untuk mengkaji semula perkara ini. Apakah *consequences* jika diteruskan dasar *currency peg*, ringgit *peg* itu kepada *competitiveness* Malaysia.

Saya ada diberi nasihat bahawa antara impak-impak ringgit *peg* itu termasuk yang berikut, dengan izin:

- (i) *the peg benefits exporters to the US market. However it disadvantages those who export to other markets – Japan and the Euro markets - given the depreciation of the US dollar and thus of the ringgit, of the direction and composition of our exports. The nation as a whole loses by earning less ringgit, earnings from the diversified non-US markets;*
- (ii) *a substantial part of Malaysian imports are from non-US sources. This translates into higher import costs in ringgit terms. The cost of intermediate goods rises and is ultimately incorporated into our export cost rising. Various studies have shown that Malaysian export of manufactures have high import content. It is therefore clear that export competitiveness is being eroded. Most capital goods are from non-US sources. With the appreciation of the Yen, the Euro and other currencies against the US dollar, Malaysia faces a rising cost for the investment goods it imports.*
- (iii) *Lagi satu, a substantial part of Malaysia's external debt is denominated in non-US dollar terms. This translates into higher debt service in ringgit terms. With rising interest rates forecasted in the year ahead and a sharp downward adjustment in the value of the US dollar, there will be an indirect impact on the ringgit versus other non-US currencies thus aggravating the adverse trends already in place*
- (iv) *The adverse impact will be felt by exporters, importers and debtors.*

Sebab itu perlulah diadakan satu kajian yang menyeluruh mengenai sama ada dasar-dasar *exchange rate* kita patut diteruskan, dan saya mendesak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supaya mengadakan satu kajian yang *independent*, yang bebas oleh kerana tidak wajar kajian ini diserahkan kepada sama ada Kementerian Kewangan atau Bank Negara oleh kerana kedua-dua institusi yang bertanggungjawab ini boleh disifatkan sebagai arkitek dasar-dasar ini, khasnya Gabenor Bank Negara dan Menteri Kewangan Yang Kedua. *Urgency* ini sangat ketara khasnya oleh kerana apa yang di *anticipated*, dengan izin, *standing*, kedudukan of the *US dollar*, *rising interest rates* di peringkat global, mungkin juga pertumbuhan yang lebih perlahan dalam *world trade*, perdagangan pada masa hadapan.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga saya percaya akan bersetuju bahawa perkara ini tidak perlu dijadikan satu isu parti politik oleh kerana seruan untuk satu kajian sama ada dasar ringgit *peg* diteruskan atau datang daripada pelbagai pihak termasuk Malaysia *Institute of Economic Research*, *IMF Board of Directors* dan juga *academician-academician*. Di sini mungkin kita boleh merujuk kepada satu kenyataan yang ada dibuat oleh IMF dalam perundingan dengan Malaysia - *Article IV The Consultation Report* yang berbunyi:

“Some directors saw know convincing case to reconsider the peg at this time, at the same time and with the forward looking perspective, many other directors thought that a move towards greater exchange rate flexibility would be beneficial for Malaysia if it were well prepared, pursued from a position of strength and carefully sequenced. Such flexibility would help to manage risks associated with capital flows, alleviate the burden of adjustment on fiscal policy to deal with shocks and facilitate adjustment to structural changes in the economy”.

Dari bahasa yang digunakan jelas menunjukkan bahawa ini membayangkan pandangan yang majoriti dan pendirian yang diambil bukan pendirian semacam dahulu, *earlier orthodoxy of IMF*, yang seolah-olahnya menentang segala tindakan mengenai *currency peg*. Saya rasa ini mustahak supaya kita boleh berbincang dengan lebih mendalam dan lebih menyeluruh mengenai isu ini supaya kepentingan negara kita boleh menjadi panduan.

Tuan Yang di-Pertua, strategi-strategi bajet antaranya *ialah accelerating shift towards higher value-added economy*. Baru-baru ini selepas Yang Amat Berhormat

Perdana Menteri mengambil alih kuasa, beliau mengatakan akan menitikberatkan, memberi penekanan kepada pertanian, bahawa akan memberi lebih *reliance* kepada sektor pertanian sebagai satu *growth engine*, tetapi sehingga sekarang belum kita lihat lagi strategi yang lebih mendalam dan lebih menyeluruh. Kita tidak tahu sama ada tujuan ini adalah sebenarnya untuk memenangi balik kawasan-kawasan yang lebih cenderung untuk menyokong parti-parti pembangkang yang lain. Sama ada penilaian ini benar atau tidak, ada beberapa persoalan yang perlu dijawab mengenai strategi ini, sama ada tepat, sama ada wajar.

Yang pertama, Malaysia bukanlah dikatakan mempunyai banyak tanah, khasnya oleh sebab soal tanah sekarang adalah terletak di bawah kuasa kerajaan negeri dan bukan kuasa kerajaan Persekutuan. Bagaimanakah kerajaan Persekutuan boleh memastikan bahawa tanah adalah mencukupi untuk diberikan bagi tujuan pertanian? Baru-baru ini di Lawan Kuda di Perak, ada timbul masalah akuakultur, di mana perusahaan *tropical display fish* di Lawan Kuda yang telah dijalankan selama 10 tahun menghadapi tindakan oleh kerajaan negeri oleh sebab tanah itu diberi untuk tujuan pembangunan perumahan, dan ini bercanggah dengan dasar pertanian supaya menjadi *engine of growth*. Ini satu contoh.

Yang kedua, oleh sebab *labour force* dalam kawasan-kawasan pertanian menghadapi kekurangan kemahiran, khasnya berkaitan dengan *commercial agriculture*, apakah tindakan yang akan diambil oleh kerajaan untuk mengatasi masalah ini, khasnya dalam kawasan-kawasan luar bandar di mana *agriculture extension service* yang tidak begitu memuaskan.

Satu masalah lagi ialah sama ada, ada infrastruktur yang cukup khasnya *extension of credit, marketing of output* kalau mahu mengadakan *viable commercial agriculture* dan apa institusi yang ada, yang boleh memberi perkhidmatan yang cekap dalam aspek ini? Adakah Malaysia pun adalah *comparative advantage* apabila dibandingkan dengan negara-negara yang lain untuk mengadakan satu asas yang kuat untuk *commercial agriculture* dan apa kajian yang telah dibuat oleh kerajaan dalam perkara ini supaya boleh memperkuatkan satu strategi pertanian.

Dalam tahun 60-an dan 70-an, spesifikasi pertanian adalah menjadi satu dasar yang pokok tetapi tidak dapat apa-apa kejayaan yang ketara. Apalah iktibar yang sudah diperolehi untuk masa hadapan? Semua ini mustahak oleh kerana semua

dasar dan strategi kerajaan sama ada pertanian, perindustrian, IT perlulah ada *backup* yang sepenuhnya, oleh kerana dasar-dasar tidak boleh dibuat dengan izin, *on the run*.

Strategi mengenai *developing human capital* sebagai *catalyst of growth*. Masa sudah sampai untuk mengadakan satu suruhanjaya yang sepenuhnya mengenai pendidikan. Untuk *revamp* dasar-dasar pendidikan, saya rasa sangat kesal bahawa sampai sekarang, kita telah menyambut kemerdekaan 47 tahun tetapi sampai sekarang belum ada seorang bukan bumiputera yang boleh menjadi Naib Canselor universiti-universiti awam. Bagaimana dengan keadaan seperti ini kita boleh yang pertama, untuk memajukan perpaduan negara, yang kedua untuk memastikan *excellence*, keunggulan dalam sistem pendidikan? Semua ini perlulah satu *approach* yang baru supaya negara kita boleh menghadapi suatu cabaran.

Tadi dalam permulaan, saya ada mengatakan bahawa kalau kita mahu bajet ini dilihat sebagai suatu bajet yang berbeza daripada bajet-bajet yang lain, oleh kerana Manifesto Barisan Nasional dalam pilihan raya besar yang baru-baru ini, ada tiga ciri sekurang-kurangnya patut diadakan. Yang pertama, ialah menitikberatkan sebuah kerajaan yang bersih, kerajaan yang tidak *corrupt, itu gagal*. Kedua, bahawa suatu mesej ialah bahawa kerajaan ini rela mendengar pandangan orang ramai dan kalau mahu begitu, perlulah satu iklim di mana maklumat lebih bebas. Kita perlu keluar daripada *cult of secrecy*, kerahsiaan.

Pada minggu lalu, hari yang pertama sebenarnya, dalam soal jawab, saya ada bertanyakan Yang Berhormat Timbalan Menteri Kementerian Keselamatan Dalam Negeri mengenai Laporan *Interim* Suruhanjaya Polis Di Raja Malaysia, kenapa? Kalau tujuan Suruhanjaya Polis Diraja Malaysia ialah untuk mempertingkatkan kecekapan pihak polis supaya boleh *deliver police service* ialah bahawa keselamatan rakyat, keselamatan komuniti yang lebih selesa, yang lebih selamat, sampai sekarang laporan *interim* itu belum diberi kepada Ahli-ahli Parlimen dan kepada orang ramai. Pada masa itu, Yang Berhormat Timbalan Menteri kata, dia ada sebuah laporan, dia boleh bagi.

Sudah dua minggu, hari-hari apabila saya berjumpa Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya tanya. Dia kata, dia mahu dapatkan *copy* daripada *Police Royal Commission* bahawa Pengerusi *Police Royal Commission*, Tun Zaidin mungkin ada di UK. Tetapi pada hari itu, Yang Berhormat Timbalan Menteri kata bahawa dia ada satu *copy*, dan rela beri saya satu salinan. Kenapa? Bukankah ini menunjukkan bahawa

kita perlukan satu dasar maklumat yang *transparent*? Dalam *information edge*, kita perlu tukar sikap mengenai maklumat, *government information*. Tidak patut dianggap sebagai *property*, harta kerajaan bahawa *information is a government property, government right*, harta kerajaan. Sebaliknya kita perlu satu sikap yang baru di mana maklumat dianggap sebagai hak rakyat dan kalau tidak ada sebab-sebab untuk menjaga keselamatan, untuk menjaga *privacy, confidentiality* persendirian, semua maklumat patut diberi kepada orang ramai sebagai automatik dan tidak patut mengadakan satu sikap bahawa hak sama ada kementerian atau kerajaan untuk simpan maklumat.

Saya harap inilah Yang Berhormat Timbalan Menteri Kementerian Keselamatan Dalam Negeri boleh memenuhi janji beliau supaya laporan itu dikemukakan, diserahkan seperti yang beliau katakan. Bersama dengan Laporan-laporan PIN, sebagai contohnya, kalau kita di sini tidak menimbulkan bahawa Ahli-ahli Parlimen tidak ada Laporan PIN, Ahli-ahli Yang Berhormat tidak akan diberikan *copy* itu. Tetapi apa yang mustahak bukan mengenai semua diberi salinan Laporan PIN, tetapi kita perlu bahas PIN itu. Kenapa Parlimen sampai sekarang tidak mahu mengadakan satu perbahasan mengenai kandungan, cadangan, sasaran dalam Pelan Integriti Nasional? Sepatutnya Parlimen menjadi tempat untuk membuat keputusan sama ada PIN itu diterima atau dipinda tetapi tidak. Dasar Pelan Integriti Nasional itu dibuat oleh segelintir orang dan mahu menjadi dasar kerajaan, itu maklumat yang kedua.

Yang ketiga, bahawa bajet ini berbeza dari bajet-bajet yang lain yang boleh memenuhi Manifesto Barisan Nasional ialah bahawa *separation of powers*, pengasingan kuasa; *executive, legislature* dan kehakiman, prinsip ini mahu dipulihkan dihormati. Kehakiman, kita perlulah memulihkan kedudukan, integriti, kebebasan dan *impartiality* kehakiman. Apa yang berlaku pada 2 September, saya harap satu permulaan untuk memulihkan kedudukan institusi kehakiman balik kepada tahun 50-an, 60-an dan 70-an di mana tidak ada apa-apa keraguan oleh mana-mana pihak sama ada di dalam negara ataupun di luar negara mengenai *independence, impartiality*, integriti kehakiman. Ini mustahak bukan sahaja untuk kehakiman, untuk kesejahteraan negara, untuk kemakmuran Malaysia khususnya dalam era globalisasi. Kita masih jauh dari tahap itu, bagaimana kita boleh menegakkan suatu sistem kehakiman yang bebas, yang adil.

Ini patutlah menjadi satu isu utama dalam bajet, bukan bahawa dalam bajet tidak pernah sebut mengenai kehakiman. Dua tahun dahulu dalam Bajet 2002, kalau saya tidak silap, untuk Bajet 2003 ialah dalam tahun 2002, masa itu dalam pembentangan Bajet ada sebut mengenai *rule of law*, mengenai peranan kehakiman, mengenai *separation of power*. Kenapa? Oleh kerana masa itu ada berlaku kes-kes di mana di mahkamah ada buat keputusan bahawa penangkapan ISA oleh polis tidak sah. Sungguhpun tidak diikuti dengan kebebasan sesiapa, ISA *detainee*, oleh kerana mahkamah tidak mahu buat keputusan bahawa sungguhpun penangkapan oleh pihak polis tidak sah, tetapi penangkapan oleh pihak Menteri tidak boleh dicabar.

Tetapi masa bajet itu, dalam *Budget Speech*, Menteri Kewangan, dan masa itu pun Perdana Menteri, ada sebut mengenai *rule of law*. Sebenarnya satu ugutan kepada mahkamah, janganlah campur tangan, janganlah cabar kedudukan kerajaan. Siapa itu? Dia tidak mahu ini berlaku tetapi sebab itu dalam bajet ini kenapa isu ini tidak dijadikan satu isu yang penting. Lagi satu mengenai Parlimen, peranan Parlimen. *Parliamentary reform*, kita kata kita mahu satu *First-World Parliament*, *First-World Parliament*. Adakah dalam 6 bulan - Mac, 5 bulan, 6 bulan semenjak pilihan raya besar bulan Mac, kita berjalan ke arah *First-World Parliament*.

Kita sudah belanja RM80 juta untuk renovasi Parlimen ini, tetapi adakah sistem operasi Parlimen lebih cekap, lebih sensitif mengenai masalah-masalah rakyat? Kita ada tubuh beberapa *Standing Committee*. *Public Accounts Committee* ada bergerak, tetapi kita ada *House Committee*, saya percaya tidak pernah bermesyuarat, sampai sekarang. *House Committee*, mana *House Committee*? Kita ada banyak masalah mengenai kedudukan hak-hak dan keistimewaan Ahli-ahli Parlimen. Mana kemudahan-kemudahan komputer untuk Ahli-ahli Parlimen? Kita sudah faham bahawa pada mulanya ada komputer-komputer untuk Ahli-ahli Parlimen, tetapi apabila *Backbenchers Club*, semua *hijack*. *Backbenchers Club* semua *hijack*.

Kita perlu cukup komputer-komputer supaya setiap orang boleh *hijack*lah. Itu mustahak. *You know*, supaya fungsi Parlimen ini – *House Committee* tidak pernah bermesyuarat. *Standing Order Committee*, tidak pernah bermesyuarat, barulah ada *Privileges Committee*, bermesyuarat empat kali, mengenai perkara yang remeh-temeh. Tetapi apa yang mustahak, *House Committee* mengenai *Standing Orders Committee*, kalau kita mahu peraturan, kalau mahu *First-World Parliament*, Peraturan Mesyuarat perlu *revamp*, di seluruh dunia Parlimen-Parlimen dan lain, Komanwel-Komanwel dan

lain ada mara ke depan, ada reformasi, ada modenisasi, tetapi kita tidak ada apa-apa pindaan kepada Peraturan-peraturan Mesyuarat semua untuk menyekat lebih ketat ruang kebebasan Ahli-ahli Parlimen, supaya kita Ahli Parlimen lebih bergerak sebagai *First-World Parliament*.

Saya ada beberapa kali kemukakan betapa penting kita ada satu *library*, ada satu *research unit* yang *world-class*. Bagaimana kita boleh ada *world-class* Parlimen kalau kita tidak ada *world-class library* dan *service unit*? Di Parlimen-Parlimen yang lain di United States, di Australia, di UK, mereka ada beratus-ratus *researchers* supaya boleh membantu Ahli-ahli Parlimen lebih faham, *knowledgeable*, pakar dalam pelbagai isu yang kita hadapi. Bukan sahaja Malaysia, dunia menghadapi tetapi sampai sekarang kita belum ada *researcher*. Kenapa kita ini boleh beri kepentingan? Sebab semua itu *First-World Parliament*.

Mengenai *Select Committee*, khasnya untuk *schedule* setiap *ministry*. Itu bukan untuk pembangkang sahaja, tetapi perlulah Ahli-ahli Parlimen. Kita perlu Ahli-ahli Parlimen tidak kira apa-apa parti boleh bekerjasama. Sungguhpun kita ada perbezaan fahaman, isu-isu tertentu tetapi untuk memperbaiki taraf dan prestasi Parlimen, kita patut boleh bersetuju, kita boleh bekerjasama. Tetapi kenapa Parlimen nampaknya tidak boleh bergerak terhadap satu *First-World Parliament* dan saya tidak tahulah bagaimana kita boleh mengadakan satu *consensus* mengenai perkara ini, oleh kerana apa yang mustahak.

Baru-baru ini negara kita kompelin, rasa sangat kesal bahawa dalam *Olympic Athens* kita tidak berjaya untuk mendapat, memperolehi satu medal pun. Satu medal pun tidak boleh, sungguhpun kita belanja lebih RM100 juta. Betul! Kenapa? Kita kata 'Malaysia Boleh', 'Malaysia Boleh'! Bangunan yang tertinggi, yang terpanjang, terbesar, sini, sana, tetapi dalam perkara-perkara yang penting, *achievement human spirit*, kita, Malaysia tidak boleh. Malaysia tidak boleh.

Apa yang kita perlu ialah bagaimana kita, apabila kita bercakap mengenai cemerlang, gemilang, terbilang, ialah dengan izin, *on essential matters, on things that are very important*, kita boleh menunjuk keunggulan dalam perkara ini. Kita mahu *world-class Police Force, world-class university, world-class civil service, world-class Parliament, a world-class standing* mengenai kerajaan, negara yang tidak ada korupsi. Itulah *world-class*. Semua ini bagaimana kita boleh mencapai matlamat dan tujuan-tujuan ini.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru-baru ini berkata bahawa kita sudah dekat setengah jalan Wawasan 2020, tetapi adakah kita lebih bersatu-padu? Semalam kita lihat ada satu program yang baik, satu inisiatif yang baik, di mana RTM adalah rela lebih terbuka mengadakan satu perbahasan *live telecast* sungguhpun ada beberapa singkatan, tetapi dalam Parlimen kenapa kita tidak rela mengadakan *live telecast*. *Live telecast* ialah supaya kita boleh *accountable* kepada rakyat supaya rakyat boleh mengikuti perjalanan Parlimen, mengadakan satu *participate pre-democracy*.

Oleh kerana *Parliamentary affairs* bukan sahaja patut terhad kepada Ahli-ahli Parlimen. Itu pun boleh melibatkan orang ramai dan ini semua kita perlu - kalau kita mahu 2020, kita mahu negara kita mencapai satu *first-world infrastructure, first-world mentality*, kita perlu untuk memberi perhatian dan mencapai satu *consensus*.

Saya harap bahawa dalam perkara ini..... [Sambil menyelak beberapa dokumen]

Puan Chong Eng: Penjelasan, penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Bukit Mertajam.

Tuan Lim Kit Siang: Ok.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Apa Bukit Mertajam.

Hendak tolongkah hendak apa?

Tuan Lim Kit Siang: Ya, ya. Ok.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: Tolong, tolong kawan.

Puan Chong Eng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat bagi Ipoh Timur. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengatakan kita seharusnya mempunyai *not just first world infrastructure but also first world mentality*. Kalau kerajaan bersikap mempunyai *first world mentality* bukankah kerajaan seharusnya lebih bersikap terbuka supaya semua taklimat yang diberikan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat oleh kementerian-kementerian haruslah juga termasuk Ahli-ahli Parlimen dari pembangkang.

Bukankah Ahli-ahli pembangkang juga merupakan sebahagian dari Parlimen ini dan saya rasa adakah Yang Berhormat bagi Ipoh Timur bersetuju bahawa Perdana Menteri juga perlu menunjukkan kepimpinannya melalui teladan supaya mengarahkan semua kementerian kalau ada taklimat yang gunakan *facilities* Parlimen ini, menggunakan Menteri pada masa kerjanya, ianya mesti termasuk Ahli Parlimen dari

pembangking. Kecualilah kalau dia gunakan *facility* UMNO atau *facility* MCA pada masa di luar masa kerja Menteri barulah dia boleh berikan kepada siapa dia suka. Apakah pendapat Yang Berhormat bagi Ipoh Timur? Terima kasih.

Tuan Lim Kit Siang: Kalau kita mahu bajet ini beza daripada bajet yang lain itulah antara satu ciri yang kita perlu ketengahkan bahawa keadilan dan menganggap semua rakyat sebagai rakyat Malaysia dan tidak membezakan dan mengadakan diskriminasi di sini mengenai atas fahaman politik atau parti politik. n Saya rasa tidak boleh ada apa-apa sebab yang kita boleh terima apabila satu taklimat Parlimen diberikan oleh beberapa kementerian berkenaan bahawa ada membezakan Ahli Parlimen pembangkang dan Ahli Parlimen kerajaan, kenapa?

Ini tidak wajar, tidak adil, tidak patut berlaku dan saya harap Yang Amat Berhormat akan ambil perhatian supaya untuk masa depan di Parlimen apabila ada apa-apa program yang melibatkan kerajaan dan bukan parti bahawa semua Ahli-ahli Parlimen tidak dibezakan.

Sebenarnya ini bukan sahaja untuk taklimat-taklimat, untuk peruntukan kawasan RM500,000 untuk Ahli Parlimen Barisan Nasional tetapi untuk wakil rakyat daripada pembangkang dinafikan. Atas apa prinsip diskriminasi ini diadakan dan diteruskan. Atas apa prinsip? Apa itu?

Puan Chong Eng: [*Bercakap tanpa pembesar suara*]

Tuan Lim Kit Siang: Pengundi-pengundi di kawasan-kawasan pembangkang mereka pun ada membayar cukai. Selain daripada kata baik untuk pengundi-pengundi di kawasan yang memilih parti pembangkang tidak payahlah bayar cukai. Barulah diskriminasi ini boleh berlaku.

Sebenarnya kalau kita ada satu sistem kehakiman yang adil perkara semacam ini tentulah ada diisytiharkan sebagai *unconstitutional*. *Unconstitutional! Discriminatory* dan *unconstitutional* dan mencabuli hak asasi rakyat Malaysia, tetapi tidak. Tetapi masuk Barisan Nasional. Mengapa mahu masuk Barisan Nasional - untuk dapat duit sahaja.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat tidak payah kacaulah Yang Berhormat. Bagi dia cakaplah.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, ya.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya tertarik dengan Yang Berhormat mengatakan untuk dapat duit sahaja. Tetapi adakah Yang Berhormat sedar apabila parti Yang Berhormat, DAP telah melantik Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor. Apabila melantik beliau menjadi Pengerusi DAP tetapi jawatan Ketua Pembangkang Yang Berhormat masih pegang.

[Dewan menjadi riuh seketika]

Sepatutnya jawatan itu diberikan kepada Bukit Gelugor. Ini kerana elaun dan juga kemudahan Yang Berhormat dapat. *[Ketawa]*

[Dewan menjadi riuh seketika]

Jadi ini *double standard* Yang Berhormat. Terima kasih. *[Ketawa]*

[Tepuk]

Tuan Lim Kit Siang: Sebenarnya saya tidak mahu campur tangan dalam hal urusan dalam parti-parti yang lain. Kalau mahu banyak yang kita boleh ceritakan. UMNO wang politik khasnya pilihan raya parti-parti *elections* di depan kita. Apa berlaku?

Bagaimana kita boleh cakap mengenai integriti dan membanteras rasuah apabila rasuah bermaharajalela dalam UMNO. Terdapat Setiausaha Parlimen digantung oleh kerana kecurangan beliau. Tetapi dalam Parlimen dia boleh teruskan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Yang Berhormat, Yang Berhormat sudah ubah.....

Tuan Lim Kit Siang: Tidak.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Topik tadi Yang Berhormat kata fasal duit. Jadi Yang Berhormat kata perjuangan duit apa ini. Tetapi Yang Berhormat sendiri pun sepatutnya sebagai orang yang telah menyerahkan jawatan sebagai Pengerusi DAP kepada yang baru, Ketua Pembangkang itu patut orang yang barulah. Begitu juga elaun dan begitu juga kemudahannya. Jadi ini baru nampak Yang Berhormat ini seorang yang jujur, seorang yang ada integriti dan seorang yang tegas dalam kepimpinan. Ini Yang Berhormat pun macam itu juga. Jadi,.....

Seorang Ahli: Sama sahaja.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:tidak usahlah Yang Berhormat. Dari segi UMNO pun kita bukan ini, cuma kita jumpa, makan sedikit, berkawan itu sahaja. Bukan kita ambil duit. Saya tidak akan hendak ambil duit. Saya ada maruah Yang Berhormat. Saya berjuang dalam parti saya berpuluh tahun.

Kadang-kadang tidak akan belanja makan salah. Tidak salah belanja makan bila kita jumpa, macam Yang Berhormat jumpa wakil-wakil dalam kawasan pun belanja makan. Itu adalah mengeratkan, dalam bahasa Melayu kata, silaturrahim di antara ahli-ahli UMNO.

Jadi Yang Berhormat kena faham. Tidak, kami parti yang memerintah ini nilai ringgit itu tidak ada, kerana nilai perjuangan kemerdekaan itu Yang Berhormat yang kami pertahankan sehingga hari ini. Jadi saya hendak minta Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat betul-betul ada integriti.....

[Dewan menjadi riuh seketika]

Jangan harap *return of investment* sahaja.....

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Yang Berhormat serahkanlah jawatan itu kepada Bukit Gelugor. Kasihan sama dia Yang Berhormat. Terima kasih Yang Berhormat. *[Ketawa]*

Seorang Ahli: Kena gantung.

Tuan Lim Kit Siang: Nampaknya orang yang bertanggungjawab untuk menggantungkan Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor sekarang menjadi *champion*. Hipokrasi. Bukankah ini hipokrasi. Isu bukan mengenai integriti atau apa. Isu ialah mengenai *sovereignty* setiap parti untuk buat keputusan masing-masing. Kalau mahu timbulkan perkara itu kita tentu terima. Kita mahu menyoalkan mengenai apa yang berlaku, *money politic*, *corruption* dalam UMNO.

Dalam UMNO sekarang tiap-tiap hari kita boleh baca surat khabar masih politik wang, politik wang untuk pertandingan dalam UMNO. Bukankah ini malu. Tadi apabila saya cakap mengenai PIN, mengenai *Plan Integrity National*, saya pun fikir mengenai perkara ini. Bagaimana kita boleh dengan serius bincang mengenai satu kempen membanteras korupsi. Apabila kita tengok Ahli-ahli Parlimen daripada UMNO di mana kita lihat masih masalah besar korupsi *politic of money* dalam *election*. Bagaimana? Dalam Dewan ini ada Ahli-ahli yang mendapat tindakan disiplin. Mereka berani datang untuk menggantungkan Yang Berhormat Bukit Gelugor tetapi tidak ambil tindakan untuk menggantungkan Ahli-ahli Parlimen UMNO yang sudah kena tindakan tatatertib. Adakah rela buat begitu? Bukankah ini *double standard*?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: Yang Berhormat, saya pun menawarkan diri bertanding Timbalan Pengerusi Tetap, saya tidak guna duit dan saya tidak beli undi. Kalau menang atau kalah, itu lain cerita. Saya bertanding juga dan juga Yang Berhormat bagi Sungai Petani. Jadi, soal parti di luar, soal di Parlimen lain. Kalau dia korup semasa di dalam Parlimen ataupun semasa pilihan raya, itu Suruhanjaya Pilihan raya boleh ambil tindakan.

Jadi, Yang Berhormat, pada satu ketika Yang Berhormat kata Suruhanjaya Pilihan Raya tidak adil, itu, ini, pilihan raya berat sebelah, *double standard*, itu adalah perkataan hobi Yang Berhormat, *double standard*, dari dulu masa saya masuk dan kita sama-sama keluar dan masuk balik, *[Ketawa]* saya dengar itu sahaja, *double standard* tidak habis-habis. Sedangkan Yang Berhormat sendiri pun praktis *double standard* dari segi kedudukan Yang Berhormat sebagai ini. *[[Menyampuk]*

Yang Berhormat masukkan anak Yang Berhormat dalam Setiausaha Agung DAP, Yang Berhormat pergi pegang pula jawatan lain, kononnya Pengerusi jawatankuasa apa, saya tidak tahu, tetapi letaklah seorang Benggali itu di situ sebagai tongkol dan Yang Berhormat sapu habis hak mana boleh, tinggal orang tua itu seorang. *[Ketawa]* Jadi, ini bukan *double standard*, *triple standard* namanya.

Tuan Lim Kit Siang: *[Ketawa]* Sedihlah.

Puan Chong Eng: Penjelasan.

Tuan Lim Kit Siang: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam.

Puan Chong Eng: Saya hendak dapat pandangan Yang Berhormat bagi Ipoh Timur, tadi Yang Berhormat bagi Jerai kata dia kena gantung kerana politik wang ialah urusan UMNO. Kalau urusan *election* ialah urusan SPR. Jadi, saya rasa Yang Berhormat bagi Jerai ini kurang faham bagaimana Ketua Pembangkang dipilih.

Perdana Menteri dipilih oleh siapa? Oleh parti yang terbesar di dalam Parlimen ini dan selalunya parti yang terbesar ialah Barisan Nasional. Harusnya dipilih oleh parti-parti komponen Barisan Nasional, tetapi semua orang tahu bahawa Perdana Menteri dipilih oleh UMNO. Siapa yang menjadi Presiden UMNO menjadi Perdana Menteri dan kita semua tahu. Kita tidak mahu campur tangan. Kita kata, "Eh dia ini kerana ingin sangat, mengapa tidak boleh beri *chance* kepada MCA? Bergilir-gilirlah." Kita tidak kata macam itu.

Dalam pembangkang, siapa yang menjadi parti pembangkang yang terbesar, jadi kami pembangkang yang pilih. Apa urusan dia hendak campur tangan? Tidak faham langsung. Apakah pendapat Yang Berhormat bagi Ipoh Timur?

Tuan Lim Kit Siang: Kalau Yang Berhormat bagi Jerai mahu ada hak untuk...

Puan Chong Eng: Masuk DAP.

Tuan Lim Kit Siang: Masuk DAPlah, keluar UMNO! *[Ketawa]* Masuk DAP tidak ada politik wang, bersih. Tetapi mahu masuk parti yang bersih, keluar dari satu parti yang ada...

Puan Chong Eng: *Money politic.*

Tuan Lim Kit Siang: *Money politic.*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: *[Bangun]*

Puan Teresa Kok Suh Sim: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ada dua yang bangun, Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Seputeh dan Yang Berhormat bagi Jerai. Ya, Jerai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: Terima kasihlah Yang Berhormat menawarkan saya masuk DAP, tetapi saya hendak duduk di dunia, saya tidak mahu naik roket pergi ke atas *[Ketawa]* fasal roket Yang Berhormat itu tidak ada hala tujuan. Kemudian rakyat telah buat keputusan bahawa Barisan Nasional adalah parti yang boleh memerintah negara kita yang merdeka ini. *[Tepuk]* Sebab itulah DAP...

Tuan Haji Ismail bin Noh: *[Mengambil tempat duduk]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: Ya syeikh, assalamualaikum syeikh. *[Ketawa]* ...dan juga parti pembangkang kurang mendapat kepercayaan daripada rakyat. Jadi, ini membuktikan bahawa rakyat memilih Barisan Nasional atas pembangunan dan sebagainya, tetapi DAP.... Macam mana saya hendak masuk DAP kalau saya tengok Yang Berhormat *double standard.*

Tetapi kalau politik wang, saya bersetuju. Ini menunjukkan UMNO begitu telus. Kalau siapa terlibat, gantung. *[Disampuk]* Itu menunjukkan bagusnya UMNO. Kita tidak. Kita kalau tidak bersih, kita gantung. Tetapi Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam tadi kata, siapa *senior* lebih duduk situ. Tetapi sekarang Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor sudah jadi Pengerusi DAP. *[Disampuk]* Jadi bila dia jadi Pengerusi DAP, haruslah Yang Berhormat bagi Ipoh Timur menghormati beliau sebagai....

Pengerusi DAP sekarang apa maknanya? Ibarat jadi harimau tidak ada gigi, ghaum, ghaum, kokak tidak boleh. *[Ketawa]*

Puan Chong Eng: *[Menyampuk]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Gigi talak woo! Ghaum, ghaum, tidak boleh kokak. *[Ketawa]* Bagi kacang pun tidak boleh makan. *[Ketawa]*
[Disampuk]

Jadi, sekarang DAP dengan kepimpinan yang ada ini, saya harap berilah laluan kepada dia. Cuma takkan dia hendak minta kepada Yang Berhormat bagi Ipoh Timur, kawan lama, kalau dia minta tidak sedaplah, tetapi Yang Berhormat bagi Ipoh Timur sebagai veteran *politician* dalam DAP harus ingat dan insaf bahawa, "Sekarang ini aku bukan lagi pengerusi. Patut berilah." Kalau macam saya pun sudah tidak jadi pengerusi, saya berilah kepada orang yang jadi pengerusi, apa-apa jawatan yang ada dalam Parlimen ini pun. Itu cara yang baik, Yang Berhormat bagi Ipoh Timur.

Tengok, hari ini Yang Berhormat bagi Kepong merajuk, dia tidak datang. *[Ketawa]* Fasal itulah, Yang Berhormat, tengoklah berapa ramai DAP, semua masa Yang Berhormat bercakap, mereka pun tidak ada hari ini. Kerana apa? Mereka rasa kecewa tetapi mereka tidak mahu tunjuklah kerana kalau Yang Berhormat marah, Yang Berhormat hentam mereka. *[Tepuk]* Tetapi ini dinamakan *silent protest* daripada ahli-ahli DAP. *[Disampuk]*

Puan Chong Eng: Ada di luar!

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Mana dia?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam sila duduk.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Seorang Ketua Pembangkang dari DAP berucap, ahli DAP tidak ada ini. Kalau saya, marah betul saya ini. Tetapi Yang Berhormat, itulah, balik Yang Berhormat fikirilah sebelum tidur, *[Ketawa]* kasihanlah sama Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor.

Begitu juga kalau Timbalan Perdana Menteri kita. Kalau dia tidak jadi Presiden Parti Barisan Nasional, tidak jadi Presiden Parti UMNO, takkan dia hendak jadi Perdana Menteri. Ini di atas persetujuan semua, barulah dia jadi Perdana Menteri. Ini cara kita, bermuafakat, bermuzakarah. Betul ini ustaz, Yang Berhormat bagi Pasir Mas? Muzakarah ya?

Tuan Haji Ismail bin Noh: *[Menyampuk]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ha, muzakarah. Tengoklah, macam itulah. Jadi, kalau boleh saya ingat... Saya dok bagi peluang Yang Berhormat hendak cari idea itu. *[Ketawa]* Dia dok tengah cari idea hendak hentam saya balik, saya tahu. Ini kita lama, Yang Berhormat, sama-sama kalah, sama-sama masuk balik. Jadi, saya sudah tahu perangai Yang Berhormat, Yang Berhormat pun tahu perangai saya.

Jadi, saya minta jangan kita kata pada orang. Kita tunjuk orang, dia tidak elok. *[Bercakap dalam bahasa Cina]* Dengan izin. Jadi, kita ini "su"kah atau "bosu"? Kita cantikkah atau tidak cantik? Ya Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam? Kadang-kadang saya kata Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam pet pet pet pet. Ya?

Puan Chong Eng: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, teruskan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: In saya minta penjelasan. Saya bagi *chance* kepada bekas Pengerusi DAP untuk cari *point* untuk cakap kerana saya tahu tadi kita tidak ganggu, dia susah hati. *[Ketawa]* Wakil rakyat ini, apabila kita diam sahaja tadi, Tuan Yang di-Pertua, kita tidak tanya apa-apa, dia susah hati saya tengok. *[Ketawa]* *[Disampuk]* Jadi, saya hendak bagi dia senang hati sedikit. Jadi, saya usik dia sedikit. Bila usik dia, dia mulalah. Tetapi gigi sudah tidak ada. *[Ketawa]* Dia duduk dalam sangkar, gigi tidak ada, ghaum, ghaum, ghaum, buat apa. Kemudian mai pula anak singa kecil, Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam.

Terima kasih Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat bersetuju dengan pandangan saya?

Tuan Lim Kit Siang: *[Bangun]*

Puan Teresa Kok Suh Sim: Minta penjelasan, minta penjelasan.

Tuan Lim Kit Siang: Saya mahu tengok...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Seputeh bangun, Seputeh.

Tuan Lim Kit Siang: Okey.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Ya, Yang Berhormat bagi Ipoh Timur, kalau kita gunakan analogi daripada Yang Berhormat bagi Jerai, kita lihat dia selalu cakap bila semua menteri tidak ada. Ha, hanya seorang sahaja duduk di sana. *[Memandang ke arah Yang Berhormat bagi Padang Rengas]* Dan kami juga hendak kaji peranannya

bukan lagi Presiden *Backbenchers Club* Barisan Nasional [Disampuk] tetapi nampaknya dia berucap lebih daripada Presidennya dan dia juga kalau kita kira, dia berucap lebih daripada Perdana Menteri dan semua Menteri Kabinet.

Jadi, soalan saya, kenapakah Yang Berhormat bagi Jerai tidak dilantik sebagai Presiden *Backbenchers Club*, tidak dilantik masuk ke dalam Kabinet ataupun Setiausaha Parlimen? Bukankah ini menunjukkan sebenarnya di dalam UMNO sendiri juga tidak sayang dan tidak guna pakai *talentnya*. [Ketawa] Minta penjelasan.

Tuan Lim Kit Siang: Ini bukti bahawa beliau tidak lakulah. [Ketawa] Tidak laku dalam parti beliau sendiri pun dan sebab itu dia mahu kacau-kacau.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Bagi *chance*, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Ha?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Bagi *chancelah*.

Puan Chong Eng: Nantilah, nantilah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Okey, saya hendak beri penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, dia belum bagi, Yang Berhormat. Yang Berhormat bagi Ipoh Timur hendak bagi?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Kalau saya tidak laku dalam parti, saya...

Beberapa Ahli: [Menyampuk]

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya hendak beritahu, saya adalah...

Tuan Lim Kit Siang: Saya belum bagi.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya adalah...

Tuan Lim Kit Siang: Belum bagi.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Tidak bagi lagi?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia belum bagi, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Nanti, nanti saya akan bagi.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Okey, okey.

Tuan Lim Kit Siang: Saya akan bagi.

Puan Chong Eng: [Menyampuk]

Tuan Lim Kit Siang: Yang sebenarnya saya mahu dengar bagaimana seorang yang boleh sebagai menyertai satu pihak, ambil tindakan yang tidak adil, menggantung Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor tanpa asas, tentu Yang Berhormat tahu tanpa asas, tidak ada asas untuk mengambil tindakan terhadap Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor tetapi sekarang mahu berpura-pura supaya *champion* Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor oleh kerana dia mahu kacau-kacau sahaja.

Apa yang mustahak di sini ialah keputusan parti masing-masing Dalam lain perkataan Yang Berhormat mahu campur tangan, boleh, dia boleh masuk DAP tetapi sama ada kita akan terima beliau, itu hal yang lainlah. Kita mahu tengok sama ada dia ada terlibat dalam politik wang dalam UMNO. Kalau ada terlibat dalam politik wang dalam UMNO tentulah kita tolak, tidak boleh terima, kita tidak mahu orang-orang jahat dan kotor seperti ini dalam parti DAP. Adakah bersih atau adakah kotor kita tidak tahu. Dia kata tidak terlibat dalam politik wang, siapa tahu? Semua orang yang diheret ke mahkamah dan mereka dituduh kerana salah rasuah, mereka pun berkata mereka tidak bersalah, tidak terlibat.

Puan Chong Eng: Beri makan sikit-sikit saja.

Tuan Lim Kit Siang: Ya.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: Penjelasan, penjelasan Yang Berhormat. Jadi Yang Berhormat, sudahlah kami ini menggantung Ahli Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor daripada jawatannya dalam Parlimen, Yang Berhormat pula tidak beri elaun kepadanya lagi aniaya orang itu, [*Ketawa*] kasihan kepada dia.

Seorang Ahli: Yah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: Jadi, Yang Berhormat patut bagi itu kepadanya, jadi dia seronoklah sedikit. Ini kita lihat dia, sudahlah digantung dan Yang Berhormat sebagai orang lama juga di dalam Dewan ini, saya menasihati dia supaya sebagai seorang pemimpin, sebagai seorang *lawyer* yang berkebolehan dan sebagainya, supaya kita ialah, hidup ini kita kena bertolak ansur, jangan ada keegoan dan sebagai tetapi boleh di tolak.

Dan untuk menjelaskan kepada Seputeh, Amoi, [*Bercakap dalam bahasa Tionghua*], dengan izin, [*Ketawa*].

Puan Chong Eng: [*Menyampuk*]

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: Saya tidak mahu jadi Pengerusi *Backbencher* kerana saya menghormati Johor, kerana dia lebih senior daripada saya.

Ini menghormati dan saya bercakap banyak kerana saya untuk membela rakyat, saya mewakili rakyat. Kalau saya pegang jawatan, saya tidak boleh bercakap. Sekarang macam-macam saya boleh bercakap, kerana apa? Kerana saya adalah seorang pejuang, seorang wira bangsa, agama dan tanah air. Hah, jadi baru sekarang wakil-wakil DAP telefon suruh masukkah atau macam mana? Bukit Mertajam telefon.
[Bertutur dalam bahasa Tionghua]

Puan Chong Eng: Hey, pakcik jangan cakap macam inilah!

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Seputeh cakap, saya cakap banyak cakap. Saya bercakap banyak kerana saya membela bangsa, membela agama, tanah air dan rakyat. Begitu juga Ipoh Timor bercakap kadang-kadang ingatkah semasa Pembukaan Rasmi Dewan ini? Berapa hari dia bercakap?

Puan Chong Eng: Jangan campur rumah tangga orang lain.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Pok pek, pok pek, pok pek. Kemudian Bukit Mertajam pek pok, pek pok, pek pok masuk meh.

Puan Chong Eng: Awak cakap apa?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam.

Puan Chong Eng: You cakap apa?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Pok pek, pok pek.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Bukit Mertajam sila duduk.

Puan Chong Eng: You cakap macam mana?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Yang Berhormat, ya memanglah, lazimnya wanita

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Bukit Mertajam, sila duduk!

Puan Chong Eng: Awak cakaplah baik-baik sikit. Ini orang tua tidak tunjuk teladan yang baik.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sila duduk.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Yang Berhormat, bukan orang tua.

Puan Chong Eng: Bukan orang tua, orang lamalah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya tidak kata Yang Berhormat orang tua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Bukit Mertajam, sila duduk.

Puan Chong Eng: Cakap baik-baiklah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Yang Berhormat pun cantik. Tengok Yang Berhormat pun *cutting* pun elok semua okey, saya tidak kata Yang Berhormat tidak cantik. Bila senyum pun manis.

Puan Chong Eng: Tidak usah cakaplah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Tetapi mulut, mulut ada sedikit ganggu. Itu semua okey.

Puan Chong Eng: Ini sebelum saya masuk Parlimen pun dengar dia punya namalah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam, sila duduk, sila duduk.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih ya.

Puan Chong Eng: [*Masih bercakap*]

Tuan Lim Kit Siang: Cukuplah, cukuplah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Bukit Mertajam, sila duduk.

Puan Chong Eng: [*Bercakap tanpa pembesar suara*] Itu bukan urusan awak.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ipoh Timor teruskan.

Tuan Lim Kit Siang: Ya kalau Yang Berhormat bagi Jerai mahu tunjuk bahawa dia serius, dia yang jujur, saya harap dia boleh menyahut cadangan saya tadi dan boleh mengambil satu peranan supaya Parlimen ini boleh mengkaji dan memansuhkan, membatalkan usul untuk menggantung Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor oleh sebab ini tidak berasas. Adakah Yang Berhormat bagi Jerai rela berbuat begitu? Dan menunjukkan bahawa dia ada *a sense of justice*. Adakah beliau berani? Apa guna *crocodile tears*, pura-pura sahaja hypocritical, adakah rela?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Ipoh Timor, ada lima minit lagi, hendak habiskan atau hendak gulung.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, adakah rela?

Puan Chong Eng: Sambung besoklah.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, tadi ada saya sebut bagaimana kita boleh membezakan bajet Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan bajet-bajet yang lain yang menunjukkan itulah *different*, perbezaan antaranya ialah bahawa yang menegaskan bahawa kerajaan ini adil, bukan semacam apa yang ditunjukkan oleh Yang Berhormat bagi Jerai. Mana ada adil?

Dan kalau mahu adil dan demokratik perlulah memulakan satu kajian di mana undang-undang yang tidak demokratik draconian dimansuhkan, dibatalkan semacam *Internal Security Act*, *Official Secrets Act* dan *Printing Press And Publication Act* mengenai *false news*, *Police Act* yang menyekat kebebasan untuk berhimpun, yang bersuara.

Sungguhpun baru-baru ini selepas Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengambil alih kuasa, kita boleh melihat sedikit surat khabar, *mainstream* yang lebih bebas tetapi belum sampai tahap yang kita boleh lihat, boleh kita kata, kita sudah ada *a free independent* dan *responsible press*. Tengok apa yang berlaku pada 2 September, mungkin kita tidak mahu kata mengenai isu politik. Perkara itu saya ada kata itu *win win* untuk semua, bukankah itu baik untuk negara? Tidak kira kita tidak mahu kata mengenai kepentingan satu parti - UMNO. Mungkin UMNO tidak suka mengenai Anwar Ibrahim dibebaskan, tetapi untuk negara, untuk nama baik negara, untuk menimbulkan rasa kepercayaan orang ramai terhadap sistem kehakiman inilah langkah pertama yang penting.

Seorang Ahli: [Menyampuk]

Tuan Lim Kit Siang: Betul sekarang nampaknya UMNO sangat kluatir dan sekarang bahawa Anwar Ibrahim tidak akan diterima balik kepada UMNO oleh kerana takutlah, takut apa yang berlaku dalam UMNO. Tetapi itu hal yang lain, untuk negara, itulah perkembangan yang baik.

Kita tidak mahu melihat hanya untuk kepentingan satu parti sahaja. Itu apa yang telah saya sebutkan tadi, bahawa mengenai *development funds* untuk kawasan-kawasan semua parti. Kenapa diskriminasi terhadap parti-parti yang pembangkang. Kalau begitu ini menunjuk bahawa kita tidak boleh kata kita sudah mencapai satu tahap, kita ada *first world infrastructure*, *first world mentality*. Tidak sampai, sehingga ada wakil rakyat yang berani berdiri sebagai kalau Yang Berhormat bagi Jerai berani berdiri di sini kata betul, kita mengikut apa yang adil, untuk *development funds* untuk

semua parti. Barulah kita kata kita ke arah *first world infrastructure, first world mentality* kalau tidak fahaman itu bagaimana. Bagaimana kita boleh jadi satu *fully develop nation*? Kalau tidak fahaman keadilan itu, tentulah ada berlaku *money politics* dalam UMNO, adalah korupsi dalam UMNO, ada berbagai-bagai penyalahgunaan kuasa dalam UMNO.

Saya harap bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan memberi pertimbangan yang serius khasnya bermula dengan membebaskan akhbar. *Annual Licensing Law* setiap tahun perlu membaharui lesen untuk surat khabar patutlah dibatalkan. Dibatalkan! Kita mahu satu iklim suasana yang lebih bebas. Bagaimana kita boleh *brand* Malaysia sebagai satu negara ada *meritokrasi, kreativiti*, apabila kita ada undang-undang yang *draconian* yang semacam ini, kenapa kita takut?

Bukan, kalau surat khabar tidak ada *Annual Licensing Law*, mereka boleh buat apa yang mereka suka kerana ada banyak undang-undang yang lain, sama ada *deformation, Criminal Deformation* dan lain-lain yang boleh digunakan supaya mereka pun perlu bertanggungjawab.

Saya harap ini boleh menjadi satu panduan untuk kerajaan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supaya menunjukkan, dia kata mahu melaksanakan segala manifesto, semua janji Barisan Nasional. Itu perlu diadakan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ipoh Timor.

Tuan Lim Kit Siang: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Masa, Yang Berhormat sudah bercakap.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, belum habis, belum habis.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Boleh sambung esok?

Puan Chong Eng: Sambung besoklah.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, belum habis!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat sudah bercakap lebih kurang dua jam setengah.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, saya sudah bercakap begitu, ya saya belum habis. Saya akan teruskan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Untuk perancangan saya membenarkan Ahli Yang Berhormat sambung esok lebih kurang setengah jam lagi.

Tuan Lim Kit Siang: Satu jam, satu jam. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, waktu sekarang ialah jam 5.30 petang, oleh itu Dewan yang mulia ini ditangguh sehingga jam 10.00 hari esok. Dewan ditangguhkan.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.